Laporan Tahunan 2019

USIM

Universiti Sains Islam Malaysia

Laporan Tahunan 2019

Universiti Sains Islam Malaysia

USIM

SEPINTAS LALU

86
PROGRAM AKADEMIK

- Sarjana Muda: 32
- Pascasiswazah: 49
- Tamhidi: 5

1
PUSAT KECEMERLANGAN

- International Fatwa and Halal Centre (iFFAH) yang merupakan gabungan:

World Fatwa Management and Research Institute (INFAD)

Institute of Halal Research and Management (IHRAM)

9
FAKULTI

- Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah
- Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan
- Fakulti Syariah dan Undang-Undang
- Fakulti Ekonomi dan Muamalat
- Fakulti Sains dan Teknologi
- Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
- Fakulti Pengajian Bahasa Utama
- Fakulti Pergigian
- Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina

12,415
PELAJAR

- Sarjana Muda: 10,189
- Pascasiswazah: 1,368
- Tamhidi: 858

716
PELAJAR ANTARABANGSA

- Sarjana Muda: 80
- Tamhidi: 2
- Ph.D: 535
- Siswazah: 99

438
PELAJAR KOLEJ GENIUS INSAN

- Pelajar Mengikut Program Perkhemahan: 235
- Pelajar Kolej: 203

93.49%
PELAJAR BERGRADUAT MENGIKUT MASA

22,634
ALUMNI

- Sarjana Muda: 20,471
- Pascasiswazah: 2,163
- Tempatan: 21,846
- Antarabangsa: 788

1,653
STAF

- Akademik: 764 (692 Aktif)
  - Berstatus Ph.D: 527 (68.97%)
  - Ahli Akademik Antarabangsa: 55
- Pentadbiran: 889

Data sehingga Disember 2019

ISI KANDUNGAN
LAPORAN TAHUNAN 2019

002
USIM Sepintas Lalu

004
Profil Universiti

016
Ringkasan Eksekutif

018
Kelestarian Kampus Merancakkan Keilmuan

036
Rekayasa Keunggulan Akademik

064
Kebitaraan Siswa dan Alumni

086
Penyelidikan Berimpak Memacu Ummah

118
Kecemerlangan Bakat dan Ikon

132
Memberdaya Kelestarian Kewangan

140
Petunjuk Prestasi Utama dan Pencapaian USIM Bagi Tahun 2019

142
Prestasi Kewangan 2019

152
Laporan Kewangan 2019 Ketua Audit Negara

190
Senarai Akronim dan Singkatan

192
Ahli Jawatankuasa Penyediaan Laporan Tahunan 2019

PROFIL UNIVERSITI

MOTO
Berilmu, Berdisiplin dan Bertakwa

FALSAFAH
Paduan di antara ilmu Naqli dan Aqli serta budi pekerti yang mulia adalah teras utama membentuk generasi cemerlang dan masyarakat berilmu

VISI
Menjadi sebuah institusi pendidikan tinggi Islam terkehadapan untuk kesejahteraan sejagat

MISI
Mengintegrasikan ilmu Naqli dan Aqli untuk menghasilkan graduan yang bernilai mulia bagi mentransformasikan negara dan ummah

TEMA
Menerajui Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli

OBJEKTIF

- Memartabatkan pendidikan Islam serta membawanya ke dalam arus perdana pendidikan negara
- Membina kesepaduan antara teori dan amali dalam diri setiap siswazah yang dikeluarkan
- Melahirkan ilmuan Islam yang berpendidikan sepadu, mampu memimpin masyarakat majmuk serta mempunyai potensi yang tinggi menerajui pembangunan negara
- Meneroka dan mengembalikan tradisi keilmuan Islam yang unggul bersesuaian dengan persekitaran dan teknologi terkini
- Membekalkan modal insan yang kukuh dengan penghayatan nilai Islam yang mampu berinteraksi dan berkomunikasi dengan berkesan dalam masyarakat

TUANKU
CANSELOR

Duli Yang Maha Mulia Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus

Tuanku Aishah Rohani Binti Almarhum Tengku Besar Mahmud

DK (NS),DPTJ

PRO-CANSELOR

Yang Amat Mulia Tunku Besar Seri Menanti

Tunku Ali Redhauddin Ibni Tuanku Muhriz

D.K.Y.R, S.S.T.M
MPA (Harvard), BA (Hons) History and Social & Political Sciences (Cantab.)

PRO-CANSELOR

Yang Amat Berbahagia

Tun Dato' Seri (Dr.) Zaki Tun Azmi

Barrister-at-Law (Lincoln's Inn)

LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI

Pengerusi

PROF. DATO' DR. SIDDIQ HJ FADZIL

DPMP, PCM
BA (Hons) UM, M.Litt UKM, Ph.D UKM

Ahli-Ahli

PROF. DR. MOHAMED RIDZA WAHIDDIN
FASC

KMN
OSA Senior Member,
B.Sc (Hons) Physics (Manchester),
M.Sc (Theoretical Physics) (Manchester),
Ph.D (Theoretical Physics) (Manchester),
Dip. (Islamic Studies) (IIUM),
DSc (Higher Doctoral Degree) (Manchester)

Naib Canselor (Berkuatkuasa 23/9/2019)

PUAN SUHARA HUSNI

LL.B (Hons) (IIUM), LL.B Shariah (Hons) (IIUM), MBA (UKM)

ENCIK RAMZI MANSOR

DSM, AMK, BSK
BA Hons (Admin) (UUM),
MA (Hiroshima)

DATO' DR. RAZALI AB. MALIK

KMN, DPNS
Ph.D (Political Science)
(UKM)

PROF. EMERITUS DATO' DR. NIK MOHD NASRI NIK ISMAIL

DSNS
MBChB (Alexandria), MRCOG,
FICS, FRCOG (London)

IR. DR. MUHAMAD FUAD ABDULLAH

B.Sc Hons (Soton), BA (Jayyid) (Jordan),
MPhil. (Soton), Ph.D (Aberdeen)
FIEM, PEPC, ACPE, ASEAN Eng, APEC Eng,
Int. PE (My)

Lantikan semasa

Telah tamat lantikan

PROF. DR. MOHAMAD AKRAM LALDIN

PhD (Islamic Law) Edinburgh,
B.A (Hons)
(Islamic Jurisprudence and Legislation) Jordan

ENCIK MOHD HARIRI MOHAMAD DAUD

Dip. (Usuluddin) (KUSZA),
BA Hons (Da'wah and Islamic Management) (USIM),
MA (HRD) (UPM)

PROF. DATO' DR. MUSA AHMAD
FASC

D.B.N.S., J.M.N
B.Sc. (UKM), M.Sc, Ph.D (Manchester), AMIC

Naib Canselor
(Lantikan 16 Ogos 2014 hingga 15 Ogos 2019)

ENCIK ZULKEFLY ALIAS

JMW
BA Hons (Malay Studies) (UM)
(Lantikan 2 Januari 2018 hingga 31 Julai 2019)

DATIN NIK ROSLINI RAJA ISMAIL

BA Hons (Acct) (Exeter),
MBA (Islamic Finance) (IIUM)
(Lantikan 15 Jun 2018 hingga 31 Mei 2019)

DATO' IDRIS KECHOT

KMN, DIMP
B.Sc (Hons) (UPM),
MBA (Finance) (UK), CFP
(Lantikan 15 Ogos 2012 hingga 14 Ogos 2019)

Setiausaha

TAN SRI DATO' HAJI OTHMAN MUSTAPHA

PSM, AMN, DMSM (Melaka), DPSK (Kelantan)
BA Syariah (Hons) (UKM), Cert. of Special Course for Malaysia Islamic Officers (London), Cert. of Sharia Governance Course (Birmingham University,UK)
(Lantikan 1 Julai 2017 hingga 30 Jun 2019)

DATO' MUHAMMAD HAIZUAN ROZALI

DBNS, DPT, ANS, KMN
SmSa, SSa (UKM)

Pendaftar

JAWATANKUASA PENGURUSAN UNIVERSITI

Pengerusi

PROF. DATO' DR. MUSA AHMAD
F A S C

Naib Canselor
(16/8/2017 – 15/8/2019)

D.B.N.S., J.M.N
B.Sc. (UKM), M.Sc, Ph.D (Manchester), AMIC
(Lantikan 16 Ogos 2014 hingga 15 Ogos 2019)

PROF. DR. MOHAMED RIDZA WAHIDDIN
F A S C

Naib Canselor
(Berkuatkuasa 23/9/2019)

KMN
OSA Senior Member, B.Sc (Hons) Physics (Manchester),
M.Sc (Theoretical Physics) (Manchester),
Ph.D (Theoretical Physics) (Manchester),
Dip. (Islamic Studies) (IIUM), DSc (Higher Doctoral Degree)
(Manchester)

Ahli-Ahli

PROF. DR. ABDUL RAHIM ABDUL RAHMAN

Timbalan Naib Canselor
(Akademik & Antarabangsa)

BA Hons (East London), M.Sc
(Southampton),
Ph.D (Southampton)

PROF. MADYA DR. MOHD RUSHDAN MOHD JAILANI

Timbalan Naib Canselor
(HEP & Alumni)

Dip. Arabic (KUSZA), BA Hons
(IIUM), MA (ISTAC, IIUM),
Ph.D (Exeter)

PROF. DATO' DR. ROSHADA HASHIM

Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan & Inovasi)
(1/12/2016 – 30/11/2019)

DBNS
B.Sc Hons (Salford), Ph.D
(Salford)

PROF. DR. MOHAMMAD HAMIRUCE MARHABAN

Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan & Inovasi)
(15/12/2019- 14/12/2022)

B. Eng (Salford, UK),
Ph.D (Surrey, UK)

DATO' MUHAMMAD HAIZUAN ROZALI

Pendaftar

DBNS, DPT, ANS, KMN
SmSa, SSa (UKM)

DATO' HAJI MOHD ABD RASID MOHD FADZIL

Bendahari

DBNS, JSM, DNS, ANS
DPI (UKM), BEcons (UM), MBA
(Cardiff University)

Lantikan semasa

Telah tamat lantikan

PUAN NOR AZZAH MOMIN

Ketua Pustakawan

BA (Hons) (IIUM), Post Grad. Dip (UiTM), M.Sc (UiTM)

PUAN YUHANI JAMIRAN

Penasihat Undang-Undang

LL.B (Hons) (IIUM), LL.B Shariah (Hons) (IIUM)

PROF. MADYA DR. ASMADDY HARIS

Penolong Naib Canselor (Pengurusan Infrastruktur, Perancangan Pembangunan dan Projek Khas)

BEc, MEC (UUM), Ph.D (UKM)

PROF. DR. MOHD YAHYA MOHAMED ARIFFIN

Penolong Naib Canselor (Perancangan Strategik dan Pengantarabangsaan)

BA Hons (UKM), MA (UKM), Ph.D (UM)

IR. AZAHAR AWALLUDIN

Pemangku Pengarah Pembangunan

B.Eng (Hons) Mechanical (UTM), MBA (UM), P.Eng

DR. HAYATI ISMAIL

Pengarah Pusat Komunikasi Strategik (Sehingga 6/10/2019)

Ph.D (Warwick University, UK), M. Ed TESL (UTM) B.Ed TESL Hons (UPM)

PROF. MADYA TS. DR. MADIHAH MOHD SAUDI

Ketua Pegawai Maklumat

B.Sc (Hons) Comp. Science (UKM) MSc. Software Eng (UM) Ph.D Computer Security (Bradford) GSEC CERT (SANS Institute,USA) CEH CERT (EC-COUNCIL,USA)

SENAT UNIVERSITI

Pengerusi

Prof. Dr. Mohamed Ridza Wahiddin
Naib Canselor

Ahli-ahli

Prof. Dr. Abdul Rahim Abdul Rahman
Timbalan Naib Canselor
(Akademik dan Antarabangsa)

Prof. Madya Dr. Mohd Rushdan Mohd Jailani
Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Prof. Dato' Dr. Roshada Hashim
Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan dan Inovasi)
(1/12/2016 – 30/11/2019)

Prof. Dr. Mohammad Hamiruce Marhaban
Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan dan Inovasi)
(15/12/2019- 14/12/2022)

Prof. Madya Dr. Mohd Faizal Kasmani
Dekan
Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan

Prof. Dr. Muhammad Mustaqim Mohd Zarif
Dekan
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah

Prof. Madya Dr. Arif Fahmi Md Yusof
Dekan
Fakulti Syariah dan Undang-Undang

Prof. Madya Dr. Muhammad Ridhwan Ab. Aziz
Dekan
Fakulti Ekonomi dan Muamalat

Prof. Dr. Rosalina Abdul Salam
Dekan
Fakulti Sains dan Teknologi

Prof. Dr. Muhammad Shamsir Mohd Aris
Dekan
Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan

Prof. Madya Dr. Nurkhamimi Zainuddin
Dekan
Fakulti Pengajian Bahasa Utama

Dr. Ainuddin Yushar Yusof
Dekan
Fakulti Pergigian

Ar. Dr. Elina Mohd Husini
Dekan
Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina

Prof. Madya Dr. Amir Shaharuddin
Dekan
Pusat Pengajian Siswazah

Puan Alifah Hj. Hamid
Pengarah
Pusat Tamhidi

Dr. Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali
Pengarah
Pusat Pengajian Teras

Prof. Madya Dr. Abdul Manan Ismail
Pengarah
Pusat Pembangunan Kemahiran Insaniah

Dr. Mohd Azman Hashim @ Ismail
Pengarah
Institut Sains Islam

Prof. Madya Dr. Mahazan Bin Abdul Mutalib @ Taib
Pengarah
Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi

Prof. Emeritus Dato' Dr. Nik Mohd Nasri Nik Ismail
Profesor Perubatan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan

Prof. Dr. Abdul Samat Musa
Profesor Fakulti Syariah dan Undang-Undang

Prof. Dato' Dr. Mahmud Mohd Nor
Profesor Perubatan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan

Prof. Dr. Bachok M. Taib
Profesor Fakulti Sains dan Teknologi

Prof. Emeritus Dato' Dr. Wan Mohamad Nasir Wan Othman
Profesor Fakulti Pergigian

Prof. Dato' Dr. Mustafa Mohd Hanefah
Profesor Fakulti Ekonomi dan Muamalat

Prof. Emeritus. Dr. Jalani Sukaimi
Profesor Fakulti Sains dan Teknologi

Prof. Dr. Amir Husin Mohd Nor
Profesor Fakulti Syariah dan Undang-Undang

Prof. Dr. Haslee Sharil Lim Abdullah
Profesor Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan

Prof. Dr. Mohd Fadzillah Abdul Razak
Profesor Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan

En. Mohammad Aizudin Abdul Aziz
Pengarah Pusat Islam

Prof. Madya Dr. Rafidah Hanim Mokhtar
Pengarah Pusat Libatsama Masyarakat dan Jaringan Industri

Prof. Madya Dr. Nurlida Basir
Pengarah Pusat Jaminan Kualiti, Dasar dan Kecemerlangan Akademik

Prof. Madya Dr. Ernie Suzana Ali
Ketua Jabatan Pemasaran dan Kemasukan Pelajar

Dato' Muhammad Haizuan Rozali
Pendaftar

Dato' Haji Mohd Abd Rasid Mohd Fadzil
Bendahari

Pn. Nor Azzah Momin
Ketua Pustakawan

Pn. Yuhani Jamiran
Penasihat Undang-Undang

Setiausaha

En. Hammad Farhi Mohd Saudi
Ketua Bahagian Pengurusan Akademik

Urus Setia

Pn. Nor Fadzlina Azahari
Penolong Pendaftar Bahagian Pengurusan Akademik

DEKAN-DEKAN UNIVERSITI

Prof. Madya Dr. Mohd Faizal Kasmani
Dekan
Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan

Prof. Dr. Muhammad Mustaqim Mohd Zarif
Dekan
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah

Prof. Madya Dr. Arif Fahmi Md Yusof
Dekan
Fakulti Syariah dan Undang-Undang

Prof. Madya Dr. Muhammad Ridhwan Ab. Aziz
Dekan
Fakulti Ekonomi dan Muamalat

Prof. Dr. Rosalina Abdul Salam
Dekan
Fakulti Sains dan Teknologi

Prof. Dr. Muhammad Shamsir Mohd Aris
Dekan
Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan

Prof. Madya Dr. Nurkhamimi Zainuddin
Dekan
Fakulti Pengajian Bahasa Utama

Dr. Ainuddin Yushar Yusof
Dekan
Fakulti Pergigian

Ar. Dr. Elina Mohd Husini
Dekan
Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina

Prof. Madya Dr. Amir Shaharuddin
Dekan
Pusat Pengajian Siswazah

PENGARAH/KETUA BAHAGIAN

JABATAN/PUSAT/INSTITUT

Pengarah Kolej GENIUS Insan
Prof. Dr. Che Husna Che Azhari

Pengarah Pusat Jaminan Kualiti, Dasar dan Kecemerlangan Akademik
Prof. Madya Dr. Nurlida Basir

Pengarah Pusat Pengajian Teras
Dr. Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali

Pengarah USIM 'Alamiyyah
Dr. Khatijah Othman

Pengarah Pusat Tamhidi
Pn. Alifah Hj. Hamid

Ketua Bahagian Pengurusan Akademik
En. Hammad Farhi Mohd Saudi

Menjalankan Tugas Pengarah Centre for Global Open Access Learning, Immersive Technology & Networks
Pn. Khadijah Chamili

Pengarah Pusat Pembangunan Kemahiran Insaniah
Prof. Madya Dr. Abdul Manan Ismail

Pengarah Pusat Keusahawanan Universiti
Dr. Mohd Shukor Bin Harun

Pengarah Pusat Islam
En. Mohammad Aizuddin Bin Abdul Aziz

Pengarah Pusat Kesihatan Universiti
Dr. Nik Mohd Shafikudin Md Taujuddin

Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar
En. Nasrul Hakim Ahmad

Pengarah Pusat Alumni dan Kerjaya
En. Mohd Asri Husain

Pengarah Pusat Sukan
En. Hamran Husin

Pengarah Pusat Perumahan Pelajar
En. Ahmad Kamal Mustafa

Pengarah Pusat Kebudayaan
En. Ismail Ahmed

Menjalankan Tugas Pengarah Besar International Fatwa and Halal Centre
Prof. Madya Dr. Irwan Mohd Subri

Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan & Inovasi
Prof. Madya Dr. Mahazan Abdul Mutalib @ Taib

Pengarah Institut Sains Islam
Prof. Madya Dr. Mohd Azman Hashim @ Ismail

Pengarah Pusat Libatsama Masyarakat dan Jaringan Industri
Prof. Madya Dr. Rafidah Hanim Binti Mokhtar

Ketua Bahagian Penerbitan
Pn. Hariza Mohd Yusof

Pengarah Pusat Komunikasi Strategik
Dr. Hayati Ismail

Ketua Bahagian Audit Dalam
En. Hezan Shah Zainuddin

Pengarah Pasukan Latihan Pegawai Simpanan
En. Rozaimi Kamarudin

Pengarah Pusat Wakaf dan Zakat
Dr. Mushaddad Bin Hasbullah

Pengarah Jabatan Keselamatan
Kapt. (B) Abdul Wahab Mat Zin

Pengarah Bersama Pusat Pakar Kesihatan USIM
Prof. Dr. Muhammad Shamsir Mohd Aris dan Dr. Ainuddin Yushar Yusof

Pengarah Pejabat Penyelarasan Pembinaan Kompleks Kesihatan USIM
Prof. Emeritus Dato' Dr. Nik. Mohd Nasri Nik Ismail

Ketua Pegawai Maklumat / Chief Information Officer
Prof. Madya TS. Dr. Madihah Mohd Saudi

Ketua Jabatan Pemasaran dan Kemasukan Pelajar
Prof. Madya Dr. Ernie Suzana Ali

Pengarah World Fatwa Management and Research Institute
Prof. Madya Dr. Irwan Mohd Subri

Pengarah Institute of Halal and Research Management
Prof. Madya Dr. Che Wan Zanariah Che Wan Ngah

CARTA ORGANISASI




Canselor
Pro-Canselor
Lembaga Pengarah Universiti
- Jawatankuasa Audit
- Jawatankuasa Tetap Kewangan
- Jawatankuasa Penyelarasan Pembangunan
- Jawatankuasa Pengurusan Risiko
- Jawatankuasa Pelaburan
Naib Canselor
Hal Ehwal Pentadbiran
Hal Ehwal Kewangan
Hal Ehwal Pengurusan Ilmu
Hal Ehwal Perundangan
Pendaftar
Bendahari
Ketua Pustakawan
Penasihat Undang-Undang
Ketua Pegawai Maklumat (CIO)
Jabatan Keselamatan
Jabatan Pendaftar
Jabatan Bendahari
Pusat Wakaf & Zakat (PWZ)
Jabatan Perpustakaan
Jabatan Undang-Undang
Bahagian Governan & Pentadbiran Am
Bahagian Sumber Manusia
Bahagian Pelaporan Kewangan
Bahagian Operasi Kewangan
Bahagian Pentadbiran
Unit Kampus Cawangan
Pejabat Naib Canselor
Pejabat TNC A&A
Pejabat TNC HEPA
Pejabat TNC P&I
Keurusetiaan Canselori
Bahagian Audit Dalam
Pusat Pakar Kesihatan USIM
Pusat Komunikasi Strategik
Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES)
OSHA
Bahagian Pengurusan Risiko & Integriti
Unit Integriti
Unit Risiko
Bahagian Pengurusan
Bahagian Teknikal
Bahagian Perkhidmatan
Perpustakaan Kampus Cawangan
Petunjuk : Merujuk Kepada Penglibatan Semua TTNC Dengan Fakulti
Petunjuk : Merujuk Kepada Penglibatan Pendaftar dengan Jabatan Berkenaan

RINGKASAN EKSEKUTIF

Tahun 2019 menyaksikan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) bergerak pantas dan lebih sistematik dalam usaha melonjakkan universiti ini sebagai peneraju Integrasi ilmu Naqli dan Aqli dengan sasaran menjadi rujukan di peringkat nasional, serantau dan global. Sebagaimana pepatah Melayu yang mengatakan “Bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat”, begitu jugalah kerjasama kolektif dan usaha bersepadu yang dirangka dan dilaksanakan untuk memastikan Pelan Strategik USIM 2016-2025 berada pada landasan yang betul untuk mencapai matlamatnya.

Pelaksanaan Pelan Strategik USIM pada tahun 2019 bermula dengan sesi onboarding bersama semua Ketua-Ketua Jabatan yang baharu dilantik bagi memastikan kepemimpinan USIM di setiap peringkat dapat berpandangan jauh dan melihat keperluan global bagi mengukuhkan kedudukan USIM di peringkat kebangsaan dan serantau.

Namun begitu pelan yang direncanakan ini tidak akan berjaya tanpa pelan komunikasi yang jelas dan garis masa yang ditetapkan untuk mendapatkan komitmen pelaksanaan daripada semua warga USIM. Justeru, inisiatif yang dirangka di bawah Pelan Strategik USIM 2016-2025 dijajarkan dengan Amanat Naib Canselor 2019, Laporan Tahunan dan Anugerah Kualiti USIM bagi memudahkan penyampaian mesej yang sama, jelas dan konsisten.

Dengan menekankan prinsip musyawarah dalam melaksanakan Pelan Strategik USIM, pengurusan tertinggi bersama-sama barisan kepimpinan jabatan merangka pelan pelaksanaan yang sistematik dengan melantik peneraju bagi setiap inisiatif yang ditetapkan.
Enam tujuan strategik yang telah ditetapkan bagi tahun 2019 adalah:

1. Menyemarakkan Kampus Barakah
2. Memperkukuh dan menginovasi program akademik berteraskan Integrasi ilmu Naqli dan Aqli
3. Melahirkan graduan yang seimbang, holistik dan berkeusahawanan berpandukan Model Graduan Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli (GIINA)
4. Memperkasakan penyelidikan, pembangunan, inovasi dan pengkomersialan berdasarkan Integrasi ilmu Naqli dan Aqli melalui kolaborasi strategik, ko-pembelajaran dan penyelidikan bersama universiti terkemuka
5. Memperkasa penjanaan pendapatan dan kelestarian kewangan
6. Melahirkan bakat pentadbiran, dan akademik tersohor berpandukan pendekatan Model Kepemimpinan Qalbu untuk kelestarian sejagat

Sebanyak 39 inisiatif dirangka dengan seorang peneraju yang diberi latihan untuk menyediakan *milestones*, proses kerja, pasukan pelaksana dan pengurusan risiko bagi mencapai Key Performance Indicator (KPI) yang ditetapkan. Pada bulan Ogos 2019, Kajian Pertengahan Tahun diadakan bagi menilai prestasi setiap inisiatif dan memberikan cadangan intervensi untuk mencapai KPI.

Laporan Tahunan 2019 kali ini bukan sahaja akan membentangkan fakta dan statistik pencapaian USIM berteraskan Pelan Strategik, tetapi juga melihat lebih mendalam tentang peristiwa dan pencapaian insaniah warganya yang menyumbang kepada kecemerlangan kampus barakah ini. Inisiatif yang dicapai oleh warganya jelas menunjukkan kesepaduan dan komitmen setiap individu demi kegemilangan kampus tercinta untuk kesejahteraan warganya dan ummah.

PROF. DATO' DR. MUSA AHMAD
Naib Canselor
(16/8/2017 – 15/8/2019)

Kepimpinan Naib Canselor Semasa

Saya berhasrat untuk mentransformasikan USIM menjadi 'Universiti Sains Islam Glokal, Berimpak Tinggi Menjelang 2022'.

Glokal itu adalah istilah yang menggabungkan 'global' dan 'lokal', yang diterjemahkan di peringkat antarabangsa bahawa USIM akan dilihat sebagai universiti yang tersohor di samping kita masih mengekalkan jati diri dan nilai-nilai murni yang menjadi teras Universiti ini.

Pertamanya saya telah memilih untuk mengangkat satu nilai utama untuk dihayati oleh warga universiti iaitu ketepatan masa sebagai permulaan. Pelaksanaan inisiatif ini adalah sesuatu yang berimpak tinggi dan *almost zero cost.* Kita hendak mulakan dengan kempen menepati masa dan ia perlu dihayati oleh segenap lapisan warga kampus.

Keduanya apabila bercakap tentang universiti tersohor glokal, kita mahukan pemimpin di peringkat kesatuan, persatuan, jabatan dan pengurusan untuk bersama-sama membuka ruang bagi menaikkan individu-individu yang berbakat dan berkebolehan hingga mencapai tahap *self reliant achiever.* Apa yang ingin saya tekankan kepada semua pemimpin di USIM, kita perlu menjadi seorang *king maker* dan bukannya *king*. Laksanakan peranan untuk menggilap bakat-bakat terpendam mereka yang di bawah pimpinan kita, sehingga akhirnya mereka menyedari bakat dimiliki dan boleh bekerja secara lebih kreatif, proaktif dan rasa bertanggungjawab.

Ketiganya ialah saya berhasrat untuk membangunkan satu komuniti intelektual yang peka dan menawarkan penyelesaian kepada pelbagai isu-isu yang berlaku dalam masyarakat majmuk kita. Kita ingin memberi suntikan kepada komuniti akademia di USIM untuk bersama-sama menghayati maksud dan tanggungjawab menjadi seorang sarjana atau ilmuan untuk menghidupkan kembali semangat atau roh cendekiawan Islam suatu masa dahulu.

PROF. DR. MOHAMED RIDZA WAHIDDIN
Naib Canselor
(Berkuatkuasa 23/9/2019)

KELESTARIAN KAMPUS

MERANCAKKAN KEILMUAN

Dan di bumi ada beberapa potong tanah yang berdekatan (tetapi berlainan keadaannya); dan padanya ada kebun-kebun anggur, dan jenis-jenis tanaman serta pohon-pohon tamar (kurma) yang berumpun dan yang tidak berumpun; semuanya disiram dengan air yang sama; dan Kami lebihkan buah setengahnya dari setengahnya yang lain (pada bentuk, rasa, dan baunya) sesungguhnya yang demikian itu mengandungi tanda-tanda kekuasaan Allah bagi orang-orang yang (mahu) berfikir serta memahaminya.

Ar-Ra'd 13:4

PENDAHULUAN

Kelestarian amnya membawa maksud pengekalan sesuatu perkara atau keadaan dan ia berkaitan dengan usaha mengekalkan serta memelihara keaslian. Kelestarian merupakan satu bentuk pembangunan yang memenuhi keperluan masa kini tanpa menjejaskan kemampuan generasi akan datang untuk memenuhi keperluan mereka. Kelestarian kampus di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) merupakan satu bentuk olahan istilah yang berpaksikan kepada pembangunan dalam Islam berlandaskan kepada orientasi nilai. Ia seterusnya berlandaskan keperluan untuk meningkatkan kebajikan warga kampus dari semua aspek mencapai barakah dalam kehidupan di kampus, seterusnya kejayaan dalam hidup di dunia dan akhirat.

Demi merealisasikan kelestarian kampus, semua warganya tidak kira pihak pengurusan USIM, ahli akademik, warga pentadbiran, bahkan para pelajar dan pemegang taruh menghayati sebaik mungkin konsep *khalifatullah* iaitu fungsi manusia sebagai pentadbir dan pengurus alam semesta supaya mencapai kesejahteraan dan barakah. USIM percaya bahawa setiap warganya berperanan dalam aspek pembangunan yang lestari untuk membugarkan keseimbangan dan penghayatan konsep Kampus Barakah.

Ia terfokus kepada pembentukan akhlak khalifah Allah yang beradab dan berilmu yang akan menjaga silaturrahim sesama manusia dan hubungan dengan alam semesta yang terpandu daripada hubungan dengan Allah SWT. Kelestarian kampus di USIM melihat kepada nilai-nilai keseluruhan, bukan sahaja pembangunan fizikal, tetapi juga kemudahan pembangunan sistem dan program yang dibuat bagi melestarikan pembangunan insan seimbang.

KELESTARIAN SAINS DAN TEKNOLOGI

Pemerkasaan Aduan Fasiliti ke Arah Perkhidmatan yang Cepat dan Mesra



Rajah 1.1 : Carta Alir Sistem Aduan Kerosakan Fasiliti

Bagi memastikan warga USIM sentiasa mendapat perkhidmatan yang mesra pengguna, sistem aduan fasiliti Sistem MyArifs dan Sistem *Hotline* Jabatan Pengurusan dan Pembangunan Fasiliti (JPPF) dibangunkan. Ia sebagai alternatif kepada sistem aduan yang sedia, supaya aduan kerosakan fasiliti dapat disalurkan dengan lebih efisien, cepat, mesra dan selesai mengikut tempoh yang sewajarnya. Merujuk rekod tahun 2018, lebih 85% aduan dapat diselesaikan menerusi penggabungan sistem MyArifs dan *Hotline* JPPF ini. Sistem ini memberi ruang kepada pengguna untuk memberikan aduan kerosakan fasiliti secara spesifik kepada JPPF dan diselesaikan dalam jangka masa yang pantas dan berkesan.

Saya lihat aduan yang diberikan terhadap sebarang kerosakan fizikal dilayan dengan lebih efektif dan pantas berbanding sebelum ini. Apa yang menarik juga, terdapat borang maklum balas yang dihantar kepada saya (pengadu) melalui e-mel setelah tindakan selesai diambil oleh staf teknikal terbabit.

Encik Muhammad Zaki Mustafa, Pensyarah Program Komunikasi, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP)

Pelaksanaan Sistem Prapendaftaran Kursus Pelajar Sarjana Muda

USIM memastikan kelancaran pengurusan dan pentadbiran akademik terus dipertingkatkan dari setahun ke setahun. Mulai semester 2, Sesi Akademik 2018/2019 (A182) Bahagian Pengurusan Akademik (BPA) memperkenalkan sistem prapendaftaran sebagai satu inisiatif untuk memudahkan urusan pelajar USIM mendaftar kursus pada semester semasa dan mengelakkan kesesakan sistem.

"Sepanjang pengetahuan saya, sistem prapendaftaran telah dilaksanakan mulai semester 2, Sesi Akademik 2018/2019 mendapat maklum balas yang baik dan positif daripada pengguna sistem iaitu pelajar. Syabas diucapkan. Inisiatif prapendaftaran ini oleh BPA memudahkan urusan pelajar USIM dalam mendaftar kursus pada semester semasa dan mengelakkan kesesakan sistem."

Muhammad Danial Akmal Bin Hamdan
Yang Dipertua
Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)
2019/2020

Penambahan Ciri Kelestarian dan Keselamatan Skrol Ijazah Pelajar

Selain daripada 12 ciri keselamatan yang digunakan pada skrol ijazah pelajar, mulai tahun 2019, BPA memperkenalkan penambahan dua lagi ciri keselamatan dengan menggunakan kod QR (Quick Response) dan hologram pada skrol ijazah menjadikan keseluruhannya 14 ciri keselamatan. Inisiatif ini bertujuan untuk membanteras isu pengeluaran sijil palsu yang memberi impak kepada sistem pendidikan tinggi negara.

Teknologi Infra

Dasar Keselamatan ICT USIM mengandungi peraturan-peraturan dalam menggunakan ruang siber yang ditakrifkan sebagai sistem-sistem teknologi maklumat dan komunikasi, maklumat yang disimpan dalam sistem-sistem tersebut, manusia yang berinteraksi dengan sistem ini secara fizikal atau maya serta persekitaran fizikal sistem tersebut disimpan. Dasar Keselamatan ICT ini menerangkan kepada semua pengguna di USIM mengenai tanggungjawab dan peranan mereka dalam melindungi aset ICT USIM dan maklumat di ruang siber. Dasar Keselamatan ICT Versi 2.0 diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti pada 23 Mei 2019.

Sistem Al-Bahthiyyah

Proses permohonan geran penyelidikan universiti ditambah baik daripada proses manual ke proses secara dalam talian melalui sistem Al-Bahthiyyah.

01 PENGISIAN PROPOSAL

02 PROSES PENGHANTARAN

03 PROSES PERAKUAN

Rajah 1.2 : Proses dalam Sistem Al-Bahthiyyah

Tujuan sistem ini dibina adalah untuk memastikan proses permohonan dibuat secara dalam talian melalui sistem pengurusan universiti sebagai usaha untuk mengurangkan keciciran maklumat dalam sistem dan memudahkan proses permohonan geran penyelidikan di universiti. Modul ini terbahagi kepada beberapa peringkat iaitu pengisian proposal, proses penghantaran dan proses perakuan.

Sistem Repositori Penyelidikan di Perpustakaan USIM

Rajah 1.3 : Konsep Akses Terbuka USIM

Impak Lestari Sistem Repositori Penyelidikan USIM

1 **Meningkatkan Jumlah Sitasi**
Impak penyelidikan adalah diukur menggunakan bilangan sitasi kepada artikel atau jurnal penerbitan. Jumlah sitasi yang tinggi amat penting kepada universiti dan penulis itu sendiri kerana ia akan memberi kesan kepada *ranking* dan *rating* universiti.

2 ***Higher availablity and visibility***
Menjadi rujukan global kerana bahan-bahan boleh diakses dan dimuat turun secara percuma dan pantas melalui atas talian tanpa halangan atau sempadan selain membuka ruang untuk jalinan kerjasama di antara para penyelidik.

Sistem ini menjadikannya lebih mudah bagi pihak umum mengetahui tentang penyelidikan yang dilakukan dan meningkatkan profil penyelidikan.

3 **Mengurangkan kos penerbitan**
Tiada lagi yuran pemprosesan artikel yang tinggi kerana kebiasaannya yuran pemprosesan penerbitan akses terbuka lebih rendah daripada penerbitan atas talian atau bercetak.

4 **Mengurangkan tempoh penerbitan**
Dapat mengurangkan tempoh proses penerbitan jika dibandingkan dengan proses penerbitan sedia ada.

Perpustakaan USIM telah mengambil inisiatif membangunkan Dasar Akses Terbuka untuk diguna pakai di peringkat USIM dan membangunkan Sistem Repositori Penyelidikan USIM dengan mengaplikasi perisian sumber terbuka bagi perkongsian hasil penyelidikan USIM yang berasaskan konsep akses terbuka dan meningkatkan hasil penyelidikan oleh penyelidik USIM. Pembangunan platform ini juga adalah bertujuan meningkatkan keterlihatan hasil penyelidikan warga USIM yang berasaskan integrasi ilmu Naqli dan Aqli.

KAMPUS HIJAU

Pemasangan Kebuk Wasap dan *Chemical Filters*

Kebuk wasap amat penting di dalam makmal untuk menjalankan eksperimen-eksperimen yang membebaskan wap-wap yang mudah terbakar, beracun, menghakis dan berbau. Kebuk wasap berfungsi untuk mengeluarkan udara yang dicemari dengan wap-wap tersebut keluar makmal dan mengalirkan udara yang bersih ke dalam makmal.

Sebanyak enam unit kebuk wasap berjaya dipasang dan secara tidak langsung melengkapkan keperluan keselamatan di makmal penyelidikan Fakulti Sains dan Teknologi (FST) dalam penggunaan bahan kimia berbahaya. Sejajar dengan pemasangan kebuk wasap ini, sebanyak 20 unit *chemical filter* turut berjaya diperoleh bagi meningkatkan tahap keselamatan di makmal.

Kelestarian Ruang di Perpustakaan USIM

Ruang pentas Ar-Ruknu Al-Arabi digunakan bermula awal tahun 2019. Pengguna perpustakaan boleh memohon dan menggunakan kemudahan berkenaan untuk membuat sebarang aktiviti dan program.

Penambahbaikan bilik-bilik perkhidmatan seperti bilik perbincangan dengan pemasangan pintu kaca bertujuan memenuhi syarat patuh syariah di samping memasang kertas dinding baharu di setiap bilik perbincangan untuk memberi keselesaan kepada pengguna.

Karnival Kesihatan 2019

Karnival Kesihatan USIM ini merupakan program julung kali diadakan bersempena dengan Hari Kesihatan Sedunia yang disambut pada 6 April 2019. Program ini melibatkan pelbagai agensi terutama pengendali sukan *e-sport*, Pejabat Kesihatan Daerah Seremban, JKN Seremban dan pembekal makanan sihat bagi mempromosi gaya hidup sihat.

My Beautiful USIM

Merupakan program tahunan anjuran Pusat Kesihatan USIM (PKU) bagi mencegah kes denggi di sekitar USIM dan kolej-kolej kediaman USIM. Program ini melibatkan aktiviti Gotong-royong Perdana oleh staf dan pelajar USIM di kolej-kolej kediaman dan kawasan perumahan sekitar USIM.

"Program ini turut mendapat sambutan daripada penduduk sekitar seperti Taman Desa Anggerik, Taman Semarak, Desa Kasia, Desa Jati dan Nilai Impian.

Edible Garden

Kemahiran staf JPPF di Unit Landskap telah membantu USIM menubuhkan Edible Garden, iaitu sebuah taman mini yang mempunyai tanaman iaitu sayur-sayuran, ulam-ulaman, pokok herba dan buah-buahan. Edible Garden USIM yang diwujudkan oleh Unit Landskap ini turut menggunakan barang-barang terpakai seperti pakaian, tayar-tayar lama dan botol-botol yang digunapakai sebagai medium bekas tanaman. Melalui inisiatif ini ia turut mempromosikan kelestarian alam semula jadi apabila konsep kitar semula diaplikasikan.

KESANTUNAN MASYARAKAT

Halal@School

Halal@School adalah sebuah program berbentuk tanggungjawab sosial korporat oleh International Fatwa and Halal Centre (iFFAH) melalui kerjasama dengan Nestle (M) Berhad yang memberi penekanan kepada penyebaran dan pengetahuan tentang konsep halal dengan tujuan memberi kesedaran melalui konsep gamifikasi yang terbukti dapat meningkatkan kefahaman para pelajar terutama di peringkat sekolah rendah.

Sek. Keb. Bandar Seri Putra, Bangi, Selangor

Sek. Keb. Rinching Hilir, Kajang, Selangor

Sek. Keb. Dato' Ahmad Manaf, Nilai, Negeri Sembilan

SK Desa Jasmin, Nilai, Negeri Sembilan

Sek. Keb. Chembong, Rembau, Negeri Sembilan

SK Desa Jasmin, Nilai, Negeri Sembilan

Senarai sekolah yang terlibat dalam Program Halal@School tahun 2019

"Program ini sangat berkesan kepada para pelajar sekolah rendah untuk mereka lebih mendalami mengenai nutrisi pemakanan sihat serta pengetahuan mengenai halal. Ia membantu mereka memilih makanan yang halal, sihat dan selamat. Di samping itu, aktiviti halal race akan memupuk semangat bekerja dalam kumpulan serta memberi peluang mereka untuk belajar melalui pelbagai aktiviti yang disusun dan cara interaktif seperti ini lebih santai dan berkesan."

Dr. Sumaiyah Abd Aziz,
Penyelaras Latihan,
iFFAH

Videografi Dendangan Syair Nusantara: Pelestarian Lagu Rakyat

Pada 27 Mac 2019, bertempat di Panggung Budaya, Pusat Kebudayaan USIM, Videografi Dendangan Syair Nusantara telah disempurnakan dan dipertontonkan dalam Video Leads TV@USIM. Organization Enhancement Programme (O-Pro) Videografi Dendangan Syair Nusantara anjuran Pusat Kebudayaan USIM merupakan salah satu projek kelestarian lagu-lagu rakyat. Ia dijayakan untuk memberi latihan dan kemahiran kepada para pelajar Kelab Multimedia dan Keusahawanan Seni, Pusat Kebudayaan USIM bagi mempelajari dengan lebih mendalam tentang perspektif, sudut dan teknik untuk menghasilkan video yang berkualiti melalui kerja lapangan.

Videografi ini memaparkan Roslan Madun sebagai tokoh syair yang diketengahkan bagi tujuan rujukan kepada generasi muda. Dua klip video lagu syair beliau iaitu syair “Setia Kawan” dan “Syair Budiman” yang dilagukan dalam irama Perantau manakala syair “Setia Kawan” pula menggunakan irama Siti Zubaidah. Roslan Madun anak jati Pahang dihormati dan dikenali penggiat seni tanah air hasil sumbangannya memperjuangkan irama syair sehingga terkenal di nusantara. Beliau yang pernah berkolaborasi dengan USIM dalam penganjuran “Syair Alam Melayu”, rakaman rujukan syair bagi pertandingan syair peringkat kebangsaan anjuran USIM dan Jabatan Warisan Negara. Videografi Dendangan Syair Nusantara telah menjadi rujukan pelbagai peringkat komuniti seperti sekolah, Institut Pengajian Tinggi (IPT) dan pertandingan.

Kursus Perdana Haji

Buat kali keduanya Kompleks Islam Tuanku Muhriz (KITM) telah dipilih oleh pihak Lembaga Tabung Haji Negeri Sembilan sebagai lokasi untuk melaksanakan Kursus Perdana Haji (KPH) tahun 2019. Kursus ini yang menyaksikan seramai 1400 orang jemaah haji dari seluruh Negeri Sembilan berkumpul buat kali terakhir sebelum berlepas ke Mekah untuk menunaikan ibadat haji. Pemilihan KITM sebagai penyedia tempat KPH adalah hasil kerjasama strategik antara Pusat Islam USIM dengan Tabung Haji Negeri Sembilan yang mana pemilihan kali ini juga adalah berdasarkan prestasi cemerlang hasil dari penganjuran KPH 2018 dan Kursus Asas Haji tahun 2018.

"Alhamdulillah, Kursus Perdana Haji yang dijalankan di Kompleks Islam Tuanku Muhriz, USIM berjalan lancar kerana ia mempunyai prasarana yang serba baru, selesa dan serba lengkap untuk semua jemaah, urus setia yang sedia membantu, pengisian teori dan praktikal yang padat. Justeru ia dapat memberikan persiapan terbaik kepada duyufurrahman yang bakal menunaikan haji ke Mekah".

Haji Faizal Yusup,
Peserta Kursus Perdana Haji
Peringkat Negeri Sembilan /
Remiser

Penyerahan Little Free Library Sumbangan USIM

Program ini merupakan salah satu inisiatif bagi menyemarakkan dan melestarikan budaya membaca dalam kalangan murid sekolah rendah. Pasukan sukarelawan Little Free Library (LFL) Perpustakaan USIM menyantuni sekolah-sekolah berikut untuk penyerahan Kotak LFL.

Sekolah Kebangsaan Desa Jasmin, Nilai

Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Mohd Said, Nilai

Sekolah Kebangsaan Dato' Abdul Manaf, Nilai

Senarai sekolah yang menerima Kotak LFL

Saluran Wang Wakaf dan Zakat oleh PWZ

Pusat Wakaf dan Zakat (PWZ) USIM mengorak langkah yang begitu progresif dalam mempromosikan ibadah wakaf dan zakat dalam menyantuni warga USIM dan masyarakat luar USIM. Dengan misinya untuk menyediakan perkhidmatan dalam pengurusan wakaf, zakat, infaq dan endowmen secara berintegriti, efisien dan profesional kepada ummah, PWZ menerima sumbangan zakat dan infaq daripada beberapa institusi korporat sebanyak RM2,276,815.00.

PWZ telah menjalankan siri taklimat secara berkala sepanjang 2019 ke setiap PTj untuk menggalakkan staf melakukan potongan gaji bagi sumbangan zakat dan wakaf. Antara lain, kempen tersebut turut dijalankan melalui medium online.

Inisiatif yang dilaksanakan oleh PWZ

- Anugerah Biasiswa Barakah diberikan kepada 8 orang pelajar USIM (asnaf zakat) yang memperoleh PNGK 3.5 ke atas. Bantuan diberikan dalam bentuk bantuan sara hidup secara bulanan sehingga tamat tempoh pengajian.
- Wakaf 100 *labcoat* dan Tafsir al-Quran kepada pelajar Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK), USIM
- Program Tambah Nilai Percuma kepada 300 pelajar USIM
- Penubuhan “Tabung Food for Needy”
- Penajaan sebanyak RM150,000.00 untuk program Global Islamic Student Outreach (GISO) 2019
- Penajaan sebanyak RM277,440.00 untuk penganjuran beberapa program universiti seperti seminar, forum dan bengkel kecemerlangan pelajar

Kelestarian Kesihatan Masyarakat Melalui UHSB

Pada 26 April 2019, USIM Healthcare Sdn Bhd (UHSB) ditubuhkan sebagai anak syarikat USIM TIJARAH Holding Sdn Bhd (UTHSB) bagi tujuan menyebarluaskan aktiviti perniagaan kesihatan swasta. UHSB kini mengendalikan Klinik Pakar Kesihatan USIM (KPKU), Klinik Pakar Pergigian USIM, Poliklinik Kesihatan USIM dan Pusat Hemodialisis MAINS-PNB-USIM yang menawarkan perkhidmatan pakar perubatan, pakar pergigian, pusat hemodialisis dan rawatan sakit luar kepada masyarakat di sekitar Nilai, Negeri Sembilan.

UHSB mengambil inisiatif melibatkan doktor-doktor pakar dari Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) dan Fakulti Pergigian (FPg) USIM. Antara perkhidmatan pakar yang ditawarkan adalah Pakar Perubatan Keluarga, Pakar Perbidanan dan Sakit Puan (O&G), Pakar Perubatan Dalaman, Pakar Mata (Oftalmologi), Pakar Telinga, Hidung dan Tekak (ENT), Pakar Ortopedik, Pakar Psikiatri, Pakar Pembedahan Am, Dialisis serta Pakar Pergigian.

LEADSTV@USIM:

PLATFORM KELESTARIAN KEBUDAYAAN

En. Sabri Yunus

En. Uwei Hj. Shaari

LeadsTV@USIM merupakan sebuah saluran YouTube Pusat Kebudayaan USIM yang mengandungi empat segmen iaitu Leads Iqra', Leads Komuniti, Leads Budaya dan Leads Inovasi. LeadsTV@USIM ini juga menjadikan Pusat Kebudayaan USIM satu-satunya Pusat Kebudayaan Universiti Awam yang mempunyai platform seperti ini. Rakaman LeadsTV@USIM dijalankan di Panggung Budaya, Panggung Rakaman USIM dan beberapa lokasi luar yang terpilih. Kesemua peralatan yang digunakan ialah peralatan Pusat Kebudayaan USIM sendiri.

Episod Pesona Figura yang diperkenalkan dalam Leads TV, menampilkan beberapa karyawan seni dan tokoh negara serta mereka yang pakar dalam bidang tertentu untuk berkongsi pengalaman dan cetusan idea dalam menginspirasikan masyarakat bahawa untuk mencapai sesuatu kejayaan memerlukan usaha dan pengorbanan. Setiap figura yang terlibat dalam rakaman ini mendapat ruang selama tiga minit untuk berkongsi mengenai pengalaman dan cetusan idea untuk menginspirasikan masyarakat. Sehingga kini hampir 40 orang figura terdiri daripada tokoh, karyawan, penggiat seni, selebriti tanah air yang telah terlibat dalam rakaman LeadsTV@USIM.

Sahibus Samahah Datuk Seri Dr. Zulkifli Mohamad Al Bakri

YM Syed Indera Syed Omar (Siso Kopratasa)

YM Sharifah Khasif Fadzilah Syed Badiuzzaman

Pn. Hamidah Tajudin

USIM mengambil pengajaran atau ‘ibrah daripada ajaran Islam yang mementingkan pembangunan material dan pembangunan spiritual yang menyediakan suasana yang boleh membentuk akal yang sejahtera dan iman yang teguh kepada Allah SWT, di samping mewujudkan keadaan yang menjamin keamanan dan kebebasan untuk terus memanifestasikan maksud khalifah dan kemakmuran dalam bekerja. Tanggungjawab khalifah dalam memakmurkan bumi Allah adalah meliputi tanggungjawab untuk menjaga kemaslahatan manusia, alam sekitar, dan hidupan yang lain. Ini bertepatan dengan konsep Rahmatan lil ‘alamin yang difirmankan Allah SWT dalam surah Al-Anbiya ayat 107 yang bermaksud:

“Dan tiadalah Kami mengutus kamu, melainkan untuk (menjadi) rahmat bagi semesta alam”.

Rahmatan lil ‘alamin bukanlah sekadar falsafah dalam Islam, tapi merupakan tujuan daripada Islam itu sendiri. Manifestasi rahmat itu adalah dalam bentuk pelestarian dan pembangunan segala sumber yang dikurniakan Allah demi membangunkan diri dan ummah. Warga USIM terus memainkan peranan dalam menentukan tingkat pembangunan dan kelestarian USIM iaitu pembangunan fizikal dan kebendaan, moral dan kerohanian.

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

REKAYASA

KEUNGGULAN AKADEMIK

Dan Dialah Tuhan yang menciptakan manusia dari air, lalu dijadikannya (mempunyai) titisan baka dan penalian keluarga (persemendaan); dan sememangnya Tuhanmu berkuasa (menciptakan apa jua yang dikehendaki-Nya).

Al-Furqaan 25:54

PENDAHULUAN

Sejajar dengan falsafah, misi dan visi USIM untuk mentransformasi dan menghasilkan nilai kepada negara dalam memastikan ekosistem pendidikan bermutu dan dinamik, USIM terus mengorak langkah merekayasa perkembangan akademik dan pengantarabangsaan bertunjangkan Integrasi ilmu Naqli dan Aqli (INAQ). Dalam memacu perkembangan Revolusi Industri 4.0 dalam landskap pengajian tinggi negara, tentunya USIM perlu terus konsisten memastikan dunia akademik tidak ketinggalan. Kesinambungan pembangunan lestari yang meliputi aspek pembentukan akhlak dan nilai bagi melahirkan graduan yang seimbang, holistik dan relevan dengan keperluan masyarakat adalah selari dengan usaha dan inisiatif Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) yang telah memperkenalkan pelbagai program seperti program Service Learning Malaysia University for Society (SULAM) pada tahun 2019. Pada masa yang sama USIM terus berusaha ke arah memastikan kualiti dan kompetensi para akademik dan cendekiawan di USIM adalah berciri *murabbi* serta pengurusan pentadbiran yang memenuhi standard semasa bagi menghasilkan graduan yang berkualiti.

SULAM adalah satu inisiatif yang memberi pengalaman pembelajaran melalui hubungkait teori dan praktis dengan mendedahkan pelajar kepada penyelesaian permasalahan sebenar dalam komuniti. Ia berteraskan kasih sayang, kegembiraan dan saling menghormati.

PEMBANGUNAN DAN PERKEMBANGAN PROGRAM AKADEMIK

Pengurusan Jaminan Kualiti dan Kecemerlangan Akademik

Pusat Jaminan Kualiti, Dasar dan Kecemerlangan Akademik (QAPEX) ialah sebuah Pusat Tanggungjawab (PTj) yang sentiasa berusaha memastikan program yang ditawarkan di USIM adalah mengikut standard yang ditetapkan. Walaupun baru ditubuhkan pada April 2018, PTj ini dilihat sebagai satu PTj yang amat signifikan dalam memperkasa pembangunan dan pematuhan kurikulum yang relevan dengan bakat akademik dan keperluan pemegang taruh.

Pensijilan Semula ISO 9001:2015 dan MS 1900:2014

Sesebuah organisasi memerlukan sistem pemantauan dan audit bagi menilai pematuhan yang berterusan dalam pengurusan organisasi mengikut standard yang diperlukan. Ia juga untuk menentukan sama ada operasi sistem pengurusan mampu menyumbang kepada pencapaian objektif organisasi dan juga output sistem pengurusan. USIM berjaya memperoleh Pensijilan Semula ISO 9001:2015 dan MS 1900:2014 daripada SIRIM bagi tempoh 27 Julai 2019 hingga 25 Mac 2022 yang mana tarikh asal pensijilan adalah pada 26 Mac 2010.

USIM juga membuat penambahan skop pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) ISO 9001:2015 dan MS 1900:2014 bagi Perkhidmatan Pendidikan Tinggi kepada Pusat Pengajian Siswazah (PPS) dan Pusat Tamhidi.

ISO	Skop Pensijilan
ISO 9001:2015 **Sistem Pengurusan Kualiti**	Penyediaan Perkhidmatan Pendidikan Tinggi Peringkat Ijazah Sarjana Muda dan Perkhidmatan Korporat. Penyediaan Perkhidmatan Pendidikan Tinggi Peringkat Ijazah Sarjana Muda yang melibatkan perkhidmatan: Pengajaran dan Pembelajaran, Pengurusan Akademik, Pengendalian perkhidmatan yang berkait dengan pengajian pelajar seperti kewangan pelajar, biasiswa, kad matrik dan sebagainya.
MS 1900:2014 **Sistem Pengurusan Kualiti Berasaskan Syariah**	Penyediaan Perkhidmatan Pendidikan Tinggi Peringkat Ijazah Sarjana Muda dan Perkhidmatan Korporat. Penyediaan Perkhidmatan Korporat yang melibatkan: i. Perkhidmatan Pengurusan Sumber Manusia ii. Perkhidmatan Kewangan iii. Perkhidmatan Hal Ehwal Pelajar iv. Perkhidmatan Pengurusan Projek dan Fasiliti v. Perkhidmatan Perpustakaan vi. Perkhidmatan Pengurusan Penyelidikan

Jadual 2.1 : Skop Pensijilan Semula Sistem Pengurusan Kualiti

Selain daripada memastikan pemerkasaan Sistem Pengurusan Kualiti melalui pemantauan audit dalaman secara berterusan, komprehensif dan berkesan, USIM juga melalui QAPEX sentiasa menambah baik kualiti program akademik melalui kaedah pemantauan tindakan terhadap laporan audit Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Ini amat penting bagi kelestarian program yang kompetitif dan memenuhi standard.

Lawatan Audit Penilaian Akreditasi Penuh MQA

Lawatan Penilaian Akreditasi Penuh telah dilaksanakan bagi program-program berikut:

i) Sarjana Muda Perbankan dan Kewangan Islam dengan Kepujian - penilaian telah diadakan pada 6 - 7 Mac 2019 oleh MQA.

ii) Sarjana Kaunseling (Penyalahgunaan Dadah) (pembaharuan) - penilaian telah diadakan pada 2 - 3 Mei 2019 oleh Lembaga Kaunselor Malaysia dan MQA.

iii) Sarjana Muda Kaunseling dengan Kepujian - penilaian telah diadakan pada 13 - 14 November 2019 oleh Lembaga Kaunselor Malaysia dan MQA.

Pada 2019, sebanyak 25 program akademik USIM diluluskan oleh Akreditasi Penuh oleh MQA. Program akademik tersebut merangkumi lima program Tamhidi, 14 program prasiswazah dan enam program pascasiswazah. Tambahan program-program ini menjadikan jumlah keseluruhan program pengajian di USIM berstatus Akreditasi Penuh meningkat kepada 61 program (71%) seperti dalam Rajah 2.1.



Rajah 2.1 : Pecahan Program Akademik yang mendapat Akreditasi Penuh

25 Program Akademik yang diluluskan oleh MQA:

1	Tamhidi Syariah dan Undang-Undang
2	Tamhidi Perakaunan dan Muamalat
3	Tamhidi Perubatan
4	Tamhidi Pergigian
5	Tamhidi Sains dan Teknologi
6	Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Bioteknologi Makanan)
7	Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Matematik Kewangan)
8	Sarjana Muda Sains Komputer dengan Kepujian (Keselamatan dan Jaminan Maklumat)
9	Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Sains Aktuari dan Pengurusan Risiko)
10	Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Teknologi Kimia Industri)
11	Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Fizik Gunaan)
12	Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah dengan Kepujian
13	Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa dengan Kepujian
14	Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Islam) dengan Kepujian
15	Sarjana Muda Da'wah dan Pengurusan Islam dengan Kepujian
16	Sarjana Muda Perakaunan dengan Kepujian
17	Sarjana Muda Pemasaran (Perkhidmatan Kewangan) dengan Kepujian
18	Sarjana Muda Pentadbiran dan Hubungan Korporat dengan Kepujian
19	Sarjana Muda Perbankan dan Kewangan Islam dengan Kepujian
20	Sarjana Sains Perubatan
21	Sarjana Perbankan Islam
22	Sarjana Kewangan Islam
23	Sarjana Perakaunan dan Audit Syariah
24	Sarjana Sains (Pengurusan Risiko)
25	Sarjana Kaunseling (Penyalahgunaan Dadah) – pembaharuan

Status akreditasi melibatkan 86 keseluruhan program pengajian USIM.



Rajah 2.2 : Pecahan status Akreditasi bagi kesemua 86 program akademik USIM sehingga tahun 2019

Penawaran Program Baharu

Jika pada 2018 USIM berjaya mendapat kelulusan untuk melaksanakan lima program sarjana muda dan lapan program pascasiswazah yang menjadikan jumlah keseluruhan program pengajian di USIM meningkat kepada 86 program, tahun 2019 menyaksikan penawaran program-program ini mula mendapat sambutan pelajar-pelajar dari dalam dan luar negara. Ia adalah kerana program-program ini dijangka dapat meningkatkan kebolehpasaran graduan dan kompetitif.

Program Prasiswazah	Program Pascasiswazah
Sarjana Muda Bahasa Arab dan Kesusasteraan Islam dengan Kepujian	Sarjana Bahasa Arab (Terjemahan)
Sarjana Muda Bahasa Inggeris dengan Perdagangan (Kepujian)	Sarjana Bahasa Arab (Kesusasteraan Islam)
Sarjana Muda Syariah (Industri Halal) dengan Kepujian	Sarjana Sains Kejuruteraan
Sarjana Muda Pengajian Qiraat dengan Kepujian	Sarjana Undang-Undang (Undang-Undang Antarabangsa)
Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik dengan Kepujian	Sarjana Sains Sosial
	Doktor Falsafah Kejuruteraan
	Doktor Falsafah Sains Sosial
	Doktor Falsafah Undang-Undang

Jadual 2.2 : Senarai Program Akademik Baharu

Program Halal Shariah Executive Program (HaShEP) oleh International Fatwa and Halal Centre (iFFAH)

International Fatwa and Halal Centre (iFFAH) merupakan gabungan dari dua PTj iaitu World Fatwa Management and Research Institute (INFAD) dan juga Insitute of Halal Research and Management (IHRAM). iFFAH ditubuhkan untuk mengurus, menyelidik dan memberi perkhidmatan profesional berkaitan isu fatwa dan halal selain memberi pendedahan kepada masyarakat untuk lebih cakna kepada isu-isu yang dibincangkan. Antara program yang dianjurkan ialah Halal@School, Bicara Halal, Halal@District dan Halal Food Forensic Training (HaFFot). Selain itu, iFFAH juga berjaya memperoleh geran Kebolehpasaran Graduan (GE), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di bawah Program Kebolehpasaran Graduan 1.0 USIM, berjumlah RM530,545.00 untuk melaksanakan HaShEP bertempat di Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan USIM.

Professional Halal Executive Program (PHEP)

PHEP adalah sebuah program latihan di bawah kelolaan IHRAM yang berhasrat untuk melatih para peserta dalam kalangan pelajar agar dapat menjadi tenaga mahir atau separa mahir dalam bidang industri halal dan seterusnya menjadikan bidang ini sebagai sumber pendapatan. Program ini juga memfokuskan enam sektor dengan lapan skim persijilan halal iaitu makanan, farmaseutikal, barangan penggunaan, rumah sembelih dan logistik, graduan, penyelidik dan perunding halal.

Ke Arah Pemerkasaan Pengajaran dan Pembelajaran dalam Mendepani Era Revolusi Industri 4.0

Peredaran zaman yang berdepan dengan kepesatan teknologi, Internet of Thing (IoT), dan kecerdasan buatan (AI) menuntut dunia akademik melihat dan mereka bentuk semula pengajaran dan pembelajaran agar kekal relevan dengan cabaran dan generasi baru seperti generasi Z yang memerlukan cara pembelajaran yang berbeza. Ini penting dalam menyokong usaha mentransformasi pengajaran agar lebih interaktif dan menekankan pembelajaran aktif, imersif dan bermakna. Bagi menyemarakkan agenda pendidikan tinggi negara yang berhasrat melahirkan graduan masa hadapan yang holistik dan seimbang serta berupaya berfikir secara kritis, memiliki adab dan sahsiah terpuji, USIM berusaha mempersiapkan para akademik dengan menyediakan bengkel dan latihan berkaitan.

Antara aktiviti yang telah dilaksanakan adalah pembangunan Modul OBE Atas Talian, pelaksanaan Amalan Pengurusan Pembelajaran Terbaik (HIEPs) dan Bengkel SULAM. Hasil daripada bengkel, QAPEX telah mengenalpasti sebanyak 83% program pengajian mempunyai elemen SULAM yang menepati saranan Kementerian Pendidikan.

Penerapan Ilmu Naqli dan Aqli

Sebagai universiti yang dikenali sebagai peneraju INAQ, USIM sentiasa menganjurkan kursus dan latihan untuk membantu staf akademik meningkatkan pengetahuan dan kemahiran menerusi teknik-teknik pembelajaran dan pengajaran yang terkini, efektif serta memenuhi elemen INAQ. Justeru, dalam usaha untuk memantapkan penerapan INAQ, pengurusan universiti menetapkan semua program akademik mempunyai minimum 30% kursus yang berteraskan INAQ. Oleh itu, satu kaedah pengiraan dan penerapan INAQ dalam program akademik dibangunkan bagi menyokong hasrat USIM.

Putra InnoCreative Competition, Putra InnoCreative Carnival in Teaching and Learning 2019

Seramai 6 orang pensyarah dan 6 pelajar Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) yang diketuai Dr. Suhaila Sanip membuat ciptaan inovasi yang diberi nama Oh-I-Did-It Kit: A One Health Interactive Discovery of Infectious Disease Teaching Module. Inovasi ini bertujuan untuk membina modul pengajaran berkaitan *zoonotic disease* dalam kalangan kanak-kanak. Konsep permainan interaktif dipilih untuk menjadikan ia sesuatu yang menyeronokkan dan dalam masa yang sama dapat memaksimakan pengetahuan mereka. Ciptaan inovasi berjaya memenangi Pingat Emas di Putra InnoCreative Competition di UPM yang diadakan pada 16 dan 17 Oktober 2019.

Penambahbaikan Fasiliti untuk Kualiti Pengajaran, Pembelajaran dan Penyelidikan

Makmal IHRAM dan iFFAH memperoleh akreditasi ISO IEC 17025:2017 semenjak 20 Julai 2016 dan disambung sehingga 20 Julai 2022 dari Jabatan Standards Malaysia. Ia adalah piawaian utama ISO yang digunakan oleh makmal dalam ujian dan penentukuran. Ia adalah satu sistem kualiti yang digunakan di seluruh dunia untuk meningkatkan kepercayaan terhadap keputusan analisis makmal secara sah dan konsisten.

Di Fakulti Sains dan Teknologi (FST) pula sebanyak 11 alatan berprestasi tinggi dibeli melalui proses tender menggunakan peruntukan RMK11. Alatan berkenaan dapat membantu proses Pembelajaran dan Pengajaran (P&P) dalam penggunaan High End Technology di USIM, ia selari dengan kehendak Revolusi Industri 4.0 yang mengetengahkan teknologi terkini dalam pekerjaan harian. Enam unit kebuk wasap dan *chemical filter* serta sebuah bengkel tukang berjaya dibangunkan. Bengkel tukang ini memudahkan pelajar menjalankan kerja-kerja tukang. Keselamatan di dalam makmal juga dapat dipertingkat dengan mengasingkan bahan tukang daripada alatan makmal yang lain.

ENROLMEN PELAJAR

Sebagai universiti yang terkenal dengan misi melahirkan graduan yang mampu mengintegrasi ilmu Naqli dan Aqli, bidang Sains dan Teknologi terus diberi perhatian untuk menghasilkan pakar dalam pelbagai bidang yang kritikal. USIM menyediakan peluang kepada pelajar lepasan SPM setaraf dan STPM setaraf yang memenuhi kriteria syarat kemasukan ke USIM untuk menyambung pengajian mereka dalam bidang sains dan teknologi. Ia adalah satu anjakan paradigma yang menunjukkan bahawa kemasukan anak-anak ke Sekolah Aliran Agama tidak menyekat masa hadapan mereka untuk menceburi bidang profesional.

Jumlah kemasukan pelajar dalam pelbagai bidang pengajian pada tahun 2019 ialah seramai 4,067 orang, iaitu 2,665 orang pelajar peringkat Sarjana Muda, 913 orang pelajar peringkat Tamhidi (Matrikulasi) dan 489 orang pelajar peringkat Pascasiswazah.

Sehubungan itu, bilangan pelajar USIM pada tahun 2019 ialah seramai 12,415 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 1,368 orang di peringkat Pascasiswazah, 10,184 di peringkat Sarjana Muda dan 858 di peringkat Tamhidi.

Peringkat	Jumlah Pelajar
Sarjana Muda	2,665
Tamhidi	913
Pascasiswazah	489
Jumlah	**4,067**

Jadual 2.3 : Jumlah Enrolmen Pelajar tahun 2019



Rajah 2.3 : Jumlah Keseluruhan Pelajar tahun 2019

Semua urusan berkaitan enrolmen pelajar diselaraskan oleh Jabatan Pemasaran dan Kemasukan Pelajar (JPKP) iaitu jabatan baharu yang distrukturkan secara berpusat. Ini termasuk menyelaraskan beberapa isu kemasukan yang melibatkan pelbagai peringkat pengajian. Antaranya adalah memperkasa program Tamhidi sebagai *feeder* utama bagi kemasukan ke program Sarjana Muda USIM. Selain itu, jumlah kemasukan pelajar ke program pascasiswazah juga meningkat dengan sejumlah 381 orang pelajar tempatan dan 152 orang pelajar luar negara yang datang dari negara-negara seperti United Arab Emirates, Palestin, Jordan, Bangladesh, Indonesia dan Singapura.

Majlis Konvokesyen Kali Ke-17 diadakan pada 26 hingga 28 November 2019 menyaksikan seramai 2628 graduan menerima ijazah masing-masing. Daripada jumlah tersebut, 95 orang adalah penerima ijazah doktor falsafah, 89 orang penerima ijazah sarjana, 135 penerima ijazah diploma pascaijazah dan seramai 2309 penerima ijazah sarjana muda. Lebih menarik lagi, graduan Doktor Falsafah tahun ini berasal dari 20 buah negara termasuk Libya, Jordan, Iraq, Gambia, Finland, Mesir, Oman, Bangladesh, China, Yemen dan Singapura.

PENGANUGERAHAN DAN PENGIJAZAHAN

95
Penerima ijazah doktor falsafah

89
Penerima ijazah sarjana

135
Penerima ijazah diploma pascaijazah

2309
Penerima ijazah sarjana muda

Jumlah
2628
Penerima ijazah

Rajah 2.4 : Pecahan Penganugerahan Majlis Konvokesyen ke-17

Majlis Konvokesyen Kali Ke-17 menyaksikan graduan sulung Sarjana Muda Perbankan dan Kewangan Islam dilahirkan. Matlamat program ini adalah untuk melestarikan perkembangan ekonomi Islam dengan lebih luas. Ia selari dengan tema majlis konvokesyen kali ini, iaitu Graduan Integrasi Peneraju Pembangunan Lestari.

Majlis pembukaan diserikan dengan penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Dakwah dan Pengurusan Islam kepada Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dzulkifli Abdul Razak yang merupakan mantan Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti dan juga mantan pemegang Kursi Akademik Kepemimpinan Islam di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan. Majlis turut menganugerahkan Ijazah Kehormat Sarjana Dakwah dan Pengurusan Islam kepada Tuan Haji Addenan Haji Abd Rahman. Beliau yang berkhidmat bermula tahun 2000 hingga 2009 merupakan Pendaftar pertama USIM, yang dahulunya dikenali sebagai Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM).

Pingat Jaya Cemerlang dianugerahkan kepada graduan Sarjana Muda Perubatan dan Pembedahan, Nurul Mukminah Muhammad Suzuri dan Zati Nazifah Abdul Rahim, graduan Sarjana Muda Pengajian Sunnah dan Pengurusan Maklumat dengan Kepujian. Anugerah Pingat Canselor dianugerahkan kepada Sharifah Thahirah Syed Mustafa, graduan Sarjana Muda Bahasa Arab dan Komunikasi dan Idris Ismail graduan Doktor Falsafah (Komunikasi), manakala Syafiqah Mohammad Rushdi, graduan Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa dengan Kepujian menerima Anugerah Pingat Emas. Pencapaian dan kejayaan yang ditempa graduan USIM daripada pelbagai latar belakang membuktikan USIM adalah satu institusi yang kekal relevan dan mampu melahirkan graduan yang seimbang dan kompeten.

PENGIKTIRAFAN DAN PENCAPAIAN AKADEMIK

Bidang pendidikan adalah teras utama dalam pembinaan Malaysia baharu yang inklusif dan gemilang di persada dunia. Era Revolusi Industri 4.0 dan kehadiran *disruptive technology* (teknologi pengganggu) mendedahkan bidang akademik kepada cabaran yang berbeza. Justeru, pensyarah (para akademik) juga perlu bersedia menongkah arus perubahan supaya kekal relevan.

Anugerah Pengalaman Pembelajaran Imersif (Bersemuka)

Mengambil ibrah daripada Al-Quran dalam Surah Al-Qamar, Ibnu Ummi Maktum Research Center (UMMI) ditubuhkan sebagai platform penyelidikan dan perkhidmatan kepada golongan berkeperluan khas. Gelombang penyelidikan dan inovasi dalam pembelajaran kepada golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) yang diterajui oleh Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS) membuahkan hasil apabila dinobatkan sebagai Johan dalam kategori Anugerah Pengalaman Pembelajaran Imersif (Bersemuka) untuk inovasi Aplikasi Braille dalam Pengajian Quran & Sunnah, di Majlis Anugerah Rekabentuk Kurikulum dan Penyampaian Inovatif Tahun 2019 (AKRI 2019) bertempat di Hotel Everly. UMMI mengetengahkan projek “Emansipasi UMMI” iaitu kaedah yang digunakan bagi mencapai hasil pembelajaran kursus yang ketiga, iaitu mahasiswa berupaya menganjurkan program kesedaran berkaitan isu dan cabaran OKU beragama. Ia bertujuan menerapkan beberapa kemahiran seperti kemahiran literasi Braille dan kemahiran berinteraksi dengan komuniti OKU Penglihatan.

Penganjuran Anugerah Khas YB Menteri Pendidikan Malaysia: Rekabentuk Kurikulum Dan Penyampaian Inovatif (AKRI)

Julung kalinya USIM diberi peluang dan kepercayaan menerajui Penganjuran Anugerah Khas YB Menteri Pendidikan Malaysia: Rekabentuk Kurikulum Dan Penyampaian Inovatif (AKRI) Tahun 2019. Anugerah ini bertujuan untuk mengenal pasti, memberi pengiktirafan serta berkongsi amalan terbaik projek-projek serta inisiatif yang dilaksanakan di peringkat institusi dan individu dalam kategori Kurikukulum Program Pengajian Inovatif, Pengajaran Inovatif, Pengajaran Transformatif, Pengalaman Pembelajaran Imersif dan Pentaksiran Alternatif.

USIM berjaya menduduki tempat pertama dan ketiga dalam AKRI 2019 bertempat di Hotel Everly, Putrajaya pada 12 September 2019. Projek dari Ibnu Ummi Maktum Research Center (UMMI) yang diketuai Ustaz Mohd Nur Adzam Rasdi dari FPQS dinobatkan sebagai Johan dalam kategori Anugerah Pengalaman Pembelajaran Imersif (Bersemuka) untuk inovasi Aplikasi Braille dalam Pengajian Quran & Sunnah. UMMI mengetengahkan projek "Emansipasi UMMI" iaitu kaedah yang memfokuskan kepada penerapan kesedaran dan empati yang bertujuan membentuk kemampuan mahasiswa untuk mempersembahkan khidmat yang sesuai dengan keperluan golongan OKU khususnya dalam hal ehwal keagamaan. Ia berfokus kepada beberapa kemahiran seperti kemahiran literasi Braille dan kemahiran berinteraksi dengan komuniti OKU Penglihatan.

Selain mendapat Johan dalam Kategori Anugerah Pengalaman Pembelajaran Imersif (Bersemuka) untuk inovasi Aplikasi Braille dalam Pengajian Quran dan Sunnah, projek dari Specialty Program for Alcohol and Drug Abuse (SPADA) yang diketuai Dr Mohamad Isa Amat dari FKP turut berjaya mendapat tempat ketiga bagi kategori Kurikulum Program Pengajian Inovatif. SPADA mengetengahkan program akademik peringkat Pascasiswazah yang pertama seumpamanya di Malaysia yang ditawarkan di Universiti Awam dalam latihan ikhtisas dan profesional dalam bidang penyalahgunaan dadah kepada pegawai dan kakitangan sokongan di jabatan berkaitan rawatan dan pemulihan dadah. Program Fleksi Diploma Pascasiswazah dalam Penyalahgunaan Dadah atau Sarjana Kaunseling Penyalahgunaan Dadah ini mempunyai keunikan, di mana program siswazah mempunyai dua pilihan untuk graduasi, iaitu calon boleh menamatkan pengajian sama ada Diploma Pascasiswazah sahaja, atau meneruskan pengajian sehingga peringkat Sarjana Kaunseling dengan tambahan dua semester.

Pendidikan Jarak Jauh dan Pembelajaran Terbuka (Open & Distance Learning)

Kepakaran USIM dalam bidang pendidikan jarak jauh mendapat Pengiktirafan Antarabangsa apabila Prof. Dr. Rozhan Mohammed Idrus, Felo Penyelidik di Institut Sains Islam (ISI), menerima penganugerahan Award for Excellence in e-Learning dan juga 50 Fabulous Edutech Leaders Award yang berlangsung pada 4 Julai 2019 di Taj Lands End, Mumbai, India. Beliau ialah Profesor Pendidikan Jarak Jauh pertama di Malaysia yang menerima anugerah tersebut. Sebelum itu, beliau pernah menerima anugerah Best Professor in Immersive Technology Studies pada 24 April 2019 di Kuala Lumpur di 6th Golden Globe Tiger Awards – Education Leadership. Beliau terpilih menerima anugerah tersebut atas pencapaiannya yang menyerlah di bidang Pendidikan Jarak Jauh dan Pembelajaran Terbuka *Open & Distance Learning* sebagai seorang pakar rujuk serta penyelidikan dan penghasilan karya penerbitan di peringkat antarabangsa. Antara agensi antarabangsa yang pernah menerima khidmat pakar beliau termasuk Commonwealth of Learning (COL), Islamic Educational, Scientific and Cultural Organization (ISESCO), SEAMEO-RECSAM serta UNESCO.

Pelantikan Profesor Pelawat, Felo Kehormat dan Karyawan Tamu

Pada 27 Mac 2019 hingga 11 April 2019 Ar. Dr. Elina Mohd Husni, Dekan Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina (FKAB) dilantik sebagai Profesor Pelawat di Taskhent Institute of Architecture and Civil Engineering (TIACE) Uzbekistan. Pelantikan Profesor Pelawat ini merupakan hasil Memorandum Persefahaman (MoU) antara USIM dan TIACE. Peluang yang diperolehi telah digunakan sebaik mungkin dalam pelbagai program seperti perkongsian pengalaman bersama pensyarah dan pelajar di sana dan kerjasama untuk penghasilan buku teks dalam bidang seni bina antara FKAB dengan Samarkhan State Architecture and Civil Engineering University, Uzbekistan.

Selain itu, Dr. Anvar Narzullaev, pensyarah FST juga dijemput menjadi tenaga pengajar untuk kursus Basics of Programming di Fergana State University, Uzbekistan. Pada November 2019 Prof. Dato' Dr. Musa Ahmad dilantik sebagai Felo Kehormat Hon. FMASS di Malaysian Solid State Science and Technology Society (MASS). Pada Oktober 2018 hingga September 2019 Pusat Pengajian Teras melantik Encik Azlan Jumat Abdul Ghani sebagai Karyawan Tamu yang bertujuan untuk berkongsi ilmu

mengenai senaman tua warisan Melayu lama yang terbukti mempunyai keberkesanan dari segi masalah kesihatan serta menghasilkan penyelidikan dan penulisan mengenai senaman Melayu Tua. Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang pelantikan beliau adalah senaman tua yang diadakan sekali pada setiap seminggu, rawatan pemulihan, sesi diskusi, pementoran dan penyelidikan.

Program Syarahan Umum Industri

USIM menerima tiga orang Profesor Adjung Kebangsaan melalui Program CEO@Faculty di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. Ikon-ikon korporat tersebut adalah Encik Azmir Jaafar, Pengarah Urusan McDonalds Malaysia, Datuk Dr. Syed Muhammad Syed Abdul Kadir, Chairman SunLife Malaysia dan Datuk Dr Md Hamzah bin Md Kassim, *co-founder* IA Group Consulting Firm/ Chairman Hong Leong Islamic Bank melalui Program CEO@Faculty di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. Penglibatan ikon korporat ini dijangka dapat memantapkan kualiti program di universiti sesuai dengan kehendak pemegang taruh dan masyarakat. Justeru itu, bagi memperkasakan hubungan universiti-industri serta pengalaman luas beliau dalam bidang industri, Pusat Libatsama Masyarakat dan Jaringan Industri (PLiMJI) menganjurkan Program Syarahan Umum Industri pada 19 September 2019 sebagai platform untuk meneruskan kerjasama strategik serta mengadakan sesi perkongsian pengalaman untuk dimanfaatkan oleh warga USIM.

Pengurniaan Tauliah Leftenan Komander Kehormat Pasukan Sukarela TLDM

Pada 2 Mei 2019 menerusi Majlis Angkatan Tentera (MAT) ke-574, Prof. Madya Dr. Mohd Hazmi Mohd Rusli diberi Pengurniaan Tauliah Leftenan Komander Kehormat Pasukan Sukarela TLDM. Pengurniaan tersebut diberikan sebagai pengiktirafan atas peranan dan penglibatan beliau dengan pihak TLDM berkaitan bidang kepakaran beliau dalam undang-undang laut antarabangsa. Dr. Mohd Hazmi sebelum ini pernah dilantik sebagai Profesor Pelawat di Fakulti Undang-Undang, Far Eastern Federal University (FEFU) Vladivostok, Rusia dan ia merupakan kali pertama ahli akademik daripada Asia Tenggara mendapat pengiktiran seumpama itu. Sebagai pengiktirafan kepada kepakaran beliau khususnya dalam bidang undang-undang laut antarabangsa, kali ini pihak Vladivostok State University of Economics and Service (VSUES), Rusia mengundang beliau sebagai Pembentang Kertas Kerja Plenari dalam The 1st Far Eastern International Forum yang berlangsung pada 14 hingga 20 Disember 2019 di Vladivostok, Rusia. Forum tersebut dianjurkan secara bersama dengan Far Eastern Federal University dan Russian Foundation for Basic Research.

Program Gap Year

Program Gap Year adalah program yang diperkenalkan Kementerian Pendidikan Tinggi pada tahun 2017 bagi memenuhi Lonjakan 1 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2025). Ia yang meliputi tiga bentuk program iaitu Gap Year Kesukarelawanan Khidmat Negara, Gap Year Kesukarelawanan dan Gap Year Umum. Inisiatif ini diperkenalkan untuk meningkatkan kekendirian dalam kehidupan, kerjaya dan peranan mahasiswa dalam masyarakat. Pada masa yang sama, program ini boleh memupuk sikap bertanggungjawab, patriotisme, perpaduan dan penyayang dalam kalangan mahasiswa di samping meningkatkan kebolehpasaran graduan. Pada 2019, seramai tiga orang pelajar FKP (dua orang pelajar Program Komunikasi Media Baharu dan 1 orang pelajar Program Komunikasi) menyertai Program Gap Year.

Sarjana Pelawat Fullbright

Felo Siswazah Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Mohd Faridh Hafez Mohd Omar, terpilih untuk mengikuti program fellowship Fullbright di Islamic Centre Shenandoah University USA pada 2019.

Fullbright adalah sebuah program inisiatif Amerika Syarikat (AS) dalam meningkatkan persefahaman dan hubungan baik dengan masyarakat dunia. Program ini diasaskan oleh Senator J. William Fullbright pada 1946. Manakala program Fullbright AS-ASEAN diumumkan secara rasmi oleh Setiausaha AS pada tahun 2012. Pemilihan sebagai sarjana pelawat Fullbright melalui saringan yang ketat setelah permohonan dihantar bersama kertas cadangan penyelidikan.

Naib Johan Musabaqah Tilawah Al-Quran

Muhammad Umar Syazuli bin Mohd Tahir pelajar tahun tiga Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran dengan Multimedia berjaya mendapat Naib Johan Musabaqah Tilawah al-Quran Institusi Pengajian Tinggi Peringkat Serantau di Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Brunei Darussalam pada 24 hingga 26 Ogos 2019. Beliau mendapat latihan dan bimbingan oleh Dr. Anuar Hasin, Pensyarah Kanan di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS).

Pencapaian Akademik Kolej GENIUS Insan

Pertandingan "Beamline for Schools 2019", Switzerland

Kumpulan "Salvo Krevas" dari Kolej GENIUS Insan (KGI) berjaya menempatkan diri sebagai 20 kumpulan terbaik semasa penyertaan sulungnya dalam pertandingan "Beamline for Schools 2019" anjuran European Organization for Nuclear Research (CERN) berpusat di Switzerland.

Sebanyak 178 kumpulan dari 49 buah negara serata dunia menyertai pertandingan berprestij tinggi ini dan hanya dua buah pasukan dari Asia Tenggara yang berjaya disenarai pendek. Salvo Krevas memajukan kertas cadangan bertajuk "Investigating the Viability of Electron Energy Loss Spectroscopy (EELS) as an Alternative Method in Plastic Segregation for Recycling". Hanya dua kumpulan terbaik akan dibiaya sepenuhnya untuk menjalankan ujikaji yang dicadangkan dalam kertas kerja mereka di DESY Hamburg, Jerman.

Hack for Good 2.0

The Hack for Good 2.0, Connected Mangroves 2019 Competition adalah satu program yang dianjurkan oleh Ericsson Malaysia, Bangladesh dan Sri Lanka bersama UTM dan UPM. KGI merupakan sekolah tunggal yang mengambil bahagian dalam pertandingan ini yang berjaya menempatkan diri sebagai 14 finalis. Peserta pertandingan terdiri daripada pelajar prasiswazah dan siswazah. Pelajar KGI menjalankan projek pemantauan dan pengurusan sistem bakau menggunakan NB-IoT sensors. Mereka berjaya mengetengahkan projek pemantauan saliniti dan suhu tapak Ericsson-UTM Mangrove di Sabak Bernam menggunakan sistem penderia prototaip mereka sendiri.

Olimpiad Matematik Kebangsaan (OMK) 2019

Olimpiad Matematik Kebangsaan (OMK) bertujuan untuk melahirkan dan menjana generasi berdaya saing dalam bidang metematik dengan lebih mencabar. Selain itu, ia juga adalah untuk memilih calon mewakili Malaysia dalam pertandingan International Mathematical Olympiad (IMO). Program latihan intensif olimpiad Matematik diadakan pada 27 hingga 28 Februari 2019 bagi meningkatkan penguasaan pelajar dalam memahami kehendak soalan dan seterusnya dapat menjawab dengan mengunakan teknik yang betul. Latihan ini juga bagi mengenal pasti pelajar berpotensi tinggi dalam olimpiad Matematik pada peringkat yang lebih awal serta meningkatkan pencapaian dan kelulusan pemilihan peserta mewakili Malaysia.

SYARAHAN PERDANA, SEMINAR DAN PROGRAM LIBAT SAMA MASYARAKAT

Syarahan Perdana Profesor adalah acara tahunan yang dilaksanakan bagi memberi ruang kepada Profesor yang berkhidmat di USIM untuk berkongsi kepakaran dan penyelidikan mereka dengan seluruh warga USIM dalam bidang masing-masing.

Prof. Dato' Dr. Mahmud Mohd Nor

Challenges and Achievements in Developing Paeditric Surgery in a Developing Healthcare Services of Malaysia (7 Mac 2019)

Prof. Dr. Norita Md Norwawi

Artificial Intellegence Nature Inspired Technology Driven by the Light
(8 April 2019)

Prof. Dr. Bachok M. Taib

Boundary Integral Method and Cavitation Bubble Modelling
(8 April 2019)

Prof. Dato' Dr. Musa Ahmad

Sensor Kimia Optik: Pendekatan Praktikal dalam Analisis Kimia
(17 Julai 2019)

Prof. Dato' Dr. Zulkiple Abd Ghani

Ekosistem Dakwah dalam Era Digital
(8 Ogos 2019)

Mevlana Exchange Program

Prof. Dr. Norita Md Norwawi dari FST terpilih menyertai program Mevlana Exchange Program. Beliau ditempatkan di Suleyman Demirel University dan Gaziantep University dari bulan Oktober 2019 hingga Januari 2020.

Pemerkasaan Program Dakwah Tatbiqi dan Penubuhan MICMI, Saadah Centre dan Akidah & Global Outreach

Program Dakwah Tatbiqi merupakan kursus akademik berkredit di bawah Program Dakwah dan Pengurusan Islam, FKP. Program ini terus diperkasakan pada tahun 2019 dengan memfokuskan kepada komuniti setempat termasuk masyarakat orang asli. Sebanyak empat program berimpak dilaksanakan sepanjang tahun 2019 iaitu di kampung sekitar Kuala Langat, Sepang, Banting dan Port Dickson melibatkan lebih 200 orang pelajar.

Selain itu, FKP juga buat julung kalinya melancarkan tiga platform iaitu Muslim in Creative Media Industries (MICMI), Saadah Centre for Counseling and Consultation (Saadah) dan Aqidah & Global Outreach (AqGlobal). Ketiga-tiga inisiatif ini bertujuan untuk memperkasakan bidang tujahan fakulti dalam usaha membuka laluan ahli akademik bagi memperkasakan usaha penyelidikan, inovasi, hubungan industri serta libat sama masyarakat.

Klinik Guaman Syarie

Klinik Guaman Syarie bermula secara rasmi dengan penglibatan peguam-peguam syarie pada 22 Mac 2019 di Klinik Bantuan Guaman, Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU). Program yang diadakan secara konsultasi ini bermula dari 9 pagi hingga 12 tengahari pada setiap Jumaat. Manakala Klinik Guaman Sivil pula bermula pada 15 November 2019 jam 3 petang hingga 5 petang. Konsultasi Klinik Guaman Sivil melibatkan undang-undang hartanah, keusahawanan, pekerjaan, kebankrapan dan lain-lain. Ia sangat membantu masyarakat memahami perundangan sivil melalui isu dan permasalahan yang dikemukakan. Objektif perkhidmatan Klinik Guaman Syarie adalah untuk membantu masyarakat yang menghadapi masalah berkaitan dengan perkahwinan, perceraian, pertunangan, hadhanah, harta sepencarian, dan nafkah serta hal-hal berkaitan dengan Mahkamah Syariah. Klinik Guaman Sivil pula memberi khidmat kepada masyarakat perihal guaman sivil.

Menerusi perkhidmatan konsultasi guaman tersebut, para pelajar dilibatkan secara aktif untuk melihat secara realiti kes-kes perundangan dalam masyarakat. Impak program tersebut adalah sangat besar khususnya kepada masyarakat yang berhalangan untuk berjumpa dengan peguam syarie atas faktor kekangan kewangan. Justeru, mereka boleh mendapatkan informasi dan nasihat perundangan seterusnya merancang tindakan susulan yang perlu diambil. Dalam hal ini, pelanggan berkenaan akan diberikan panduan serta maklumat lengkap sehingga mereka faham apa yang perlu dilakukan. Konsultasi yang diberikan adalah percuma. Hampir 50 hingga 60 kes yang dibawa untuk konsultasi dan separuh daripadanya melibatkan kes perceraian. Klinik ini dijangka dapat meluaskan jaringan khidmat kemasyarakatan kepada masyarakat luar khususnya di sekitar Nilai.

Klinik Pusaka

Selain daripada perkhidmatan konsultasi Klinik Guaman Syarie dan Sivil, FSU juga menyediakan perkhidmatan Klinik Pusaka yang memberi peluang kepada masyarakat untuk mendapatkan konsultasi bersama konsultan kanan MyPusaka. Klinik Pusaka diwujudkan dengan kerjasama syarikat Pusaka Kuds untuk menyediakan konsultasi mengenai pusaka, analisa faraid, hibah dan pengurusan harta pusaka. Perkhidmatan ini ditawarkan kerana pengetahuan mengenai pengurusan harta pusaka termasuk harta semasa dalam kalangan masyarakat Muslim Malaysia masih rendah dan ia membuka kepada risiko apabila berlaku kematian. Dalam mengendalikan klinik ini, para pelajar turut dilibatkan sebagai satu latihan untuk melahirkan konsultan junior yang dapat membantu menyebarkan ilmu berkaitan faraid dan pengurusan harta pusaka. Impak positif yang diterima daripada perkhidmatan ini apabila ianya menerima sambutan dan permintaan yang amat memberangsangkan daripada orang awam dan pelajar. Kesedaran untuk mendalami ilmu dan kemahiran berkaitan faraid dan pengurusan harta pusaka dilihat semakin meningkat. Klinik Pusaka dibuka untuk orang ramai selama tiga hari seminggu iaitu pada hari Selasa, Rabu dan Khamis dari jam 10 pagi hingga 5 petang.

Penganjuran Persidangan Industri Warga Emas Kebangsaan: Menuju Pengurusan Patuh Syariah

Persidangan Industri Warga Emas Kebangsaan: Menuju Pengurusan Patuh Syariah merupakan satu persidangan yang berbentuk konvensyen yang membawa tema “Malaysia Menjelang 2030: Ke Arah Pengendalian Warga Emas Islam yang Holistik, Dinamik dan Bermakna”. Persidangan ini merupakan sinergi antara FSU USIM, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan Pusat Kecemerlangan Pendidikan Ummah (PACU) Darul Insyirah dengan objektif merangka satu gabungan pengendali warga emas Muslim bagi meneraju pengurusan warga emas patuh syariah yang pertama di Malaysia. Persidangan ini diadakan pada 15 dan 16 Mac 2019 di Dewan Tuanku Canselor, USIM yang dihadiri oleh 1100 orang peserta dan mencapai objektif meningkatkan kesedaran masyarakat dalam isu-isu berkaitan warga emas. Persidangan Pengendali Warga Emas Muslim sangat mendapat sambutan dan berjaya memberi impak yang positif dalam kalangan peserta ke arah membina negara menuju Negara Tua 2030. Seminar seperti ini berupaya menjadi satu platform untuk memacu dan seterusnya menerajui Industri warga emas Muslim dengan mengikut prosedur operasi standard yang dinamik, proaktif dan patuh syariah sebagai persiapan bagi negara Malaysia bagi menuju Negara Tua 2030.

Seminar Kebangsaan Solusi Hadhanah Mahkamah Syariah (MUQARRAR 2019)

Seminar Solusi Hadhanah (MUQARRAR 2019) merupakan sebuah seminar anjuran bersama oleh Persatuan Peguam Syarie Malaysia (PGSM) dan FSU, USIM. Seminar diadakan pada 26 September 2019 di Dewan Kuliah Pusat 3 (DKP 3, USIM) yang dihadiri seramai 239 orang peserta terdiri daripada Hakim-hakim Syarie, peguam Syarie, pegawai Sulh, ahli akademik, pegawai-pegawai kerajaan daripada pelbagai jabatan, orang awam dan NGO serta pelajar universiti tempatan.

Penganjuran seminar ini merupakan langkah untuk mencari jalan penyelesaian dan solusi terbaik bagi isu berkaitan kes-kes hadhanah di Mahkamah Syariah, dengan mengambil pandangan daripada pelbagai pihak dan agensi yang berkaitan, termasuk pensyarah, pengamal undang-undang, mufti, Hakim Syarie, peguam Syarie, pegawai Sulh, NGO dan lain-lain. Selain itu, ia juga sebagai menyahut cadangan mewujudkan Mahkamah Khas Hadhanah, Nafkah Anak dan Bahagian Penguatkuasaan dan Pelaksanaan di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan, oleh pihak kerajaan. Program ini dirasmikan oleh YB Datuk Seri Dr Mujahid Yusof, Menteri di Jabatan Perdana Menteri manakala Y.Bhg. Sahibus Samahah Dato' Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri, Mufti Wilayah Persekutuan menyampaikan ucaptama bertajuk "Solusi Rasullah S.A.W dan Para Sahabat Terhadap Pertikaian Hadhanah". Program ini mampu menjadi titik permulaan dalam usaha mencadangkan solusi terbaik penyelesaian isu-isu hadhanah kepada pihak kerajaan dan kepada pihak Mahkamah Syariah seluruh Malaysia.

The 3rd International Conference on Law and Justice 2019' (3rd ICLJ 2019)

Penganjuran persidangan antarabangsa 3rd ICLJ 2019 adalah sinergi antara tiga buah institusi iaitu Universitas Islam Negeri Sharif Hidayatullah (UIN Jakarta), USIM dan Universiti Malaya (UM). Ia memenuhi aspirasi universiti dalam mempelopori agenda integrasi ilmu untuk menjadi rujukan serantau dan antarabangsa. Persidangan ini yang bertemakan Managing Justice: Redesigning Law, Sharia and Business in the Recent Technology Development mengetengahkan isu-isu berkaitan perundangan, syariah dan ekonomi dalam teknologi terkini. Seminar ini diadakan pada 5 dan 6 November 2019 di Akademi Pengajian Islam, UM, Kuala Lumpur. Sebanyak 160 kertas kerja dihantar dan lebih dari 200 peserta hadir ke persidangan ini.

Seminar Pelatihan Kaunseling Keluarga dan Penyalahgunaan Dadah

Seminar ini dianjurkan bersama Universitas Negeri Semarang (UNNES) dan USIM yang berlangsung pada 26 dan 27 Jun 2019. Ia bertujuan memberi latihan dan meningkatkan profesionalisme terutama dalam kaunseling keluarga dan kaunseling penyalahgunaan dadah bersama pelajar pascasiswazah dari Universitas Negeri Semarang (UNNES) dan pelajar sarjana USIM.

Seminar Marital and Sexuality Counseling 2019 (MASEC 2019)

Penganjuran Seminar MASEC bermatlamat untuk memberi pengetahuan dan kemahiran kaunseling khususnya kaunseling perkahwinan, keluarga dan seksualiti kepada pelajar kaunseling, kaunselor, pegawai psikologi dan kakitangan yang terlibat dengan institusi keluarga dan perkahwinan. Seminar ini dianjurkan dengan kerjasama Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) pada 15 dan 16 Oktober 2019 di LPPKN Seremban.

International Conference on Islam, Media and Communication 2019 (ICIMaC 2019)

Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP) menganjurkan ICIMaC2019 kali kedua yang menyediakan platform untuk ahli akademik, penyelidik, pelajar pascasiswazah, pengamal media, agensi kerajaan dan NGO yang berminat dalam bidang penyelidikan, media dan komunikasi Islam. Bertemakan Communication, Media and the Clash of Ignorance, persidangan ini membincangkan dan mencari penyelesaian kepada masalah yang dihadapi oleh umat Islam melalui pendekatan komunikasi yang berkesan di era digital.

Seminar Wahyu Asas Tamadun (SWAT) 2019

Dengan tema “Al-Quran Rahmatan Lil ‘Alamin: Vision and Challenges”, Seminar Wahyu Asas Tamadun (SWAT 2019) berlangsung selama dua hari bermula 8 hingga 9 Oktober 2019 di FPQS. Lebih 100 kertas kerja telah dibentangkan sepanjang dua hari seminar berlangsung yang dihadiri oleh pembentang dari dalam dan luar negara. Seminar adalah anjuran bersama FPQS dengan Pusat Wakaf dan Zakat USIM dan Siraj Centre for Research And Studies yang berpengkalan di Morocco.

Penganjuran Seminar Tamadun, Etnik dan Turath Islami (i-STET) 2019

Seminar peringkat USIM ini diadakan di Pusat Pengajian Teras pada 19 Oktober 2019. Tema seminar adalah memartabatkan turath Islami dan memacu tamadun multi etnik. Tamadun Melayu merupakan antara tamadun tertua yang pernah menjadi sebuah tamadun terbilang. Selaras dengan fungsi Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang berperanan sebagai pusat penyebaran keintelektualan, maka penganjuran seminar ini menjadi salah satu perkembangan interdisplinari diskusi ilmu di antara ilmuwan, mahasiswa dan masyarakat umum mengenai kegemilangan ketamadunan Melayu prapenjajahan sehingga kepada pemartabatannya di era kontemporari. i-STET2019 dirasmikan oleh YBhg. Prof. Emeritus Dr. Shaharir Mohamad Zain.

Program Promosi Kesihatan

Pada 2019, FPSK menganjurkan pelbagai program khidmat masyarakat seperti di Pertubuhan Kebajikan Pusat Jagaan Suci Rohani, Rumah Kasih Nur Hasanah, Pusat Jagaan Sri Mesra, Pertubuhan Kebajikan Anak-Anak Yatim dan Miskin (Peyakin) Negeri Sembilan dan juga program santuni orang Asli dan program promosi Kesihatan dan Pencegahan Penyakit Bawaan Haiwan, Perkampungan Orang Asli Pos Yum di Sungai Siput Perak.

Tamhidi Educational Symposium (TEdS)

Program Tamhidi Educational Symposium (TEdS) diadakan pada 29 Julai 2019 adalah persidangan bersifat *education engagement* yang melibatkan tenaga pengajar di Tamhidi dan dari Sekolah Kluster dan Angkat khasnya, dan semua sekolah di Malaysia amnya. Program ini adalah siri kedua selepas TEdS 2018, mampu dijadikan program berkala yang berteraskan hubungan dua hala antara USIM dan masyarakat. TEdS merupakan salah satu platform rasmi bagi tenaga pengajar (guru atau pensyarah) berkongsi perihal kajian tindakan dan inovasi dalam pendidikan, di samping membincangkan isu-isu semasa dalam pendidikan negara. Dalam jangka masa panjang, TEdS berhasrat menjadi medan rujukan bagi penemuan dan kaedah terbaharu dalam Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) juga pendokumentasian amalan untuk meningkatkan keberkesanan pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) bagi memperkasakan Sains Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

PROGRAM PENGANTARABANGSAAN



Program Asean Classroom

Asean Classroom (ACL) 2019 adalah anjuran bersama antara FSU USIM dengan Pertubuhan Gud Lak ID, iaitu sebuah organisasi anak-anak muda Indonesia yang beribu pejabat di Jakarta, Indonesia. ACL 2019 disertai oleh enam orang peserta dari Malaysia, enam orang peserta dari Indonesia, seorang dari Korea Selatan, seorang dari Amerika Syarikat dan seorang pembicara yang didatangkan khas dari Vladivostok, Rusia. ACL 2019 adalah satu inisiatif yang dilaksanakan oleh Unit Undang-undang Antarabangsa (International Law Unit), FSU, USIM untuk menggalakkan pemahaman yang lebih mendalam mengenai isu-isu kemanusiaan dan sejauh mana ianya mempengaruhi Malaysia, Indonesia dan rantau ini.

Program-program yang dijalankan sepanjang penganjuran ACL 2019 adalah:

- Youth Forum yang bertempat di FSU, USIM pada 23 September 2019 dan di Fakulti Undang-undang, Universiti Teknologi MARA (UiTM) pada 24 September 2019
- Latihan mengadakan ASEAN Model Meeting di Bangsar kelolaan ahli-ahli ASEAN Foundation pada 21 September 2019
- Aktiviti kesukarelawanan di Pusat Jagaan Nurul Jannah di Keramat, Kuala Lumpur pada 22 September 2019 menerusi kerjasama dengan Persatuan Anak-anak Muda “The Bulb On! Project” kelolaan mahasiswa USIM
- The Amazing Race pada 25 September 2019 di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur.

ACL 2019 membuka peluang kepada FSU khususnya untuk menjalinkan hubungan dan bekerjasama dengan pelbagai institusi pengajian tinggi di Indonesia, Rusia dan Pertubuhan Korea. Diharapkan program ini dapat memartabatkan kedudukan USIM sebagai institusi yang menyediakan pembelajaran undang-undang antarabangsa dan kemanusiaan di rantau ini.

Program Kerjasama Jepun

Pihak FKP dengan kerjasama PLiMJI mengadakan lawatan penanda aras dengan Yayasan Dana Kebajikan Muslim Malaysia (YDKMM) di Osaka, Jepun pada 22 Ogos hingga 26 Ogos 2019. Tujuan utama lawatan ini adalah untuk meneroka aspek-aspek libatsama masyarakat dan jaringan industri yang boleh dilaksanakan bersama YDKMM di Jepun. Antara projek yang dipersetujui adalah Latihan Industri pelajar di Nippon Muslim Corporation, Program Pensijilan Khusus untuk Mualaf dan *summer camp* bagi pembangunan asas fardhu ain. Pihak FKP juga akan menghantar seramai lima orang pelajar program Dakwah dan Pengurusan Islam untuk menjalani latihan industri di Jepun pada Februari sehingga Mei 2020.

Program Pertukaran Pelajar

Pelajar KGI, Luqman Hakim Ahmad Firdaus (16 tahun) terpilih menyertai program pertukaran pelajar ke Jepun pada Ogos 2019 hingga Mac 2020 di bawah program Asia Kakehashi (AFS) 2019.

The Bulb On! Project (TBOP)

TBOP adalah sebuah Pertubuhan Sukarelawan Muda Malaysia yang berdaftar dengan Registrar of Society (ROS) Negeri Sembilan. Ia dipelopori oleh sekumpulan mahasiswa USIM yang idea asalnya dicetuskan oleh Wafa Aimi Fajuri pelajar tahun akhir Sarjana Muda Undang-Undang dan Syariah. TBOP bergiat aktif dalam melaksanakan program-program sukarelawan dengan sekolah-sekolah, universiti, komuniti orang asal dan pelarian, NGO di dalam dan luar negara. TBOP mendapat kerjasama dan peruntukan kewangan dari beberapa syarikat swasta dan individu untuk program-program CSR. Berteraskan tiga elemen penting di dalam setiap program yang dilaksanakan iaitu, Pendidikan, Kepemimpinan dan Kesukarelawanan, TBOP berjaya memberi manfaat kepada masyarakat dan melahirkan ramai sukarelawan yang terdiri daripada pelbagai latar belakang bermula daripada tahun 2017 sehingga 2019. Antara aktiviti yang dijalankan dengan kolaborasi FSU adalah Program ACL2019. Dalam program ini TBOP menjalankan aktiviti kesukarelawanan bersama peserta ACL2019 di Pusat Jagaan Nurul Jannah di Keramat, Kuala Lumpur pada 22 September 2019.

IBNU UMMI MAKTUM RESEARCH CENTER

(U M M I)

Penubuhan Pusat penyelidikan UMMI sebagai bidang bitara (niche area) Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS) bertujuan memenuhi tuntutan fardhu kifayah demi membantu golongan OKU di Malaysia.

UMMI menjalankan penyelidikan dan inovasi berpandukan teori asas pengajaran dan pembelajaran dalam al Quran yang disebut sebanyak empat kali dalam Surah al-Qamar:54: ayat 17; 22; 32 dan 40. Antara firman Allah yang bermaksud:

“Dan demi sesungguhnya! Kami telah mudahkan al-Quran untuk menjadi peringatan dan pengajaran, maka adakah sesiapa yang mahu mengambil peringatan dan pelajaran (daripadanya).”

Teori ini sebagaimana disebut oleh al-Imam Fakhru al-Din al-Razi dalam tafsirnya, Mafatih al-Ghayb turut mengemukakan empat aspek yang Allah mudahkan dalam berinteraksi bersama al-Quran iaitu kemudahan menghafaznya, memahami hikmahnya, menyentuh jiwa sama ada dibaca atau diperdengarkannya dan sebagai mukjizat agung Nabi Muhammad SAW. Ini bermakna, memudahkan pengajaran dan pembelajaran al-Quran kepada golongan OKU juga adalah suatu tuntutan supaya mereka dapat sama-sama belajar agama dan ilmu al-Quran khususnya melalui strategi, pendekatan, kaedah dan teknik yang sesuai dengan kekuatan dan keupayaan belajar mereka.

Usaha para pensyarah dan penyelidik meneroka dan mewujudkan Program Pendidikan Khas melalui kursus seperti Aplikasi Braille dalam Pengajian al-Quran dan as-Sunnah akhirnya diiktiraf apabila UMMI dinobatkan sebagai Johan dalam kategori Anugerah Pengalaman Pembelajaran Imersif di Majlis Anugerah Rekabentuk Kurikulum dan Penyampaian Inovatif Tahun 2019 (AKRI 2019). Kejayaan ini adalah hasil sokongan dan kerjasama UMMI dengan pelbagai pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Islam khususnya Yayasan Pendidikan al-Quran bagi Anak Istimewa (Yayasan FAQEH), Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS), Persatuan Orang Pekak Islam Malaysia (PRISMA) dan Persatuan Orang Pekak Negeri Sembilan (NESDA).

Dalam mendokong Matlamat Pembangunan Lestari atau Sustainable Development Goals (SDGs), inisiatif "Localising SDGs" (atau dikenali sebagai Penyetempatan SDGs) adalah sangat penting. Pendekatan penyetempatan SDGs bermaksud 'perancangan tempatan dalam mengurus serta melaksanakan SDGs berdasarkan acuan sosiobudaya, kegiatan ekonomi dan gaya hidup masyarakat setempat.' Rentetan dari itu, usaha dan matlamat menjadi universiti yang berperanan memperkasa kualiti akademik berimpak tinggi, melahirkan graduan yang berintegrasi dan holistik dan dalam masa yang sama menyumbang kepada perubahan positif masyarakat setempat melalui dasar keterlibatan masyarakat amat dititik berat oleh pengurusan USIM.

Tidak dapat dinafikan bahawa sehingga kini Universiti adalah tunjang kecemerlangan pendidikan tinggi yang berupaya mencorakkan landskap masa hadapan negara. Namun begitu, untuk kekal relevan dengan perubahan zaman dan revolusi industri yang pesat membangun, USIM perlu melipatgandakan usaha menambah baik pelaksanaan P&P, dan memperkasa bakat akademik dan penyelidikan.

Di samping itu, era globalisasi juga menuntut sesebuah universiti termasuk USIM untuk memenuhi penanda aras kualiti akademik dan penarafan global agar dapat menonjolkan kemampuannya di arena tempatan dan antarabangsa. Menyorot perancangan strategik, pelaksanaan dan pencapaian USIM tahun 2019, dapat disimpulkan bahawa USIM terus komited menggembleng usaha dan tenaga ke arah mencapai agenda pembangunan lestari dan mampan terutamanya dalam bidang pendidikan dan pemberdayaan masyarakat yang berkualiti dan berdaya saing seiring dengan slogan Kementerian Pendidikan iaitu "Sekolah untuk Komuniti, Universiti untuk Masyarakat."

RIDZA

KEBITARAAN

SISWA DAN ALUMNI

Maka Maha Tinggilah Allah, yang Menguasai seluruh alam, lagi Yang Benar (pada segala-galanya). Dan janganlah engkau (wahai Muhammad) tergesa-gesa membaca al-Quran sebelum selesai dibacakan oleh Jibril kepadamu, dan berdoalah dengan berkata: "Wahai Tuhanku, tambahilah ilmuku".

Taha 20:114

PENDAHULUAN

Perkembangan semasa di peringkat lokal dan global yang pantas berubah menjadikan siswa USIM perlu dipersiapkan dengan pakej sebagai seorang graduan yang mampan dari segi memiliki keterampilan kecemerlangan akademik dan sahsiah yang seimbang. Bagi menyokong usaha Universiti untuk melahirkan siswa dan graduan yang holistik sekaligus menjadi modal insan seimbang yang menyumbang kepada masyarakat dan negara, pelbagai program kokurikulum diatur dan dilaksanakan di dalam dan luar kampus.

Antara program yang dilaksanakan ialah program berbentuk kesukarelawanan, kepemimpinan, kebudayaan dan kesenian, pengucapan awam dan sukan. Sepanjang tahun 2019, siswa USIM terus menampilkan kecemerlangan yang luar biasa di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Pada masa yang sama, Universiti juga terus mengukuhkan perhubungan dan rangkaian jaringan yang akrab dengan alumni yang terus memberi sokongan tanpa berbelah bagi kepada alma mater mereka.

SISWA BERNADIKAN GIINA

Menyedari akan keperluan kemahiran insaniah menjadi antara keperluan utama kepada para majikan, aktiviti kokurikulum yang memupuk dan mencungkil potensi pelajar terus disemarakkan di peringkat Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP), Pusat Pembangunan Kemahiran Insaniah, Pusat Kebudayaan, Pusat Sukan, kolej kediaman, fakulti, persatuan dan kelab pelajar secara berterusan.



Rajah 3.1 : Pencapaian Skor GIINA Keseluruhan tahun 2019

Model Graduan Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli (GIINA) mempunyai 21 elemen yang ingin diterapkan kepada seseorang mahasiswa sebelum bergelar graduan. USIM menetapkan sasaran jangka masa panjang untuk melihat 100% graduannya akan mencapai Skor GIINA, sekurang-kurangnya 50%. Apabila ia berjaya dicapai, universiti dan masyarakat akan mendapat manfaat yang paling besar. Masyarakat amat menghargai dan meraikan keberadaan graduan USIM dalam komuniti mereka sekaligus memberi pengiktirafan kepada aspirasi USIM untuk menjadi peneraju dan rujukan Integrasi ilmu Naqli dan Aqli (INAQ) di dunia menjelang 2025.

KERJAYA, KEUSAHAWANAN DAN KEBOLEHPASARAN GRADUAN

Tidak dinafikan peranan dan fungsi utama Universiti adalah menjurus ke arah menyediakan peluang untuk menimba ilmu pengetahuan serta membuka ruang kepada mahasiswa untuk mengasah bakat dan kemahiran insaniah yang diperlukan. Universiti tidak pernah mengabaikan tanggungjawab sosialnya untuk membantu meningkatkan tahap kebolehpasaran graduan yang dihasilkan. Hal ini penting kerana antara indikator kecemerlangan sesebuah Universiti adalah peningkatan kebolehpasaran graduannya.

Penganjuran Expo on Talent Recruitment, Graduate Employability and Career Talk (e-TARGET)

Penganjuran Hari Kerjaya USIM atau dikenali dengan Expo on Talent Recruitment, Graduate Employability and Career Talk (e-TARGET) dalam skala mega selama dua hari bertempat di Dewan Tuanku Canselor USIM berjaya menarik lebih 70 syarikat dan wakil industri menyertainya. Program ini bagi menawarkan peluang pekerjaan dalam pelbagai bidang antaranya kewangan, perkhidmatan, peruncitan, telekomunikasi, pembuatan dan lain-lain lagi khususnya kepada para graduan USIM dan universiti sekitar, pelajar semasa dan orang awam.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui inisiatif bawah myCareer@MOE menjadi penaja utama kepada penganjuran program julung kali di USIM yang diterajui oleh Pusat Alumni dan Kerjaya berjaya menarik lebih 5,000 pengunjung.

Penganjuran e-TARGET oleh USIM relevan dengan situasi semasa mengenai peluang pekerjaan yang terhad dan pengangguran dalam kalangan graduan. Antara aktiviti sepanjang program ini selain temu duga secara terus bersama bakal majikan, pengunjung boleh menyertai program sampingan yang disediakan antaranya Pocket Talk oleh TalentCorp, ceramah Start Up Entrepreneurs, konsultasi penyediaan resume dan pameran.

Program Kebolehpasaran Graduan

Masyarakat terutamanya ibu bapa, industri dan majikan meletakkan harapan yang tinggi kepada universiti agar dapat membentuk dan melahirkan modal insan yang diperlukan untuk memacu kemajuan negara dalam pelbagai aspek. Isu kebolehpasaran graduan menjadi agenda utama pihak KPM selaras dengan Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan Institusi Pengajian Tinggi 2020-2025.

Bagi melaksanakan pelan tersebut, Pusat Alumni dan Kerjaya merangka pelbagai pelan pembangunan dan program untuk meningkatkan kebolehpasaran pelajar secara komprehensif.

Hasilnya pada 2019, USIM menunjukkan peningkatan yang cemerlang dalam peratusan GE apabila memperoleh 93% malah USIM turut cemerlang dalam pelaksanaan Progam GE apabila berjaya menerima Geran Kebolehpasaran Graduan sebanyak RM1,500,960.00 dari KPM untuk melaksanakan pelbagai program GE berimpak.

Bil	Nama Penyedia Proposal	Fakulti/PTj	Nama Program	Jumlah
1	Prof. Dr. Rosni Samah Prof. Madya Dr. Adnan Md Yusof Profesor Madya Dr. Noor Azizi Ismail Dr. Noor Najihan Ja'afar En. Mohd Asri Hj Husain	FPBU/PAK	Sijil Pengajaran & Pengurusan Institusi Tahfiz/Agama	RM 70,000.00
2	Prof. Madya Ts Dr. Madihah Mohd Saudi Prof. Dr. Norita Md Norwawi Dr. Azuan Ahmad Dr. Mus'ab Sahrim	FST/ISI	4th Industrial Revolution Muslim Professional Development	RM 92,400.00
3	Prof. Dr. Rosni Samah Prof. Madya Dr. Adnan Md Yusof Profesor Madya Dr. Noor Azizi Ismail Dr. Ahmad Kamel Mohamed Dr. Noor Najihan Ja'afar En. Mohd Asri Hj Husain En. Muhammad Zaidy Dailami	FPQS/ PAK	Sijil Eksekutif Pengurusan Institusi Islam	RM 35,000.00
4	LAr. Dr. Noor Hayati Ismail	FKAB	Kad Hijau dan Sijil Seni Bina Landskap	RM 11,500.00
5	Dr. Norhaziah Nawai Dr. Hanim Misbah Pn. Wan Rasyidah Wan Nawang	FEM	Sijil Pembangunan Pengurusan Dana Profesional (Tahap 1)	RM 34,000.00
6	Prof. Madya Dr. Irwan Mohd Subri Prof. Madya Dr. Che Wan Zanariah Che Wan Ngah Dr. Norhayati Rafida Abdul Rahim Dr. Sumaiyah Abd Aziz En. Mohd Zuhaifah Mohamed Jamil Cik Balqish Juliana Ali En. Dzulfadli Rosli	iFFAH	Professional Halal-Shariah Executive Program	RM 530,545.00
Jumlah				**RM 773,445.00**

Jadual 3.1 Senarai Program Kebolehpasaran Graduan USIM 1.0

Bil	Nama Penyedia Proposal	Fakulti/PTj	Nama Program	Jumlah
1	Prof. Madya Dr. Najwa Hayaati Mohd Alwi Prof. Madya Dr. Sakinah Ali Pitchay Dr. Norasikin Fabil Dr. Azni Haslizan Abd Halim Dr. Farida Hazwani Mohd Ridzuan	FST	Sijil Digital Distributed Economy Workers Skills	RM 30,000.00
2	Dr. Azuan Ahmad	FST	Certified Ethical Cybersecurity Penetration Tester	RM 135,000.00
3	Dr. Siti Radhiah Omar Dr. Hanis Nadia Yahya Dr. Mohd Nazmi Bin Abd Manap	FST	Certified Hazard Analysis Critical Control Point (HACCP) dan Good Manufacturing Practice (GMP) Professional	RM 123,600.00
4	Prof. Dato' Dr. Mustafa Mohd Hanefah Prof. Madya Dr. Zurina Shafii Dr. Supiah Salleh Pn. Nurazalia Zakaria En. Muhammad Iqmal Hisham Kamaruddin	FEM	Certified Professional Shariah Auditor (CPSA) Program	RM 138,865.00
5	Prof. Madya Dr. Fuadah Johari Dr. Hanim Misbah Dr. Nur Shuhada Kamaruddin	FEM	Sijil Perancang Kewangan Islam (Islamic Financial Planner)	RM 70,300.00
6	Prof. Madya Dr. Azman Ab Rahman Dr. Nuradli Ridzwan Shah Mohd Dali Dr. Mushaddad Hasbullah Dr. Ahmad Zaki Salleh Dr. Muhamad Firdaus Ab Rahman Dr. Hussein 'Azeemi Abdullah Thaidi	FSU	Sijil Profesional Pengurusan Harta & Kewangan Islam	RM 40,000.00
7	Ts. Dr. Irneza Ismail	FKAB	Kemahiran Penggunaan Pencetak Tiga Dimensi (3D)	RM 40,000.00
8	Dr. Mohd Shukor Harun Dr. Juliza Jamaludin Dr. Mohamad Azhari Wahid	PKUU	Sijil Perunding Hartanah Profesional	RM 70,000.00
9	En. Anas Azami En. Mohd Asri Hj Husain	Alumni/ PAK	Sijil Quranic Home-Based Tutor	RM 30,000.00
10	En. Muhammad Nafis Abdul Mois En. Mohd Asri Hj Husain	Alumni/ PAK	Shariah Compliance & Shariah Risk Management Executive Training (SCRMT)	RM 49,750.00
Jumlah				**RM 727,515.00**

Jadual 3.2 Senarai Program Kebolehpasaran Graduan USIM 2.0

PENYUBURAN BUDAYA KESUKARELAWANAN

Universiti dan masyarakat tidak mungkin dapat dipisahkan. Sinergi hubungan universiti dan masyarakat terus menjadi agenda USIM dan pelajarnya yang terus menyuburkan budaya berilmu dan berbakti. Dalam konteks ini, aspek kesukarelawanan dan program khidmat komuniti terus menjadi bidang tumpuan universiti dan pelajar yang berorientasikan dan berpaksikan hubungan pelajar dan masyarakat. Ia secara langsung mendokong kepada pendekatan memasyarakatkan universiti.

INISIATIF DAKWAH MELALUI KEMBARA GISO

Pengembaraan Global Islamic Student Outreach (GISO) berupaya mewujudkan kuasa lunak dalam kalangan komuniti yang diziarahi agar USIM khususnya dan Malaysia amnya senantiasa dihargai dan dirujuk terutamanya dalam inisiatif dakwah ke rantau jauh melalui aktiviti libat sama masyarakat dan kesukarelawanan di negara minoriti umat Islam.

Mahasiswa perlu diberi pendedahan mengenai realiti kehidupan masyarakat di luar negara dan ia dapat dirasai apabila mereka bersama dengan masyarakat di sana. Ia merupakan program pengembaraan yang menjadi *signature* kepada mahasiswa USIM yang memfokuskan kepada aspek kesukarelawanan serta pemindahan ilmu dan manfaat di antara pelajar dan komuniti setempat yang diziarahi mereka. Melaksanakan program pengembaraan ke luar negara untuk melakukan aktiviti kesukarelawanan dan menyantuni komuniti di negara yang dilawati akan memberi pendedahan baharu kepada mahasiswa yang menyertainya. Sepanjang 2019, sebanyak 22 negara terlibat dalam pengembaraan GISO dengan penglibatan 2,789 orang pelajar.

22
Negara

Thailand, China, Maldives, Korea Selatan, Taiwan, Indonesia, Vietnam, India, Turki, Filipina, Jepun, Australia, Uzbekistan, Kemboja, Madagascar, New Zealand, Republik Czech, Austria, Croatia, Bosnia Herzegovina, Poland dan Kyrgyztan

117
Pengembaraan

54
Wilayah

844
Aktiviti

120
Pegawai pengiring

2,789
Pelajar

5,126,902.55
Kos keseluruhan (RM)

427,000.00
Kos dibiayai universiti (RM)

USIM Serah Dua Projek Pembangunan Infrastruktur kepada Muslim Krabi

USIM menyerahkan secara rasmi dua buah projek pembangunan infrastruktur fizikal kekal kepada penduduk Muslim di Krabi, Thailand. Sumbangan pertama adalah tiga unit tandas bersama tempat wuduk di Masjid Kariah Kampung Naiyuan untuk manfaat para jemaah serta penuntut Madrasah Ban Naiyuankhak yang terletak dalam kawasan masjid berkenaan.

Manakala sumbangan kedua ialah kolah wuduk berbumbung untuk Madrasah Baba Soleh yang terletak di Kampung Klong Kamau, Daerah Naklong. Penyerahan projek ini telah disempurnakan oleh Naib Canselor USIM, Prof. Dato' Dr. Musa Ahmad dalam satu majlis khas di Kampung Naiyuan, Daerah Aoluk.

Sumbangan infrastruktur ini yang menelan kos keseluruhan sebanyak lebih RM50,000.00 adalah hasil usaha siswa USIM sendiri. Dana yang dikumpul dijana sendiri oleh siswa USIM melalui program keusahawanan dan penajaan secara berperingkat melalui inisiatif program Kembara Mahabbah GISO Krabi di bawah BHEP.

Jelajah Sukarelawan Mendekati Masyarakat

Bagi mendekati dan merapatkan lagi hubungan USIM bersama masyarakat, BHEP USIM mengambil inisiatif melaksanakan program bersiri Jelajah Sukarelawan USIM (JSU).

Program JSU terdiri daripada tiga komponen utama iaitu Jelajah Daerah Negeri Sembilan; Jelajah Kejiranan; dan Jelajah Negeri berjaya mengeratkan lagi hubungan silaturrahim di antara komuniti setempat dan warga USIM melalui pengisian-pengisian bersandarkan kepada sanggar (tujahan) yang ditetapkan.

Pada 2019, sebanyak 24 siri JSU berjaya dianjurkan dengan penglibatan pelajar seramai 944 orang pelajar yang mengadakan 93 pengisian program sanggar iaitu Sanggar Sukan, Sanggar Ilmu, Sanggar Sihat, Sanggar Seni, Sanggar Terapi, Sanggar Inovasi dan Sanggar Bakti. Bagi menjayakan siri JSU ini, sejumlah RM259,803 kos kewangan telah diperuntukkan oleh Universiti.

PROCAST ABC Cetusan Menteri Besar Negeri Sembilan

Menyedari betapa pentingnya program yang berupaya meningkatkan kesedaran diri dalam kalangan murid-murid sekolah menengah ke arah kecemerlangan di dunia dan akhirat, USIM mengambil inisiatif untuk melaksanakan projek khas Program Cemerlang Akademik Sahsiah Terpuji Anak Baik Lagi Cerdik (PROCAST ABC) mulai 2019.

Ia merupakan cetusan idea Yang Amat Berhormat Dato' Seri Aminuddin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan sendiri yang mahukan USIM turut berperanan membantu Kerajaan Negeri Sembilan meningkatkan kesedaran tersebut dalam kalangan murid-murid sekolah menengah di Negeri Sembilan.

USIM sangat komited dalam merealisasikan hasrat ini dan merangka satu modul khas yang berbentuk motivasi dan pembentukan jati diri dengan menyasarkan seramai 360 orang pelajar dari 16 sekolah menengah di Negeri Sembilan. Projek ini terbahagi kepada empat siri.

Program	Tarikh	Peserta	Nama Sekolah	Lokasi
Siri Pertama	26 - 28 Ogos 2019	75 orang pelajar (36 Lelaki, 39 Perempuan)	SMK Senawang, SMK Seri Ampangan, SMK Juasseh dan SMK Dato' Abdul Samad	Kem Pusako Hasan Basir, Batu Kikir, Negeri Sembilan
Siri Kedua	7 - 9 Oktober 2019	57 orang pelajar (27 Lelaki, 30 Perempuan)	SMK DESA Cempaka, SMK Yam Tuan Raden dan SMK Raja Jumaat.	
Siri Ketiga	4 - 6 November 2019	93 orang pelajar (37 Lelaki, 56 Perempuan)	SMK Semarak, SMK Bukit Mewah, SMK Dato' Hj. Redza, SMK Datuk Undang Abdul Manap dan SMK Jelai	
Siri Keempat	15 - 17 November 2019	75 orang (36 Lelaki, 39 Perempuan)	SMK Datuk Hj. Abdul Samad, SMK Pasir Panjang, SMK Tunku Ampuan Durah dan SMK Dato' Md. Said	

Jadual 3.3 : Senarai Siri Projek PROCAST ABC tahun 2019

USIM–UNMA Street Dakwah @Banten Indonesia

USIM Street Dakwah (USD) merupakan program yang sinonim dengan Pusat Kebudayaan USIM sebagai sebuah program yang menggunakan pendekatan dakwah melalui persembahan kesenian dan muzik.

Pada tahun ini, Street Dakwah USIM melebarkan sayapnya ke Indonesia dengan kerjasama Universitas Mathla'ul Anwar (UNMA), Banten, Indonesia menganjurkan USIM – UNMA Street Dakwah@Banten Indonesia.

Disertai lapan orang pelajar bersama dua orang pegawai pengiring dari Pusat Kebudayaan, pengisian USD di bumi Banten antaranya ialah penyerahan pelajar USIM sebagai anak angkat kepada dua buah keluarga di Banten; Silang Budaya di antara pelajar USIM bersama pelajar dan masyarakat di Universitas Mathla'ul Anwar (UNMA) dan Pusat Perguruan Menes; Kelas Rakan Seni Budaya yang memfokuskan kepada Seni Taranum, Qasidah dan Khat.

USIM turut melancarkan Tabung Bantuan Tsunami 2.0 yang memberi peluang kepada warga USIM untuk menyumbang dan memberi bantuan kepada mangsa tsunami yang melanda bumi Banten pada penghujung tahun 2018. Bantuan berbentuk wang tunai yang disalurkan digunakan untuk membeli keperluan pembelajaran dan pengajaran serta menambahbaik kemudahan fasiliti.

KECEMERLANGAN ATLET UNIVERSITI

Pembangunan sukan dan kecemerlangan atlet USIM khususnya dalam kalangan siswa semakin konsisten tahun demi tahun.

Pada masa yang sama usaha kepada mencari dan menggilap bakat sukan siswa terus diperkasakan dengan pelbagai program seperti Kejohanan Sukan Fakulti, Kejohanan Bola Sepak Interfakulti dan Kejohanan Olahraga Interfakulti. Sepanjang tahun 2019, siswa USIM menunjukkan kecemerlangan dalam beberapa acara sukan di peringkat universiti awam.

Bil	Nama	PTj	Acara	Pingat
1	Mohammad Ammar b Abdul Halim	FEM	Taekwando	Emas
2	Muhammad Nabhan b Ahmad Sukri	FSU	Silat	Perak
3	Muhammad Amirul Hakim b Saifufadzilah	FEM		Gangsa
4	Nur Auni bt Rosli	FPQS		Gangsa
5	Syed Muhammad Ibrahim b Syed Mud Pu'ad	FST	Olahraga	Gangsa
6	Muhammad Firdaus b Shaifudin	PT	Ping Pong	Gangsa

Jadual 3.4 : Pencapaian Atlet USIM dalam Karnival Kejohanan Sukan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) 2019 24 Julai – 3 Ogos 2019 di Universiti Malaysia Pahang

Anugerah Sukan USIM 2018

Penglibatan warga Universiti dalam aktiviti sukan menjadi salah satu wadah bagi membentuk dan meningkatkan sahsiah sekaligus berupaya melonjak diri, karisma dan produktiviti kerana mereka mempunyai minda yang cerdas dan tubuh yang sihat.

Sebagai satu penghargaan dan insentif kepada siswa yang cemerlang dalam bidang sukan, mereka layak mendapat pengecualian dan pengurangan yuran semester mengikut kategori.

Peringkat MASUM/KPM

Bagi pencapaian di peringkat MASUM dan penganjuran sukan oleh KPM, siswa berkenaan layak menerima pengecualian yuran pengajian sepenuhnya untuk satu semester sekiranya merangkul pingat emas, pingat perak akan menerima 50% pengurangan yuran pengajian untuk satu semester manakala pingat gangsa akan layak menerima 30% pengurangan yuran pengajian untuk satu semester.

Peringkat Antarabangsa

Manakala pencapaian di peringkat antarabangsa seperti Sukan Universiti Asean/Asia dan Sukan Universiti Dunia, atlet berkenaan layak diberi pengecualian yuran pengajian sepenuhnya untuk tiga semester sekiranya mendapat pingat emas, penerima pingat perak akan menerima pengecualian yuran pengajian sepenuhnya untuk dua semester dan penerima pingat gangsa diberi pengecualian yuran pengajian sepenuhnya untuk satu semester.

Anugerah Sukan USIM 2018 yang berlangsung pada April 2019 menobatkan pelajar dari Fakulti Sains dan Teknologi, Abdul Muiz Jaafar dan Faedzla Hannani Mustapa sebagai olahragawan dan olahragawati.

Bil	Nama	PTj	Anugerah
1	En. Muhammad Hidayat bin Zainuddin	Kolej Permata Insan (Kini dikenali Kolej GENIUS Insan)	Olahragawan Staf
2	Dr. Faezah binti Rokhani	Fakulti Pergigian	Olahragawati Staf
3	Abdul Muiz bin Jaafar	Fakulti Sains dan Teknologi	Olahragawan Pelajar
4	Fedzla Hannani binti Mustapa	Fakulti Sains dan Teknologi	Olahragawati Pelajar
5	Muslim bin Abdullah	Fakulti Ekonomi dan Muamalat	Bintang Harapan Lelaki
6	Nur Auni binti Rosli	Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah	Bintang Harapan Wanita
7	Pasukan Bola Tampar Lelaki	-	Pasukan Terbaik Staf
8	Pasukan Lawn Bowls	-	Pasukan Terbaik Pelajar
9	En. Mohammed Azreen bin Jamian	Bahagian Penerbitan	Pengurus Pasukan Terbaik
10	Pn. Nor Farrahliza binti Soon Mustafa	-	Jurulatih Terbaik
11	Yakult Institut Perguruan (IPG) Teknik	-	Rakan Sukan USIM
12	En. Asmadi Jumain En. Norazhar bin Zainal Abidin *Coach* Maha En. Muhammad Shahrul Naim bin Mohd Tokiman En. Jasmin Jaimon	-	Sekalung Budi
13	Prof. Dato' Dr. Hassan Basri bin Awang Mat Dahan	-	Tokoh Pemimpin Sukan
14	Pn. Alifah binti Hj Hamid Abid Faridi b. Samsudin	Pengarah Tamhidi	Anugerah Khas

Jadual 3.5 : Senarai Penerima Anugerah Sukan USIM 2018

MENYANTUNI KEBAJIKAN PELAJAR

Menyedari hakikat tidak semua pelajar datang daripada keluarga yang berkemampuan, Universiti secara berterusan menyediakan pelbagai kemudahan dan kebajikan untuk menyantuni pelajar. Dari segi kewangan misalnya, di samping bantuan dana kebajikan universiti dan pengurusan penajaan, Universiti juga menyerahkan dana zakat sebagai bantuan tambahan kepada pelajar dan staf.

Food Bank Siswa

Food Bank Siswa merupakan inisiatif peringkat nasional yang bermatlamat membantu golongan pelajar kurang berkemampuan untuk mendapatkan bekalan makanan pada masa yang sama menyedarkan pengguna tentang inisiatif lebihan makanan untuk mengelakkan pembaziran makanan serta mengatasi pembaziran makanan yang masih boleh dimanfaatkan.

Penubuhan Food Bank Siswa USIM di bawah inisiatif Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memberi manfaat kepada 1,274 pelajar yang terdiri dalam kalangan asnaf fakir dan pendapatan isi keluarga di bawah RM1,000.00 sebulan.

Food Pantry

Food Pantry menyediakan bekalan makanan kering bertempat di Bangunan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni.

Central Kitchen

Central Kitchen di dapur Kompleks Islam Tuanku Muhriz bagi menyediakan masakan dari sumbangan barangan basah untuk diagihkan kepada pelajar yang memerlukan.

USIM merupakan universiti ke-15 dari 20 Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang melaksanakannya dan sebagai permulaan, seramai 11 penyumbang memberi sumbangan berupa barangan kering dan barangan basah. Mereka ialah Mighty Ocean Sdn Bhd, Rompin Enterprise Sdn Bhd, TF Value Mart, Faiza Marketing Sdn Bhd, Econsave Cash and Carry (FH) Sdn Bhd, NSK Trade City (NS2) Sdn Bhd, Era Plantation Tech Sdn Bhd, D'Era Pouch Industries Sdn Bhd, Mesra Erat Sdn Bhd (MyHope Mart), Pejabat FAMA Negeri Sembilan dan AEON Co (M) Sdn Bhd.

Penubuhan Unit Pelajar Kelainan Upaya

Bagi memastikan Universiti menjadi sebuah kampus yang mesra dengan golongan Orang Kelainan Upaya (OKU), kemudahan dan perkhidmatan untuk memberi keselesaan kepada kumpulan ini sentiasa dipertingkatkan.

Pada 2019, USIM menubuhkan Unit Pelajar Kelainan Upaya yang diselaraskan oleh BHEP. Pada masa kini terdapat seramai 23 orang pelajar kurang upaya di USIM.

Fungsi Unit Pelajar Kelainan Upaya

1. Menyelaras penyediaan polisi berkaitan pelajar kelainan upaya
2. Menyelaras bantuan kewangan pelajar kelainan upaya di IPT yang disediakan oleh KPM
3. Menyelaras urusan penajaan pelajar kelainan upaya
4. Menyelaras keperluan penginapan pelajar kelainan upaya
5. Menyelaras keperluan pengangkutan pelajar kelainan upaya
6. Menyelaras urusan aktiviti pelajar kelainan upaya
7. Menyelaras keperluan akademik pelajar kelainan upaya
8. Menyelaras keperluan peralatan bantuan pelajar kelainan upaya
9. Menyelaras keperluan rawatan pelajar kelainan upaya
10. Menyelaras keperluan kaunseling pelajar kelainan upaya
11. Menyelaras pemantauan dan audit kemudahan fasiliti pelajar kelainan upaya
12. Menyelaras taklimat/latihan/pendedahan berkaitan hak-hak pelajar kelainan upaya
13. Menyelaras sistem my-OKU

ALUMNI DAN ALMA MATER

Hubungan alumni dengan alma mater tidak pernah terputus, terutamanya dalam konteks membina jaringan serta kolaborasi strategik dalam melestarikan peranan dan sumbangan alumni kepada kemajuan USIM dan juga pembangunan sahsiah pelajar. Ini kerana USIM percaya bahawa alumni boleh memberikan maklum balas dan pandangan berdasarkan pengalaman lepas untuk bersama-sama mencorakkan masa hadapan yang gemilang.

Untuk merealisasikan hasrat tersebut, Universiti melalui Pusat Alumni dan Kerjaya melaksanakan beberapa inisiatif bagi mewujudkan sifat dedikasi dan *fraternity* dalam kalangan alumni.

Bil	Nama Program/Aktiviti	Tarikh dan Tempat	Bilangan Peserta
1	Majlis Pelancaran *Falcon United Academy* & Pelancaran Pasukan Bola Sepak Alumni USIM	02 Februari 2019 Kompleks Sukan Tuanku Najihah	20 orang Alumni
2	Bengkel Sumbangsaran Alumni USIM 2019	11 Februari 2019 Galeri HEP	30 orang Alumni
3	*Showcase* Alumni USIM sempena Amanat Naib Canselor USIM	22 Februari 2019 Dewan Tuanku Canselor	10 orang Alumni
4	Majlis Ikatan Ukhwah Pengurusan USIM Bersama Alumni USIM di JAKIM	25 Februari 2019 Pejabat Yayasan Ikhtimam Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin, Putrajaya	40 orang Alumni
5	Program Akademia	16 Mac 2019 Dewan Kuliah Fakulti (DKF)	95 orang pelajar tahun akhir 3 orang Alumni USIM
6	Wacana Alumni USIM (WASIM) Industri Halal Peluang Baru Mahasiswa USIM	20 Mac 2019 DKF 1.2 FKP	2 orang Alumni sebagai panel
7	Lawatan Penanda Aras ke UMT dan UNISZA	30 - 31 Mac 2019 Kuala Terengganu	Kakitangan Pusat Alumni dan Kerjaya USIM
8	Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Alumni USIM	13 April 2019 Galeri HEP	60 orang Alumni
9	Majlis Apresiasi Kesukarelawanan dan Tautan Kasih bersama Alumni U3P	26 April 2019 Nilai Springs Resort, Nilai	30 orang Alumni
10	Forum Inspirasi Alumni Peringkat FSU	2 Mei 2019 Kolej GENIUS Insan	3 orang Alumni
11	Bengkel Pengurusan Persatuan Alumni USIM	4 Mei 2019	20 orang Alumni
12	Majlis Daurah dan Iftar Perdana Alumni USIM	18 Mei 2019 Kompleks Islam Tuanku Muhriz	50 orang Alumni
13	Bengkel Pemerkasaan Ekonomi Alumni & Kebolehpasaran Graduan USIM	18 - 19 Mei 2019 Galeri Canselori	20 orang Alumni

Bil	Nama Program/Aktiviti	Tarikh dan tempat	Bilangan peserta
14	Majlis Berbuka Puasa Bersama Pusat Jagaan Kasih Sayang Negeri Sembilan	22 Mei 2019 Kuala Pilah	25 orang ahli KSA
15	Program Peraduan Selfie Raya dan Selfie Tempat Kerja	05 Jun 2019 31 Julai 2019	122 orang Alumni
16	Program Bonding & Team Building Krew Hari Kerjaya	5 Ogos 2019 Port Dickson	35 orang Krew Pelajar
17	Program Jelajah Negeri (Komuniti Pintar Alumni USIM@Perak)	23 Ogos 2019 Yayasan Darus Sakinah, Cenderong Balai Perak	2 orang Alumni dan 10 orang anak yatim
18	Program Jelajah Negeri (Komuniti Pintar Alumni USIM@Perak)	24 Ogos 2019 Sekolah Izuddin Shah (SIS) Perak	200 orang pelajar
19	Majlis Makan Malam Alumni USIM Chapter Pantai Timur	31 Ogos 2019 Hotel Perdana	100 orang Alumni
20	Bengkel Pengurusan Alumni bersama Persatuan dan Chapter Pantai Timur	1 September 2019 Hotel Perdana Kota Bharu, Kelantan	20 orang Alumni
21	Program GIG Economy : 1.Grafik dan Percetakan 2.Bahasa Arab : Terjemahan & Media	12 Okt 2019 FST Dewan Kuliah Pusat (DKP)	30 orang 100 orang
22	Bengkel Peluang Perniagaan Alumni di USIM	19 Oktober 2019 Bilik Seminar Aras 2 DTC	20 orang Alumni
23	Majlis Hi-Tea Alumni FEM	19 Oktober 2019 Galeri Canselori	30 orang Alumni
24	Shariah Compliance Executive Training	26 - 27 Oktober 2019 Dewan Tuanku Canselor	200 orang Alumni dan Pelajar
25	Hari Kerjaya USIM @ e-Target	5 - 6 November 2019 Dewan Tuanku Canselor	5000 orang pelajar
26	Pertandingan Foto Sempena Hari Kerjaya USIM	5 - 10 November 2019	Terbuka
27	Forum Perdana Ehwal Islam	21 November 2019 Kompleks Islam Tuanku Muhriz	1000 orang penonton
28	Ramah Mesra Alumni FPBU 2.0	23 November 2019 Galeri Canselori dan The Bowler's Mesamall	30 orang Alumni
29	Majlis Minum Petang Alumni USIM Chapter Utara	7 Disember 2019 Grand Alora, Alor Setar Kedah	50 orang Alumni
30	Alumni Dentist Talk	14 Disember 2019 FPg, Pandan Indah	3 orang Alumni
31	Program Komuniti Pintar Alumni USIM@USIM *Back to School*	19 Disember 2019 Galeri Canselori	50 perserta dalam kalangan alumni dan staf USIM

Jadual 3.6 : Senarai Penganjuran Program oleh Pusat Alumni dan Kerjaya

Anugerah Kecemerlangan Siswa (AKSIS) merupakan majlis ulung di peringkat Universiti untuk memberi penghargaan kepada pelajar yang mempamerkan ketokohan, kewibawaan, prestasi unggul dan kesungguhan yang tinggi dalam pelbagai aktiviti kepemimpinan, khidmat komuniti, kesukarelawanan, kebudayaan dan kesenian, pengucapan awam dan sukan.

ANUGERAH KECEMERLANGAN SISWA

Yusrina Yusof, pelajar Program Fizik Gunaan dari Fakulti Sains dan Teknologi (FST) dinobat sebagai Tokoh AKSIS 18/19. Yusrina yang bergiat aktif dalam bidang keusahawanan terlibat dengan Koperasi Siswa USIM kini mempunyai syarikat sendiri hampir empat tahun. Beliau berpendapat mengimbangi pengajiannya dalam Fizik Gunaan dengan bidang perniagaan yang diceburinya sebagai satu cabaran untuknya lebih bijak mengurus masa antara pelajaran dan aktiviti berpersatuan.

Anugerah yang dipertandingkan berdasarkan kriteria pemilihan yang dijajarkan kepada kriteria pemilihan Anugerah Tokoh Siswa Kebangsaan anjuran Kementerian Pendidikan selain para penerima anugerah secara automatik dicalonkan mewakili USIM ke pemilihan Anugerah Tokoh Siswa Kebangsaan.

Usaha ini dilihat dapat meningkatkan minat pelajar untuk terlibat dalam pelbagai program pembangunan sahsiah meliputi kategori yang dipertandingkan iaitu kepemimpinan dan kesukarelawanan sekaligus menghargai sumbangan dan ketokohan mereka.

Pada majlis ini juga, seramai tiga orang graduan menerima Anugerah Ikon GIINA. Mereka dipilih berdasarkan Skor GIINA tertinggi dalam kalangan graduan 2019. Mereka adalah saudari Nur Asyiqin Rumaizi, dari FPQS, manakala Saudari Aini Farisya Jamaluddin dan Saudari Marinah Rahman dari FST.

MEMPERSIAPKAN SISWA

KE ALAM PEKERJAAN

Kebolehpasaran Graduan adalah aspek yang sangat dititikberatkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan Pengurusan Universiti. Bagi menangani masalah pengangguran dalam kalangan graduan di Malaysia, pelbagai usaha dijalankan bagi menyediakan graduan ke alam pekerjaan sekaligus mampu memenuhi kehendak majikan pada masa kini.

Antaranya dengan memastikan graduan mempunyai kemahiran komunikasi yang baik, mendapatkan peluang pekerjaan yang sesuai dengan kelayakan yang ada, di samping menambah kemahiran tambahan yang diperlukan oleh industri hari ini. Di USIM, Pusat Alumni dan Kerjaya mengambil pendekatan yang agresif dan berstruktur dalam meningkatkan kebolehpasaran graduan melalui pelaksanaan program-program yang selari dengan permintaan pemain industri serta pada masa yang sama mempersiapkan graduan untuk memiliki sijil profesional dalam kemahiran tertentu yang diiktiraf.

"Program-program meningkatkan kebolehpasaran graduan yang diterajui oleh Pusat Alumni dan Kerjaya ini juga bertindak sebagai serampang dua mata. Selain menyediakan platform meningkatkan kemahiran graduan ke alam pekerjaan, ia juga secara langsung berjaya mengumpul data-data berkaitan alumni dan kerjaya secara berpusat dan cekap untuk dijadikan panduan dalam menangani masalah yang sama pada masa akan datang.

Pada 2019, USIM melalui Pusat Alumni dan Kerjaya menerima sejumlah peruntukan yang besar melalui Geran Kebolehpasaran Graduan Kementerian Pendidikan Malaysia dalam dua fasa. Dalam Fasa 1, sebanyak RM773,445.00 geran diterima untuk melaksanakan enam buah program antaranya Sijil Pembangunan Pengurusan Dana Profesional (Tahap 1); Professional Halal-Shariah Executive Programme; Sijil Pengajaran dan Pengurusan Institusi Tahfiz dan Agama; dan Kad Hijau dan Sijil Senibina Lanskap.

Geran bagi fasa kedua yang berjaya diterima USIM adalah sebanyak RM737,515.00 bagi melaksanakan 10 buah program peningkatan kebolehpasaran graduan. Tiga buah program yang menerima peruntukan terbesar dalam fasa ini ialah Certified Professional Shariah Advisor (RM138,865.00); Sijil Perunding Hartanah Profesional (RM70,000.00); Certified Ethical Cybersecurity Penetration Tester (RM135,000.00); *dan* Certified Hazard Analysis Critical Control Point (HACCP) dan Good Manufacturing Practice (GMP) Professional (RM123,600.00).

Selain menerima geran program kebolehpasaran graduan, USIM juga buat julung kalinya berjaya menganjurkan program Hari Kerjaya iaitu Expo on Talent Recruitment, Graduate Employability and Career Talk (e-TARGET) dengan peruntukan khas dari Kementerian Pendidikan Malaysia. Atas segala usaha dan komitmen untuk melihat graduan USIM dipersiapkan dengan pelbagai kemahiran untuk menempuh alam kerjaya, ia ternyata membuahkan hasil yang membanggakan dengan pencapaian 93% kebolehpasaran graduan USIM pada tahun 2019.

USIM terus beriltizam untuk melahirkan graduan yang berkualiti dan berdaya saing melalui kecemerlangan akademik dan juga sahsiah. Penumpuan kepada peningkatan perkhidmatan yang terbaik kepada pelajar serta pada masa yang sama pelaksanaan aktiviti bagi pembentukan sahsiah pelajar sentiasa diperkasakan dan dipelbagaikan bagi memastikan mereka bersedia dengan “kemahiran kehidupan” untuk memasuki alam kerjaya. Hal ini penting kerana ia akan merealisasikan hasrat Universiti untuk menghasilkan modal insan dan dapat memberikan sumbangan yang bermakna kepada masyarakat dan negara.

DENTISTRY

PENYELIDIKAN BERIMPAK

MEMACU UMMAH

Demi sesungguhnya! Kami telah mengutus Rasul-rasul Kami dengan membawa bukti-bukti dan mukjizat yang jelas nyata, dan Kami telah menurunkan bersama-sama mereka Kitab Suci dan keterangan yang menjadi neraca keadilan, supaya manusia dapat menjalankan keadilan dan kami telah menciptakan besi dengan keadaannya mengandungi kekuatan yang handal serta berbagai faedah lagi bagi manusia. (Dijadikan besi dengan keadaan yang demikian, supaya manusia menggunakan faedah-faedah itu dalam kehidupan mereka sehari-hari) dan supaya ternyata pengetahuan Allah tentang orang yang (menggunakan kekuatan handalnya itu untuk) menegak dan mempertahankan agama Allah serta menolong Rasul-rasulNya, padahal balasan baiknya tidak kelihatan (kepadanya); sesungguhnya Allah Maha Kuat, lagi Maha Kuasa.

Al-Hadiid 57:25

PENDAHULUAN

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) sentiasa bersedia menyantuni ummah melalui aktiviti-aktiviti penyelidikan dan inovasi yang berimpak besar.

Pelbagai aktiviti penyelidikan dilaksanakan warga USIM dengan berpaksikan lima tonggak Maqasid Syariah (memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta) bagi memacu kelestarian ummah. Pada 2019, pelbagai kecemerlangan dicatatkan oleh USIM dalam penyelidikan, inovasi dan penerbitan yang berteraskan Ilmu Naqli dan Aqli (INAQ).

PERKEMBANGAN PENYELIDIKAN

International Fatwa And Halal Centre (iFFAH)

Penggabungan IHRAM dan INFAD sebagai iFFAH dilaksanakan untuk memacu sinergi kecemerlangan dan kemampanan kesarjanaan fatwa dan halal di persada dunia. Penyambungan semula akreditasi ISO17025:2017 yang diperoleh makmal IHRAM dari Jabatan Standards Malaysia dari 5 Ogos 2019 sehingga 20 Julai 2022 merupakan komitmen yang ditunjukkan iFFAH dalam bidang penyelidikan. Justeru itu, beberapa penerbitan artikel berstatus *Scopus* berjaya dihasilkan iFFAH pada tahun 2019 seperti yang dirumuskan:

Prof. Madya Dr. Mohd Sukri Hassan

1. *Chemometric match to evaluate fatty acids degradation of animal and plant fats after heating treatment by principal component research (PCR).*
2. *Chemometric research of minerals and trace elements in selected malaysian local fruits using inductively coupled plasma optical emission spectroscopy (ICP-OES).*
3. *Assessment of minerals in phoenix dactylifera l. As determined by inductively coupled plasma optical emission spectrometry using ANOVA and PCA.*
4. *Effect of phytochemicals in phoenix Dactylifera L. On human body using LC-QTOF-MS.*

Dr. Sharma Rao A/L Balakrishnan

1. *Gold-nanorod enhances dielectric voltammetry detection of c-reactive protein: A predictive strategy for cardiac failure.*

Dr. Khairun Nain Nor Aripin

1. *The Effect of Kelulut Honey on Fasting Blood Glucose and Metabolic Parameters in Patients with Impaired Fasting Glucose.*

Prof. Madya Dr. Waidah Ismail

1. *Horn clause techniques in rehabilitation clinic for return to work.*
2. *A Conceptual Model of Hybrid Monitoring Rehabilitation Progress of Stroke Patients: A Case Study of a Public Tertiary Hospital in Malaysia.*
3. *Exploring barriers that affect telerehabilitation readiness: A case study of rehabilitation centre in Malaysia.*
4. *Deep convolutional neural network designed for age assessment based on orthopantomography data.*
5. *Analysis of the readiness for healthcare personnel adopting telerehabilitation: An interpretive structural modelling (ISM) approach*

Dr. Hanis Nadia Yahya

1. *Changes in bacterial loads, gas composition, volatile organic compounds, and glucosinolates of fresh bagged Ready-To-Eat rocket under different shelf life treatment scenarios*

Selain itu, iFFAH juga mendekati komuniti melalui program Halal@School di mana program ini berjaya menerima pingat Perak dalam pertandingan International Conference and Exposition on Inventions by Institutions of Higher Learning, PECIPTA 2019. Halal@School adalah sebuah program berbentuk tanggungjawab sosial korporat melalui kerjasama dengan Nestle (M) Berhad yang memberi penekanan kepada penyebaran dan pengetahuan tentang konsep halal terutama di peringkat sekolah rendah. Ia bertujuan memberi kesedaran melalui konsep gamifikasi yang dikenali sebagai Halal Explorace. Enam buah sekolah sekitar USIM disantuni sepanjang tahun 2019 melalui program Halal@School ini.

Sek. Keb. Bandar Seri Putra, Bangi
20 Februari | 200 Murid sekolah

Sek. Keb. Rinching Hilir, Kajang
18 April | 200 Murid sekolah

Sek. Keb. Dato' Ahmad Manaf, Nilai
3 Julai | 163 Murid sekolah

SK Desa Jasmin, Nilai
13 September | 198 Murid sekolah

SK Desa Cempaka, Nilai
23 September | 140 Murid sekolah

Sek. Keb. Chembong, Rembau
6 November | 414 Murid sekolah

Sekolah-sekolah sekitar USIM yang disantuni iFFAH sepanjang tahun 2019 melalui program Halal@School

Program Halal@School ini juga telah diperluaskan ke peringkat sekolah menengah dengan nama Halal@ District. Ia telah diadakan di Kolej Vokasional Sepang dengan kerjasama dari syarikat Mamee Double-Decker Sdn Bhd. pada 10 April 2019 yang disertai oleh 80 pelajar.

Seterusnya, iFFAH berjaya memperoleh geran Kebolehpasaran Graduan (GE) berjumlah RM530,545.00 melalui Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di bawah Program Kebolehpasaran Graduan 1.0 USIM, untuk program Halal Shariah Executive Program (HaShEP). Program ini dijalankan di USIM dari 8 hingga 27 Julai 2019 dengan penglibatan peserta seramai 66 orang, di UMK dari 14 hingga 31 Julai 2019 dengan penglibatan seramai 58 orang, di UMT dari 14 Julai hingga 1 Ogos 2019 dengan peserta seramai 113 orang, di UUM dari 14 hingga 27 Julai 2019 dengan peserta seramai 50 orang dan di UMS dari 25 September hingga 10 Oktober 2019 dengan peserta seramai 62 orang.

Al-Jazari Innovation Digital Hub

Sebuah makmal penyelidikan khas yang diberi nama AI Digital Innovation Hub (AIDI-Hub) bakal dibangunkan di bawah Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (PPPI) untuk menyokong penyelidikan bertemakan kecerdasan buatan atau Artificial Intelligence (AI). Makmal AIDI-Hub bakal menjadi sebuah pengurusan perisian berpusat bagi semua aktiviti-aktiviti penyelidikan berkaitan AI di USIM. Antara kursus-kursus yang ditawarkan melalui Al-Jazari AIDI-Hub ialah:

i. Professional Drone Pilot Industry Training
ii. PHP and MySQL Industry Training
iii. Certified Blockchain Architect Industry Training
iv. Certified Cyber Security InfoSec Analysis Industry Training

Research Leadership Laboratory (SDG, Industry 4.0 and Baraqah Agenda: Connecting The DOTS)

Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (PPPI) mewujudkan kumpulan Research Leadership Laboratory (RLL) yang terdiri daripada USIM Top 100 Researchers. Penubuhan kumpulan RLL adalah bagi mewujudkan mekanisma pembudayaan kepimpinan di dalam penyelidikan serta berkongsi memperkasakan pembudayaan penyelidikan dan inovasi dalam kalangan para kakitangan akademik di USIM. Pada 23 hingga 24 April 2019 kumpulan penyelidik RLL berkumpul dalam sesi sumbangsaran berkaitan pengukuhan ekosistem penyelidikan dan inovasi, 4th IR, serta perancangan penyelidikan dan inovasi di RLL pada tahun 2019.

Inisiatif Galakan Penyelidikan dan Penerbitan Berimpak

Kumpulan penyelidik USIM terus diperkasakan melalui latihan galakan penyelidikan dan penerbitan memfokuskan kepada bidang-bidang berikut:

i. Taklimat geran KPM

ii. Bengkel Permohonan Proposal Penyelidikan

iii. Bengkel Latihan Penilaian Proposal Penyelidikan

iv. Systematic Review and MetaAnalysis Workshop

v. Sharing Session on Impact Research on Innovation

vi. The Art of Writing Publishable Manuscript and Beyond

vii. Bengkel Pengurusan Geran

PENCAPAIAN PENYELIDIKAN

Pencapaian penyelidikan dan inovasi di USIM dapat dilihat melalui penjanaan jumlah geran penyelidikan sepanjang tahun 2019.

Geran Penyelidikan

Pada 2019, penyelidik-penyelidik USIM menerima sejumlah geran bernilai RM8,238,822.00 melalui 170 projek penyelidikan. Ia melihatkan peningkatan sebanyak 82.82% berbanding tahun 2018 (RM4,506,551.26). Jumlah geran yang diperolehi dari aliran Sains adalah sebanyak RM3,104,095.00 dan geran yang diperolehi daripada aliran Sains Sosial dan Sastera adalah sebanyak RM5,134,727.00.

Jadual di bawah menunjukkan jumlah bilangan projek dan nilai keseluruhan mengikut kategori-kategori geran pada 2019. 142 projek penyelidikan yang berjumlah RM6,788,672.00 terdiri daripada geran kerajaan (72 projek), geran universiti (71 projek), geran swasta (22 projek) dan geran antarabangsa (5 projek). Sebanyak RM5,412,840.00 dana daripada pembiaya geran kerajaan, RM1,556,728.00 pembiaya geran universiti, RM1,085,300.00 pembiaya geran swasta dan RM183,954.00 pembiaya geran antarabangsa.

RM 5,412,840.00
Geran Kerajaan
Bilangan Projek: 72

RM 1,556,728.00
Geran Universiti
Bilangan Projek: 71

RM 1,085,300.00
Geran Swasta
Bilangan Projek: 22

RM 183,954.00
Geran Antarabangsa
Bilangan Projek: 5

Jumlah
RM 8,238,822.00
Bilangan Projek: 170

Rajah 4.1 : Bilangan dan nilai keseluruhan projek mengikut kategori geran

MyRA dan MyMoheS

Pada 2019, USIM buat julung kalinya mencatatkan penarafan 4 bintang dengan peratusan sebanyak 64.02% bagi penilaian Malaysia Research Assessment Instrument (MyRA) iaitu peningkatan sebanyak 2.07% berbanding tahun 2018 (61.95%).

Untuk penilaian MyMoheS, pada tahun 2019 USIM mendapat penarafan lima bintang dengan peratusan 98.93%.



Rajah 4.2 : Penarafan MyRA dan MyMoheS tahun 2019

Penyelidik-penyelidik USIM turut mencatatkan kejayaan melalui pertandingan inovasi dan penyelidikan seperti International Invention, Innovation and Technology Exhibition (ITEX), International Conference and Exposition on Inventions by Institutions of Higher Learning (PECIPTA) and Novel Research dan Innovation Competition (NRIC).

KEUNGGULAN INOVASI (PERTANDINGAN INOVASI DAN PENYELIDIKAN)

International Invention, Innovation and Technology Exhibition (ITEX)

USIM berjaya menggondol tiga pingat emas dan tiga pingat perak dalam ITEX 2019 bertempat di Kuala Lumpur Convention Centre pada 2 hingga 4 Mei 2019.

Salah satu pingat emas diperolehi oleh produk gamifikasi Global Halal Game (GHG) yang diketuai oleh Prof. Madya Dr. Azman Ab Rahman dari Fakulti Syariah Undang-undang. GHG merupakan produk inovasi baharu yang berkonsepkan gamifikasi islamik papan permainan untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman masyarakat berkaitan halal dari seawal usia kanak-kanak.

Emas

Gamification of Global Halal Game (GHG)
Prof. Madya Dr. Azman Ab Rahman
Ketua Penyelidik

Elev8thor- Modular Lower Limb Elevation System
Dr. Asha'ari Bain
Ketua Penyelidik

FaST LaB: Science Educational Kit
Dr. Muhammad Zamir Othman
Ketua Penyelidik

Perak

Ezcybercrime Detection and Response Mobile Apps Prototype for Smartphone
Prof. Madya Dr. Madihah Mohd Saudi
Ketua Penyelidik

Model Kerjaya AADK dalam Kalangan Pelatih AADK
Dr. Amin Al Haadi Shafie
Ketua Penyelidik

Visual Impairment Tactile Audio Book (V.i.T.A.B) Solat
Mohd Nur Adzam Rasdi
Ketua Penyelidik

Rajah 4.3 : Pencapaian Produk USIM dalam ITEX 2019

Pingat emas turut diperoleh oleh produk Elev8thor-Modular Lower Limb Elevation System yang diketuai oleh Dr. Asha'ari Bain daripada Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan. Elev8thor berfungsi sebagai alat sokongan yang memudahkan kerja-kerja rawatan dilakukan, tetapi boleh meringankan bebanan tugas jururawat ketika memberikan rawatan kepada pesakit. Produk FaST LaB: Science Educational Kit yang diketuai oleh Dr. Muhammad Zamir Othman dari Fakulti Sains dan Teknologi turut mencatatkan pingat emas. Produk inovasi dari FaST LaB ini direka untuk memberi pendedahan Sains kepada kanak-kanak pada usia muda di samping menarik minat mereka terhadap Sains selain menjalani pembelajaran dalam suasana seronok dan interaktif.

Pingat perak diperolehi oleh produk Ezcybercrime Detection and Response Mobile Apps Prototype for Smartphone yang diketuai pensyarah Fakulti Sains dan Teknologi, Prof. Madya Ts Dr. Madihah Mohd Saudi, Model Kerjaya AADK dalam Kalangan Pelatih AADK yang diterajui oleh Dr. Amin Al Haadi Shafie daripada Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, dan Visual Impairment Tactile Audio Book (V.i.T.A.B) Solat yang diketuai oleh pensyarah Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Mohd Nur Adzam Rasdi.

Persidangan dan Ekspo Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa (PECIPTA)

Penyertaan USIM dalam PECIPTA'19 menyaksikan USIM mencatat enam pingat emas, enam pingat perak dan dua Anugerah Khas. Lebih 400 produk penyelidikan dan inovasi dari Universiti Awam dan Swasta, industri, agensi kerajaan dan swasta dipertandingkan pada PECIPTA'19.

Dua anugerah khas yang juga mendapat emas diperoleh oleh produk NAISSE: One Stop Integrated Repository Cross Lingual Semantic Information Retreival on Prophetic Food yang diketuai Profesor Dr. Norita Md Norwawi melalui kategori Top Winner Fundamental dan produk gamifikasi Global Halal Game (GHG) yang diketuai Prof Madya Dr. Azman Ab. Rahman bagi kategori Top Winner Innovation.

Empat produk lain yang memenangi emas ialah FaST LaB: Science Educational Kit, MyHalal2u: Halal Certification Simulation Game 2.0, Visual L Impairment Tactile Audio Book (V.i.T.A.B) Solat dan juga Model Terapi Kerjaya AADK dalam kalangan Pelatih AADK.

Manakala enam produk USIM yang memenangi pingat perak ialah eZCyberCrime Detection and Response Mobile Apps for Smartphone (eZCyberCrime), Natural Disaster Reporting and Early Warning System Apps, Halal@school, Intelligence Rehabilition, The Flicker: Secure Free Space Optics Communication for Naval dan Elev8thor: Modular Limb Elevation System.

Produk	Pencapaian
Gamification of Global Halal Game (GHG)	Emas & Anugerah Khas *Top Winner Innovation*
NAISSE: One Stop Integrated Repository Cross Lingual Semantic Information Retreival on Prophetic Food	Emas & Anugerah Khas *Top Winner Fundamental*
FaST LaB: Science Educational Kit	Emas
MyHalal2u: Halal Certification Simulation Game 2.0	Emas
Visual Impairment Tactile Audio Book (V.i.T.A.B) Solat	Emas
Model Kerjaya AADK dalam Kalangan Pelatih AADK	Emas
Elev8thor- Modular Lower Limb Elevation System	Perak
Ezcybercrime Detection and Response Mobile Apps Prototype for Smartphone	Perak
Natural Disaster Reporting and Early Warning System Apps	Perak
Halal@school	Perak
Intelligence Rehabilition	Perak
The Flicker: Secure Free Space Optics Communication for Naval	Perak

Jadual 4.1 : Pencapaian Produk USIM di PECIPTA 2019

Novel Research and Innovation Competition (NRIC)

Penyertaan dalam NRIC menyaksikan USIM berjaya menggondol satu pingat emas dan tiga pingat gangsa. Pingat emas dan anugerah inovasi diperoleh pelajar-pelajar Fakulti Sains dan Teknologi (FST), USIM melalui produk The Flicker: Instant Secure Communication System yang diselia oleh Dr Azuan Ahmad. The Flicker adalah satu produk inovasi bagi sistem penghantaran data menggunakan komunikasi tanpa wayar sebagai medium komunikasi antara kapal berbanding teknologi terdahulu hanya bergantung kepada radio frekuensi dan kod morse yang dihantar melalui lampu sorot.

Tiga pingat gangsa diperoleh melalui FaST LaB: Forensic Sciences Kit dan A Green Method for Extracting High-Value Biopolymers from Malaysian Agriculture Wastes using a Low-Cost Ionic Liquid oleh pelajar-pelajar dari FST dan produk Qalam Khat daripada Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU).

International University Carnival on e-Learning (IUCEL) 2019

Penyertaan FST dalam International University Carnival on e-Learning IUCEL 2019 berjaya membawa pulang satu pingat emas dan tiga pingat gangsa. Pingat emas dirangkul oleh Prof. Madya Dr Najwa Hayaati Mohd Alwi melalui penyelidikan bertajuk MYSOLAT - Interactive T&L Tool. Pingat gangsa pula diperoleh oleh Prof. Madya Dr Sakinah Ali Pitchay (MOBAS: Mobile Barcode Scanner Based Attendance System for Education 4.0), Dr Farida Hazwani Mohd Ridzuan (Dashboard Monitoring System (DMS) for Postgraduate Study) dan Prof. Madya Dr Azni Haslizan Bt Ab Halim (Attendance System for Teaching and Learning).

Kolej GENIUS Insan (KGI) Catat Kejayaan Membanggakan

"Penyertaan KGI dalam Malaysian Earth Science Olympiad (MYESO) peringkat kebangsaan pada 19 Oktober 2019 berjaya merangkul dua pingat emas, empat pingat perak dan dua pingat gangsa. Pingat emas diperolehi oleh Anas Khairi Bin Muhamad Khairudin (Kategori Asas 1 – 13 Tahun) dan Izzminhal Akmal Bin Norhisyam (Kategori Asas 3 – 15 Tahun).

Selain itu, penyertaan KGI di Malacca International Intellectual Exposition (MIIEx) 2019 menyaksikan kejayaan membawa pulang satu pingat emas melalui tajuk penyelidikan Hygienic Travel Soap from Dabai Fruits Oil dan dua pingat gangsa melalui "Introducing low cost waste materials as electromagnetic wave absorber at GHZ frequency Range" dan "Flexible Patch Antenna Sensor for Prayer Movement Detection".

Kejayaan turut dicatat melalui penyertaan di International Competition and Exhibition on Computing Innovation 2019 yang berlangsung di Universiti Malaysia Pahang (UMP). Melalui tajuk penyelidikan "3D Holographic Display for Augmented Reality: A Practical Approach for Interactive Learning in Physics", pingat emas turut berjaya diperolehi penyelidik-penyelidik dan pelajar-pelajar KGI yang diselia Dr. Siti Munirah Mohd.

PENYELIDIKAN BERIMPAK BERTARAF GLOBAL

Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina (FKAB) dengan kerjasama National of Architecture FEZ University, Morocco berjaya dipilih sebagai finalis peringkat antarabangsa dalam Pertandingan Solar Decathalon Afrika di Marakesh, Morocco pada 3 September hingga 27 September 2019. Ia turut memenangi tempat kedua kategori Energy Balance and Comfort Condition. Seramai tiga orang pelajar dan dua orang pensyarah FKAB terlibat secara langsung dalam menyiapkan rumah solar terbabit.

PENGANJURAN SEMINAR DAN PERSIDANGAN

Terdapat 22 persidangan yang dianjurkan USIM pada tahun 2019 melibatkan 11 persidangan tempatan dan 11 persidangan antarabangsa. Ia turut melibatkan penganjuran seminar dan persidangan bersama universiti luar negara seperti International University of Renewal (Turki), Universiti Islam Bandung dan Universiti Islam Negeri Syarif Hidayatullah (Indonesia).

Nama Persidangan	Tarikh	Penganjur
Persidangan Industri Warga Emas Kebangsaan: Menuju Pengurusan Patuh Syariah	15 - 16 Mac	FSU bersama Pusat Jagaan dan Pendidikan Warga Emas Darul Insyirah
Muslim In Creative Media Industries Conference (MiCMI Conference 2019)	24 April	Muslim In Creative Media Industries Conference (MiCMI) Research Group, FKP
Seminar Consummate Oral Medicine Knowledge "Sleep in Dentistry & Current Controversies in Temporomandibular Dysfuncion (TMD)	27 Julai	FPg
Persidangan Penterjemahan Antarabangsa Kali Ke-17	20 - 22 Ogos	FPBU, USIM dengan kerjasama Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM), Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Kota Buku
International Conference on CyberSecurity 2019 (ICoC2019)	25 - 26 September	CyberSecurity and System Research Unit (CSS), ISI
Seminar Kebangsaan Solusi Hadhanah Mahkamah Syariah (MUQARRAR '2019)	26 September	FSU dan Persatuan Peguam Syarie Malaysia (PGSM)
2nd International Conference on Islam, Media and Comunication (ICIMaC 2019)	8 - 9 Oktober	Program Komunikasi dan Media Baharu, FKP dan International University of Renewal, Istanbul, Turki

Nama Persidangan	Tarikh	Penganjur
Seminar Wahyu Asas Tamadun (SWAT) Peringkat Antarabangsa Kali Ke-6	8 - 9 Oktober	FPQS dengan kerjasama JAKIM, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan
Seminar Kebangsaan Pengajian Akidah dan Agama kali ke-9 (SIGMA 9)	9 Oktober	Program Pengajian Akidah dan Agama, FKP
International Language And Education Conference 2019	9 - 10 Oktober	FPBU
USIM 7th National Health Seminar	17 Oktober	FPSK
2nd Bandung Annual International Conference (BAIC) 2019, 2nd Scientific and Technology Research Symposium (SiRes), 2nd Social and Humanities Research Symposium (SoRes) & 2nd Medicine and Global Health Research Symposium (MoRes)	22 - 23 Oktober	FKP dan Universiti Islam Bandung (UNISBA)
Seminar Marital and Sexuality Counseling (MASEC 2019)	22 - 23 Oktober	FKP, USIM & LPPKN
The 8th International Islamic Economic System Conference 2019 (i-iECONS 2019)	23 - 24 Oktober	FEM
Seminar Medical Emergencies in Dental Setting: Prepare for the Unexpected	2 - 3 November	Jabatan Pembedahan, Perubatan dan Patologi Mulut & Maksilofasial, FPg
The 3rd International Conference on Law and Justice 2019 (ICLJ 2019)	5 - 6 November	Universiti Malaya, FSU, Universiti Islam Negeri Syarif Hidayatullah, Jakarta
Kolokium Siswazah Sains dan Teknologi 2019 (KoSIST 2019)	6 November	FST
Kolokium Sains Islam 2019	14 November	ISI, USIM dan Kluster/Unit/ Pusat Penyelidikan USIM
International Conference on Da'wah and Islamic Management 2019 (IC-DAIM2019)	20 - 21 November	Program Dakwah dan Pengurusan Islam, FKP
2nd International Postgraduate & Academic Conference on Shariah Law (INPAC 2019)	20 - 21 November	FSU
Seminar Pengajian Quran dan Qiraat (SEPIQ) 2019 Peringkat Antarabangsa Kali Ke-2	23 - 29 November	FPQS dengan kerjasama Geran Penyelidikan FRGS dan Dewan Perwakilan Mahasiswa Maahad Qiraat Shoubra, Mesir
Seminar Manuskrip Melayu Islam Nusantara Kali Ke-2 (2019)	12 - 13 Disember	FPQS dan Madrasah Ahmadiah

Jadual 4.2 : Senarai Penganjuran Persidangan tahun 2019

JARINGAN KERJASAMA (MOA/MOU)

Pada Tahun 2019 jalinan kerjasama strategik USIM bersama pemegang taruh dari dalam dan luar negara diperkukuhkan lagi melalui jalinan *Memorandum of Understanding* (MoU), *Memorandum of Agreement* (MoA) dan *Letter of Intent* (LoI).

Dua MoA Antarabangsa, lapan MoA tempatan, 16 MoU Antarabangsa, 19 MoU tempatan dan 18 LoI Antarabangsa ditandangani oleh USIM seperti Rajah 4.4 di bawah.

Pada tahun 2019 USIM menjalinkan kerjasama dengan lebih sepuluh institusi pengajian tinggi serantau seperti Indonesia, Filipina, Thailand dan Brunei dan juga negara-negara lain seperti Bangladesh, United Arab Emirate, United States, Uzbekistan, Maldives dan Turki.

2 MoA Antarabangsa

8 MoA Tempatan

16 MoU Antarabangsa

19 MoU Tempatan

18 LoI Antarabangsa

Rajah 4.4 : Bilangan Jalinan Kerjasama Strategik tahun 2019

Bil	Organisasi	Negara
1	Institut Agama Islam Cipasung	Indonesia
2	Universitas Islam Nadhlatul Ulama (UNISNU) Jepara, Indonesia	Indonesia
3	Sekolah Tinggi Ekonomi Islam Sebi (STEI SEBI)	Indonesia
4	Meac University Services, Abu Dhabi	United Arab Emirates
5	Lembaga Pendidikan Islam Al-Muttaqin Tasikmalaya	Indonesia
6	SMA Al Muttaqin Fullday School	Indonesia
7	Binoria University International Karachi	Pakistan
8	Universitas Muhammadiyah Surabaya	Indonesia
9	Tazkia International Islamic Boarding School	Indonesia
10	Universitas Pembangunan Nasional "Veteran" Jakarta	Indonesia
11	Yayasan Pondok Pesantren Al-Fattah Sidoarjo	Indonesia
12	SMA AR Rohmah Putri Malang	Indonesia
13	SMA AR Rohmah Putra Malang	Indonesia
14	SMA Muhammadiyah 10 Surabaya	Indonesia
15	SMAN 1 Babadan Ponorogo	Indonesia
16	Syabab Hidayatullah Jakarta	Indonesia
17	Pesantren Mahasiswa Dai Jakarta	Indonesia
18	Abvard Educare Jakarta	Indonesia

Jadual 4.3 : Senarai LoI Antarabangsa Aktif tahun 2019

Bil	Organisasi	Negara
1	Universitas Widyatama, Indonesia	Indonesia
2	University of Sharjah	United Arab Emirates
3	Urgench State University	Uzbekistan
4	Karabuk University	Turkey
5	Jamiatul Philippine Al-Islamia	Philippines
6	Universitas Negeri Semarang	Indonesia
7	Universitas Muhammadiyah Makassar	Indonesia
8	Universitas Jenderal Soedirman	Indonesia
9	Grand Ta'lim Olam	Uzbekistan
10	Sekolah Tinggi Ekonomi Syariah Islamic Village	Indonesia
11	University Of Sciences & Technology Chittagong Bangladesh	Bangladesh
12	Center For Islam In The Contemporary World	United States
13	Fatoni University	Thailand
14	Kolej Perguruan Ugama Seri Begawan Brunei	Brunei Darussalam
15	Lembaga Pengembangan Pendidikan Nusa Tenggara Barat	Indonesia
16	Universiti Islam Sultan Sharif Ali	Brunei Darussalam
17	Malaysian Association Of Company Secretaries	Malaysia
18	Agensi Kauseling Dan Pengurusan Kredit	Malaysia
19	Malaysian Relief Agency	Malaysia
20	Maahad Tahfiz Al Quran Lil Muttaqin	Malaysia
21	Q Stem A Venture	Malaysia
22	Greenworld Bamboo Sdn Bhd	Malaysia
23	Kumpulan Summit Hotels & Resorts Sdn Bhd	Malaysia
24	Rumahngaji Negeri Sembilan	Malaysia
25	Aq Wise Sdn Bhd	Malaysia
26	Kl Braille Resources	Malaysia
27	Pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti Nilai	Malaysia
28	Persatuan Insan Istimewa Jempol	Malaysia
29	Pahlawan Mikroproses Sdn Bhd	Malaysia
30	Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra	Malaysia
31	Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur	Malaysia
32	Malaysian Substance Abuse Council	Malaysia
33	Techcapital Matrix Sdn Bhd	Malaysia
34	The Malaysian Institute Of Chartered Secretaries And Administrators	Malaysia
35	Masjid Dato' Klana Petra Undang Luak Sungai Ujong	Malaysia

Jadual 4.4 : Senarai MoU dalam Negara dan Antarabangsa Aktif tahun 2019

Bil	Organisasi	Negara
1	Universiti Islam Sultan Sharif Ali	Brunei Darussalam
2	South Asian Institute For Islamic Finance	Maldives
3	Universiti Pertahanan Nasional Malaysia	Malaysia
4	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia	Malaysia
5	Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang	Malaysia
6	Nilai University	Malaysia
7	Kiplepay Sdn Bhd	Malaysia
8	Nestle (M) Berhad	Malaysia
9	Universiti Sains Malaysia	Malaysia
10	Islamic Banking And Finance Institute Malaysia	Malaysia

Jadual 4.5 : Senarai MoA dalam Negara dan Antarabangsa Aktif tahun 2019

USIM dan KURSI UNESCO bagi projek Knowledge for Change (K4C)

USIM menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Lembaga Perbadanan Kampong Bharu atau Malay Agricultural Settlement (M.A.S) dan Majlis Belia Malaysia (MBM) bagi menjayakan projek Knowledge for Change (K4C).

Projek K4C adalah sebuah konsortium antarabangsa untuk Penyelidikan Berasaskan Komuniti (*Community based Research*) bertujuan untuk membangunkan kapasiti sesebuah institusi dan masyarakat menerusi Program Latihan Mentor (MTP) dan aktiviti penyelidikan bersama komuniti.

Objektif utama K4C adalah untuk memastikan masyarakat bijak dan mahir dalam kurikulum pembelajaran yang dibentuk melalui projek penyelidikan melibatkan peningkatan pengetahuan kepada masyarakat, membasmi kemiskinan, mengurangkan ketidaksamaan sosial dan ekonomi dan sekaligus menggalakkan kemakmuran dan kesejahteraan semua.

Perkongsian kepakaran industri bersama Summit Hotels & Resort Kuala Lumpur

USIM dan Summit Hotels & Resort Kuala Lumpur menandatangani MoU bagi memperkukuhkan kerjasama dalam bidang perhotelan. Pihak Summit Hotel bersedia memberi tunjuk ajar dan membuat perkongsian kepakaran industri berkenaan perhotelan dengan USIM. Pihak Summit Hotel juga bercadang menerima sangkutan industri *(attachment)* untuk pensyarah di semua rangkaian Summit Hotel dan juga USIM boleh mengadakan kursus jangka pendek kepada kakitangan Summit Hotel. Selain itu, Summit Hotel juga akan memberikan pulangan sebanyak 5% dari hasil jualan atau pendapatan bersih kepada USIM untuk diwakafkan. Justeru itu, pihak USIM bercadang untuk menggunakan kemudahan di semua rangkaian Summit Hotels & Resort dengan tawaran harga dan kadar diskaun yang ditetapkan sepanjang tahun dan akan menjadikan keutamaan dalam tempahan di USIM.

USIM dan Masjid Dato' Klana Petra Nilai (MDKPPN) sebagai pusat sehenti komuniti

USIM dengan Masjid Dato' Klana Petra Nilai (MDKPPN) menandatangani MoU bagi menjayakan usaha kedua-dua pihak mendekati masyarakat setempat secara bersama. Kedua-dua pihak bersetuju untuk menyantuni golongan asnaf dan kurang berkemampuan dengan melancarkan Souq Hurrah, iaitu inisiatif menjadikan USIM dan MDKPPN sebagai one-stop centre atau pusat sehenti bagi komuniti setempat mendapatkan bantuan makanan asas. Pelajar USIM juga berpeluang terlibat sebagai sukarelawan Masjid dalam menyampaikan bantuan asnaf di MDKPPN dan dalam masa yang sama MDKPPN menyediakan penempatan bagi latihan industri untuk pelajar-pelajar USIM. Selain itu, staf dan pelajar USIM boleh menyumbang kepakaran untuk program akademik di MDKPPN melalui penyelarasan bersama Pusat Islam USIM. Kedua-dua pihak juga bersetuju untuk berjasama dalam penganjuran seminar, kursus dan program kemasyarakatan yang lain.

PERUNDINGAN

USIM mencatatkan tujuh projek perundingan bernilai RM334,177.08 pada tahun 2019 seperti dalam Jadual 4.6. Di antara khidmat perundingan yang memberi impak kepada masyarakat adalah seperti Sijil Pembimbing Ibadah Haji (SPIH) 2019 Kali Ke-10, Kajian Hukum Isu Perkuburan Lama Di Atas Tanah Yang Tidak Didaftarkan Sebagai Tanah Wakaf Di Pulau Pinang dan Mukhannath Menurut Fiqh dan Perubatan Serta Kaitannya Dengan Transgender.

SPIH 2019 Kali Ke-10 merupakan khidmat kerja perundingan yang ditawarkan oleh kumpulan perunding kepada kakitangan Lembaga Tabung Haji yang meliputi modul berkaitan tenaga pengajar di dalam membimbing peserta ibadah haji. Projek yang diterajui oleh Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan USIM ini dijalankan bermula 23 sehingga 28 Mac 2019 dan melibatkan kos perundingan bernilai RM144,000.00.

Kajian Hukum Isu Perkuburan Lama Di Atas Tanah Yang Tidak Didaftarkan Sebagai Tanah Wakaf Di Pulau Pinang pula merupakan khidmat kerja perundingan untuk mengkaji perkuburan lama yang dibuat di atas tanah yang bukan merupakan tanah wakaf. Khidmat perundingan yang diketuai Profesor Madya Dr. Irwan Mohd Subri dari Fakulti Syariah dan Undang-Undang USIM berlangsung dari 1 Februari sehingga 31 Julai 2019 dengan kerjasama Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang dan melibatkan kos perundingan bernilai RM29,720.00.

Manakala, “Mukhannath Menurut Fiqh dan Perubatan Serta Kaitannya Dengan Transgender” merupakan khidmat kerja perundingan yang ditawarkan kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Projek bersama JAKIM yang diketuai Dr. Mohd Nasir Abdul Majid dari Fakulti Syariah dan Undang-Undang USIM ini dijalankan dari 19 Februari sehingga 19 Oktober 2019 dan melibatkan kos perundingan bernilai RM44,817.08. Ia berfokus kepada penyelesaian permasalahan mukhannath, iaitu ketidakpastian jantina, sama ada lelaki atau perempuan untuk diselesaikan menurut pandangan fiqh dan juga teknologi serta ilmu perubatan kini.

Bil	Tajuk Projek	Organisasi	Tarikh Mula	Tarikh Siap	Kos Projek (RM)
1	Sijil Pembimbing Ibadah Haji (SPIH) 2019 Kali Ke-10	Lembaga Tabung Haji	23 Mac 2019	28 Mac 2019	144,000.00
2	Kajian Hukum Isu Perkuburan Lama Di Atas Tanah Yang Tidak Didaftarkan Sebagai Tanah Wakaf Di Pulau Pinang	Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang	01 Februari 2019	31 Julai 2019	29,720.00
3	Pematuhan Fatwa Oleh Masyarakat Muslim Di Pulau Pinang : Satu Kajian Rintis	Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang	01 Februari 2019	31 Julai 2019	12,000.00
4	Kajian Terhadap Istihalah Dalam Low Molecular Weight Heparin (LMWH)	SANOFI-AVENTIS (MALAYSIA) SDN. BHD	Januari 2019	Jun 2019	68,040.00
5	Mukhannath Menurut Fiqh dan Perubatan Serta Kaitannya Dengan Transgender	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)	Februari 2019	Oktober 2019	44,817.08
6	Perkhidmatan Kerja Lapangan dan Data Entry, Soal selidik Kajian Pasca Indeks Kesejahteraan Keluarga (IKK) Bagi Komuniti, Program Pemerkasaan Keluarga dan Komuniti (FACE) Untuk Komuniti Taman PD Utama Daerah Port Dickson, Negeri Sembilan	Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)	05 Oktober 2019	06 Oktober 2019	17,800.00
7	Perkhidmatan Kerja Lapangan dan Data Entry, Soal selidik Kajian Pasca Indeks Kesejahteraan Keluarga (IKK) Bagi Komuniti, Program Pemerkasaan Keluarga dan Komuniti (FACE) Untuk Komuniti Kampung Pasir Rasah, Negeri Sembilan	Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)	12 Oktober 2019	13 Oktober 2019	17,800.00

Jadual 4.6 : Senarai Perundingan Tahun 2019

LAPORAN HARTA INTELEK

NAISSE

Pendaftaran Cap Dagangan logo produk NAISSE (Naqli Aqli Integrated Semantic Search Engine) yang telah dilindungi dibawah kelas 9, kelas 41 dan kelas 42. Produk di bawah NAISSE ini telah memperolehi pingat emas di dalam PECIPTA 2019 dengan memperolehi pingat Emas.

FaST LaB: Science Educational Kit

Produk FaST LaB: Science Educational Kit yang telah didaftarkan Hakcipta dan juga Cap Dagangan turut sama memenangi pingat Emas di dalam PECIPTA 2019. Produk ini juga turut memenangi pingat Emas di dalam ITEX 2019.

Pusat kebudayaan USIM

Pusat kebudayaan USIM juga telah memfailkan tiga logo berkaitan perkhidmatan yang ditawarkan oleh pusat tersebut yang diberi nama Leads TV, Kedaibudaya.com dan Peneraju Seni Budaya.

Rajah 4.5 : Hasil Pemfailan Harta Intelek 2019

Sebanyak 53 jenis harta intelek iaitu lima *Trademark* dan 48 *Copyright – Voluntary Notification* didaftarkan pada tahun 2019 oleh pihak Pusat Libatsama Masyarakat dan Jaringan Industri (PLiMJI). Ia menyaksikan peningkatan sebanyak 47.22% berbanding tahun 2018 (36 jenis harta intelek).

Tahun 2019 menyaksikan jalinan kerjasama antarabangsa USIM semakin berkembang apabila lebih sepuluh institusi antarabangsa berjaya ditembusi USIM bagi menjalinkan kerjasama bermula dengan negara serantau Indonesia sehingga ke Filipina, Thailand, Brunei, Bangladesh, Emiriah Arab Bersatu, Amerika Syarikat, Uzbekistan, Maldives dan Turki.

Bil	Nama Pencipta	Nama Produk	Jenis Produk	Fakulti	Nombor MyIPO	Tarikh Pemfailan
1	Dr. Mohamad Isa Bin Amat	Modul Latihan 7 Langkah Kepulihan (Manual Book)	*Copyright - Voluntary Notification*	Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan	LY2019001703	04/04/2019
2	Dr. Mohamad Isa Bin Amat	Modul Latihan 7 Langkah Kepulihan (My Logbook)	*Copyright - Voluntary Notification*	Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan	LY2019001704	04/04/2019
3	Dr. Rezki Perdani Sawai	Muslims Spiritual Quotient Inventori (Msqi)	*Copyright - Voluntary Notification*	Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan	LY2019001705 CRLY00015362	04/04/2019
4	Prof. Madya Datin Dr. Sapora Binti Sipon	'Informer On Site' Mobile Application And Web Application	*Copyright - Voluntary Notification*	Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan	LY2019001706 CRLY00015361	04/04/2019
5	Prof. Madya Dr. Mahazan Bin Abdul Mutalib@ Taib	Cerita Pribumi	*Copyright - Voluntary Notification*	Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan	LY2019001707	04/04/2019
6	Dr. Aspalilah Binti Alias	Geometric Morphometrics Analysis Of Malocclusion On Lateral Cephalogram In Malaysia Population	*Copyright - Voluntary Notification*	Fakulti Pergigian	LY2019001708	04/04/2019
7	Dr. Norhayati Rafida Bt. Abdul Rahim	Halal@School	*Copyright - Voluntary Notification*	IHRAM	LY2019001723	04/04/2019
8	Prof. Madya Dr. Nurkhamimi Bin Zainuddin	Integrated Naqli & Aqli Framework For Effective Dyslexia Arabic Language Learning Tools (Dalt)	*Copyright - Voluntary Notification*	Fakulti Pengajian Bahasa Utama	LY2019001722 CRLY00015313	04/04/2019
9	Dr. Mohd Muzhafar Bin Idrus	Augmented Reality Lexical Learning (Augrell)	*Copyright - Voluntary Notification*	Fakulti Pengajian Bahasa Utama	LY2019001721	04/04/2019
10	Prof. Madya Dr. Noor Fadzilah Binti Zulkifli	Premarital Couples Awareness Of Thalassaemia Screening (Pcats)	*Copyright - Voluntary Notification*	Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan	LY2019001716	04/04/2019

Bil	Nama Pecipta	Nama Produk	Jenis Produk	Fakulti	Nombor MyIPO	Tarikh Pemfailan
11	Dr. Muhammad Zamir Bin Othman	Fast Lab: Perfume Kit	*Copyright - Voluntary Notification*	Fakulti Sains dan Teknologi	LY2019001709 CRLY00015360	04/04/2019
12	Dr. Nur Huda Binti Faujan	Mufish Sausage	*Copyright - Voluntary Notification*	Fakulti Sains dan Teknologi	LY2019001710 CRLY00015359	04/04/2019
13	Dr Syaryanti Hussin	E-Learning In Teaching And Learning Of Fiqh Al Ibadat Wal Munakahat (Lbi1012)	*Copyright - Voluntary Notification*	Fakulti Syariah dan Undang-Undang	LY2019001711	04/04/2019
14	Prof. Madya. Ts. Dr Madihah Mohd Saudi	Ezycybercrime Detection And Response Mobile Apps	*Copyright - Voluntary Notification*	Fakulti Sains dan Teknologi	LY2019001712	04/04/2019
15	Dr. Noornajihan Binti Ja'afar	Pembangunan Perisian Buku Audio Interaktif Pendidikan Islam Sekolah Menengah Tingkatan 1	*Copyright - Voluntary Notification*	Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah	LY2019001719 CRLY00015318	04/04/2019
16	Dr. Dini Farhana Binti Baharudin	Manual Kaunseling Perkahwinan Islam	*Copyright - Voluntary Notification*	Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan	LY2019001713 CRLY00015357	04/04/2019
17	Mohd Nur Adzam Bin Rasdi	Vi.t.a.b (Visual Impairment, Tactile,Audio,Book) Solat	*Copyright - Voluntary Notification*	Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah	LY2019001714 CRLY00015324	04/04/2019
18	Prof. Madya Dr Azman Ab Rahman	Global Zakat Game (Gzg) Versi Bahasa Arab	*Copyright - Voluntary Notification*	Fakulti Syariah dan Undang-Undang	LY2019003131	20/06/2019
19	Prof. Madya Dr Azman Ab Rahman	Global Zakat Game (Gzg) Versi Bahasa Inggeris	*Copyright - Voluntary Notification*	Fakulti Syariah dan Undang-Undang	LY2019003132	20/06/2019
20	Dr. Abdel Rahman Ibrahim Suleiman Islieh	Palestinian Teacher House, Building The Future Virtual Classes For The Young Palestinians And Educators	*Copyright - Voluntary Notification*	Kolej GENIUS Insan	LY2019003133	20/06/2019
21	Dr. Muhammad Zamir Bin Othman	Fast Lab: Perfume Kit	*Trademark*	Fakulti Sains dan Teknologi	TM2019015590 TM201915589	8/05/2019

Bil	Nama Pecipta	Nama Produk	Jenis Produk	Fakulti	Nombor MyIPO	Tarikh Pemfailan
22	Dr. Ramiaida Binti Darmi	C-Jawi (Compact Jawi)	*Copyright - Voluntary Notification*	Fakulti Pengajian Bahasa Utama	LY2019005611	19/9/ 2019
23	Prof. Madya Dr. Waidah Binti Ismail	Rehabilitation Recommender System (Recoms) For Data Analyst Focusing On (Tolerance, Min Range, Max Range, Difficulty Of Games)	*Copyright - Voluntary Notification*	Fakulti Sains dan Teknologi	LY2019005612	19/9/2019
24	Prof. Madya Dr. Waidah Binti Ismail	Data Analysis In Determining 5 Variables (Time, Average, Acceleration, Distance, Moving Time, Average Speed) Based On Percentage Prediction	*Copyright - Voluntary Notification*	Fakulti Sains dan Teknologi	LY2019005613	19/9/2019
25	Prof. Madya Dr. Waidah Binti Ismail	Data Analysis In Determining The Range Value Of Four Variables (Average Acceleration, Distance, Moving Time, Average Speed) According To The Prediction	*Copyright - Voluntary Notification*	Fakulti Sains dan Teknologi	LY2019005614	19/9/2019
26	Prof. Madya Dr. Waidah Binti Ismail	Objective Function Equations For Time, Average Acceleration, Distance Moving Time And Average Speed	*Copyright - Voluntary Notification*	Fakulti Sains dan Teknologi	LY2019005615	19/9/2019
27	Prof. Madya Dr. Waidah Binti Ismail	Optimization Of Average Acceleration, Average Speed, Moving Time And Distance In Mira Rehabilition Using Whale Optimization Algorithm (Woa)	*Copyright - Voluntary Notification*	Fakulti Sains dan Teknologi	LY2019005616	19/9/2019
28	Dr. Wan Maisarah Binti Mukhtar	Au/Go Plasmonic Sensor	*Copyright - Voluntary Notification*	Fakulti Sains dan Teknologi	LY2019005617	19/9/2019

Bil	Nama Pecipta	Nama Produk	Jenis Produk	Fakulti	Nombor MyIPO	Tarikh Pemfailan
29	Dr Azuan Bin Ahmad	The Flicker: Instant Secure Laser Communication System	*Copyright - Voluntary Notification*	Fakulti Sains dan Teknologi	LY2019005618	19/9/2019
30	Prof. Madya Dr. Nurul Azmawati Binti Mohamed@ Abd Aziz	Hand Hygiene Animation Video And Song	*Copyright - Voluntary Notification*	Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan	LY2019005619	19/9/2019
31	Dr. Sundresan A/L Perumal	Qalam Khat	*Copyright - Voluntary Notification*	Fakulti Sains dan Teknologi	LY2019005620	19/9/2019
32	Dr. Yuslina Binti Mohamed	Arabistb: Online Learning Of Arabic Applied Grammar (Nahu Wazifi)	*Copyright - Voluntary Notification*	Fakulti Pengajian Bahasa Utama	LY2019005621	19/9/2019
33	Prof. Norita Md Norwawi	Naqli Aqli Integrated Semantic Search Engine (Naisse)	*Trademark*	Fakulti Sains dan Teknologi	TM2019034703, TM2019034704, TM2019034705	23/9/2019
34	Pn. Rozihani Binti Mohamad	Leads Tv	*Trademark*	Pusat Kebudayaan	TM2019036526	04/10/2019
35	Pn. Rozihani Binti Mohamad	Kedaibudaya.com	*Trademark*	Pusat Kebudayaan	TM2019036529	04/10/2019
36	Prof. Madya Dr. Adnan Bin Mohamed Yusoff	The Model Of Quranic Art Recitation	*Copyright - Voluntary Notification*	Fakulti Pengajian Al-Quran dan Sunnah	LY2019006288	09/10/2019
37	Pn. Siti Salma Binti Wahiduddin	Terminologi Al-Quran Dari Sudut Pandangan Hidup Komuniti Melayu Dalam Kamus Dewan	*Copyright - Voluntary Notification*	Fakulti Pengajian Bahasa Utama	LY2019006289	09/10/2019
38	En. Mohamad Hazwan Binti Abdul Rahman	I-Tamhidi As An Interactive Tool To Learn Arabic Grammar	*Copyright - Voluntary Notification*	Pusat Tamhidi	LY2019006290	09/10/2019
39	Prof. Madya Dr. Yuslina Binti Mohamed	Ana Sibawayh	*Copyright - Voluntary Notification*	Fakulti Pengajian Bahasa Utama	LY2019006291	09/10/2019
40	Pn. Rozihani Binti Mohamad	Peneraju Seni Budaya	*Trademark*	Pusat Kebudayaan	TM2019039767	04/11/2019
41	Dr. Fauziah Binti Hassan	Islamic Journalistic Model Of News Writing	*Copyright - Voluntary Notification*	Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan	LY2019007145	08/11/2019
42	Dr. Sundresan A/L Perumal	Android Data Extraction Project	*Copyright - Voluntary Notification*	Fakulti Sains dan Teknologi	LY2019007146	08/11/2019

Bil	Nama Pecipta	Nama Produk	Jenis Produk	Fakulti	Nombor MyIPO	Tarikh Pemfailan
43	Dr. Sundresan A/L Perumal	Usim Timetable Management System	*Copyright - Voluntary Notification*	Fakulti Sains dan Teknologi	LY2019007141	08/11/2019
44	Dr. Karmila Hanim Binti Kamil	Portfolio Management Simulation Of Stock Trading For Retail Investor	*Copyright - Voluntary Notification*	Fakulti Sains dan Teknologi	LY2019007137	08/11/2019
45	Prof. Madya Dr. Azman Ab. Rahman	Aplikasi Permainan Mudah Alih Glibal Zakat Game (Gzg)	*Copyright - Voluntary Notification*	Fakulti Syariah dan Undang-Undang	LY2019007144	08/11/2019
46	Dr. Aspalilah Binti Alias	Radiographic Evaluation Of Gustafson's Criteria For Age Estimation In Malaysian Population	*Copyright - Voluntary Notification*	Fakulti Pergigian	LY2019007134	08/11/2019
47	Dr. Wan Zakiah Binti Wan Ismail	A Low-Cost Recycling System	*Copyright - Voluntary Notification*	Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina	LY2019007135	08/11/2019
48	Dr. Affa Rozana Binti Abdul Rashid	Titanium Dioxide Coated Pof Fiber Voc Sensing Applications	*Copyright - Voluntary Notification*	Fakulti Sains dan Teknologi	LY2019007131	08/11/2019
49	Prof. Madya Dr. Nurul Azmawati Binti Mohamed@Abd Aziz	Healthy Hands Info Graphic Video For Adults (Bahasa Malaysia And Arabic Version)	*Copyright - Voluntary Notification*	Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan	LY2019007139	08/11/2019
50	Prof. Madya Dr. Nurul Azmawati Binti Mohamed@Abd Aziz	Healthy Hands Info Graphic Video For Pre-School Children (Bahasa Malaysia Version)	*Copyright - Voluntary Notification*	Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan	LY2019007138	08/11/2019
51	Prof. Madya Dr. Nurul Azmawati Binti Mohamed@Abd Aziz	Poster Intervensi Kesihatan	*Copyright - Voluntary Notification*	Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan	LY2019007140	08/11/2019
52	Prof. Madya Dr. Nurul Azmawati Binti Mohamed@Abd Aziz	Modul Intervensi Promosi Kesihatan	*Copyright - Voluntary Notification*	Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan	LY2019007143	08/11/2019
53	Prof. Madya Dr. Nurul Azmawati Binti Mohamed@Abd Aziz	Discover Infectious Diseases: Did	*Copyright - Voluntary Notification*	Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan	LY2019007142	08/11/2019

Jadual 4.7 : Senarai Harta Intelek Tahun 2019

PENERBITAN BERINDEKS USIM

Sepanjang tahun 2019, penerbitan berindeks USIM adalah berjumlah 536 penerbitan iaitu melebihi penerbitan tidak berindeks (153 penerbitan). Pecahan penerbitan berindeks USIM adalah seperti di bawah:

451
Artikel

67
Prosiding

3
Bab dalam buku

15
Lain-lain bentuk penerbitan

Jumlah
536

Rajah 4.6 : Pecahan Penerbitan Berindeks USIM

	2015	2016	2017	2018	2019
WOS/Scopus/ERA	40	57	75	60	76
WOS/Scopus	46	67	81	100	44
WOS/ERA	9	12	3	36	13
WOS	41	50	69	40	30
Scopus/ERA	22	19	105	49	49
Scopus	56	67	75	104	133
ERA	5	5	28	19	65
WOS/Scopus/ERA/MyCite					1
Scopus/MyCite					1
WOS/MyCite					1
ERA/MyCite					1
MyCite					122
Jumlah Keseluruhan	**219**	**277**	**436**	**408**	**536**

Jadual 4.8 : Jumlah Keseluruhan Penerbitan Berindeks bagi tahun 2015 hingga tahun 2019

Jadual menunjukkan perbandingan penerbitan berindeks keseluruhan USIM dari tahun 2015 sehingga 2019. Penerbitan berindeks tahun 2019 adalah yang tertinggi dan menunjukkan peningkatan sebanyak 31% berbanding tahun 2018. Ini termasuk mengambil kira penerbitan bawah MyCite yang sebelum ini tidak diambil kira.



Rajah 4.7 : Perbandingan Keseluruhan Penerbitan dari tahun 2015 hingga tahun 2019 (Merujuk kepada Jadual 4.8)

PENGIKTIRAFAN PENERBITAN BUKU USIM

Sehingga tahun 2019, jumlah penerbitan Penerbit USIM mencapai hampir 700 tajuk buku dalam pelbagai bidang yang berfokuskan pada INAQ seperti sains sosial, syariah dan undang-undang, perubatan, Quran dan sunah serta sains dan teknologi. Di bawah naungan bersama dan juga ahli Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM), Penerbit USIM juga bergiat aktif dalam pelbagai pameran di serata dunia termasuklah di Pesta Buku Frankfurt yang diadakan saban tahun. Pada tahun 2019, Penerbit USIM menerbitkan sebanyak 95 judul dalam pelbagai genre. Pecahan penerbitan buku USIM adalah seperti di Jadual 4.9.

Bil	Genre	Jumlah
1	Ilmiah	39
2	Buku Teks/Modul	30
3	Umum	7
4	Prosiding	14
5	Terjemahan	2
Jumlah keseluruhan		**92**

Jadual 4.9 : Pecahan Penerbitan Buku USIM

Kecemerlangan berterusan Penerbit USIM diterjemahkan pada tahun 2019 apabila buku bertajuk Dakwah Askari di Malaysia hasil karya Prof Madya Kol. Dr. Burhanuddin Jalal berjaya memenangi kategori Buku Umum Terbaik (Kategori Dakwah) dalam Majlis Anugerah Buku Negara 2019. Majlis anugerah ini diadakan pada 1 April 2019 dan berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur bersempena Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2019.

Selain itu, majlis pelancaran buku 'Antologi Puisi Sulaman Tinta' terbitan Penerbit USIM hasil tulisan pensyarah dan staf USIM disempurnakan oleh Sasterawan Negara Dato' Seri A. Samad Said pada 3 April 2019 di Reruai MAPIM, PBAKL. Selain perasmian, majlis yang dihadiri kira-kira 200 orang pengunjung PBAKL ini juga menyaksikan sebahagian penulis mendeklamasi dan membaca puisi karangan mereka. Seterusnya pada 4 April 2019 di lokasi yang sama, pelancaran buku baharu terbitan Penerbit USIM "My Lost Butterfly & Rohingya Survivors" disempurnakan oleh Timbalan Menteri Kerja Raya, YB Hj. Mohd Anuar Mohd Tahir.

Penerbitan buku dalam kalangan penulis-penulis di fakulti tidak kurang hebatnya. FKAB menerbitkan buku "Advances in Sustainable Living" yang menceritakan kehebatan arkitek tradisional Melayu di mana setiap karakter rumah tradisional Melayu di perkampungan mempunyai hubungannya yang tersendiri dengan alam iaitu gambaran dan falsafah tertentu yang mencerminkan budaya dan warisan komuniti Melayu Muslim. FKP pula membuat kolaborasi penerbitan bersama Universiti Pertahanan Nasional Malaysia UPNM untuk buku bertajuk Kepimpinan Era Moden.

Di peringkat antarabangsa pula, kolaborasi penerbitan Penerbit USIM bersama Daffodil University menyaksikan buku yang bertajuk "Empowering Students to Learn Fundamentals of Programming" berjaya diterbitkan. Manakala, buku "Beauty of Balance From the Perspective of Built Environment" (penerbitan pada tahun 2018) suntingan asal Fadli Arabi, Abu Bakar Ali, Elina Mohd Husini, Wan Norisma Wan Ismail, Nor Haslina Ja'afar diterbitkan semula pada tahun 2019 dengan dialih bahasa ke Bahasa German.

Warga Penerbit USIM turut mencatatkan kejayaan di peringkat antarabangsa dengan pelantikan Pn. Hariza Mohd Yusof sebagai ahli Jawatankuasa Preparatory Kursi Pengajian Melayu di Goethe University, Jerman dan pemilihan En. Mohd Faiz Hamzah sebagai penerima 'Bronze Package' dalam Indonesia Partnership Program (IPP) 2019 yang diadakan di Jakarta Convention Center, Indonesia.

FAST LAB KE ARAH MENGGAPAI

WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030

FaST LaB ditubuhkan pada tahun 2017 dengan tujuan asal untuk memberikan pendedahan kepada semua pelajar akan keseronokan dan kepentingan Sciences, Technologies, Religiosity, Engineering, Artistry dan Mathematics (STREAM) di dalam kehidupan seharian.

Misi utama FaST LaB ini adalah untuk membuka mata masyarakat akan kepentingan STEM kepada kehidupan kini dan seterusnya memberi satu dimensi baru kepada corak Pendidikan di USIM khususnya dan Malaysia amnya.

FaST LaB terlibat secara langsung dan tidak langsung di dalam beberapa karnival sains, bengkel dan program yang memberi inspirasi dalam kalangan pelajar bagaimana teknik untuk menyelesaikan masalah, pembangunan inovasi dan pengkormesialan kit "Science Educational".

Daripada tahun 2017, FaST LaB sentiasa mencari peluang untuk bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan bagi mempromosikan program-program yang menarik minat semua golongan kepada Pendidikan Science, Technology, Engineering, Mathematics (STEM).

Sejajar dengan objektifnya untuk menarik minat pelajar kepada STEM, FaST LaB mengeluarkan beberapa kit pembelajaran seperti seperti Gambar 4.1.

Gambar 4.1: Kit Pembelajaran oleh Fast LaB

"Alhamdulillah aktiviti unit FaST LaB pada tahun 2019 berjaya mencecah sehingga lebih daripada 80 program jangkauan yang menyentuh hampir 40,000 pelajar, ibu bapa dan guru. Ini adalah hasil usaha yang komited daripada pelajar dan pensyarah Fakulti Sains dan Teknologi atas dorongan dan sokongan daripada pihak pengurusan Fakulti serta Universiti bagi memastikan bidang Sains dan Teknologi kekal relevan dalam masyarakat. Pada masa yang sama membuka ruang kepada masyarakat untuk kekal terinspirasi bagi meneruskan pengajian dan kerjaya dalam bidang STEM selari dengan hasrat YAB Perdana Menteri Malaysia dalam menggapai Wawasan Kemakmuran Bersama 2030".

Dr. Muhammad Zamir bin Othman
Pensyarah
Program Teknologi Kimia Industri
Fakulti Sains dan Teknologi
Pengerusi FaST LaB USIM

Seterusnya pada tahun 2019, dengan kerjasama sebanyak 500 sukarelawan yang terdiri dari kalangan pelajar serta pensyarah FST, FaST Lab berjaya mengadakan 105 aktiviti yang melibatkan forum, bengkel, ceramah, kem dan karnival sains dengan penglibatan menghampiri 50,000 orang pelajar dan ibu bapa.

Aktiviti kemasyarakatan FaST Lab ditonjolkan melalui penyumbangan modul untuk enam aktiviti GISO, penyantunan terhadap warga tempatan seperti masyarakat orang asli, warga pulau, felda, bandar dan B40 dan juga warga antarabangsa seperti di Thailand, Australia dan Indonesia. Pelajar-pelajar USIM juga disantuni apabila 500 unit makanan berjaya diedarkan melalui FaST LaB Food Bank di samping menyediakan 300 peluang pekerjaan kepada mereka.

Melalui aktiviti kemasyarakatan ini FaST Lab dianugerahkan dua anugerah khas, tiga pingat emas dan satu pingat gangsa dalam pelbagai pertandingan inovasi seperti di ITEX 2019, PECIPTA 2019 dan NRIC 2019. Selain itu, produk FaST LaB: Science Educational Kit yang memenangi pertandingan di ITEX 2019 dan PECIPTA 2019 juga telah didaftarkan Hakcipta dan Cap Dagangan.

Kecemerlangan berterusan penyelidikan dan inovasi di USIM adalah hasil daripada komitmen semua penyelidik yang dipandu oleh kreativiti pihak pengurusan di dalam mencorak penyelidikan berpandukan lima tonggak Maqasid Syariah. Hasilnya dapat dilihat melalui sumbangan penyelidikan kepada masyarakat dan agama yang tidak lain adalah untuk memastikan kelestarian pemeliharaan agama, nyawa, akal, harta dan keturunan. Melalui strategi penyelidikan yang memfokuskan kepada INAQ, diharapkan penyelidikan di USIM akan terus diperkasakan untuk menyantuni masyarakat dan seterusnya mampu menempa nama di persada global.

KECEMERLANGAN BAKAT

DAN IKON

Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat; "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi". Mereka bertanya (tentang hikmat ketetapan Tuhan itu dengan berkata): "Adakah Engkau (Ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), padahal kami sentiasa bertasbih dengan memuji-Mu dan mensucikan-Mu?". Tuhan berfirman: "Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahuinya".

Al-Baqarah 2:30

PENDAHULUAN

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) sentiasa menggalakkan warganya menyertai acara-acara kejohanan atau penglibatan dalam aktiviti berimpak tinggi yang dapat mencungkil kepelbagaian bakat cemerlang.

Ternyata, kecemerlangan bakat warga USIM terserlah dengan meraih pencapaian terbaik dalam pelbagai aktiviti di peringkat nasional mahupun antarabangsa. Pencapaian yang konsisten saban tahun mengukuhkan reputasi USIM sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang relevan dan berdaya saing. USIM beriltizam untuk melahirkan bakat baharu dan menggilap bakat sedia ada menerusi galakan, kemudahan dan latihan yang berterusan. Bakat dan kecemerlangan yang digilap secara individu mahupun kolektif dapat memberi manfaat kepada warga USIM dan masyarakat.

1-EMAS
1-PERAK
1-GANGSA

Melaka International Intellectual Exposition (MIIEX) 2019 Peringkat Antarabangsa

4-EMAS
4-PERAK
3-GANGSA

Pertandingan Malaysian Astronomy Olympiad (MyAO) 2019 Peringkat Kebangsaan

INSAN MUDA UNGGUL

Kolej GENIUS Insan (KGI) ditubuhkan bagi membangun, menyedia dan melaksanakan kurikulum khas kepada para pelajar terpilih. Para pelajar KGI dididik dan dibimbing supaya menjadi individu yang unggul, holistik, berkualiti dan seimbang daripada aspek duniawi dan ukhrawi. Keunggulan mereka terserlah dengan pelbagai pencapaian yang dikecapi sepanjang tahun sama ada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

1 - EMAS
1 - PERAK
2 - GANGSA

Pertandingan Beaver Computational Thinking Competition Peringkat Kebangsaan

2 - EMAS
4 - PERAK
2 - GANGSA

Malaysian Earth Science Olympiad (MyESO) 2019 Peringkat Kebangsaan

5 - EMAS
3 - PERAK
1 - GANGSA

Pertandingan Malaysian Computational Linguistics Olympiad (MyCLO) 2019 Peringkat Kebangsaan

1 - EMAS

Stem Design Asian Competition 2019 di Taiwan, China Peringkat Antarabangsa Kategori Prototaip dan Idea Penyelidikan

Naib Johan dan Anugerah Skrip Terbaik

Pertandingan Bicara Berirama dan Choral Speaking Sempena Sambutan Bulan Kemerdekaan Peringkat Kebangsaan

MUNIRAH MUHAMAD

Johan Pertandingan Pidato Kenegaraan 2019
Naib Johan Pertandingan Pidato Nusa Bangsa 2019

JAGUH PIDATO

Bakat berpidato melatih mahasiswa mengupas idea yang bernas dan berfikir secara berstruktur. USIM amat bertuah kerana memiliki mahasiswa yang berbakat tinggi dalam arena pidato. Kepetahan berbicara dan penguasaan ilmu yang baik menjadi antara faktor pencapaian mereka dalam bidang ini. Penguasaan bakat pidato menjadi nilai tambah kepada mahasiswa USIM untuk menjadi pemimpin yang hebat pada masa akan datang.

MAD ROKIYAH

Tempat Ketiga (Kategori Pelajar Antarabangsa di Malaysia) Kejohanan Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu Piala Perdana Menteri

FATIN FITRIAH FARIDULAMINI

Tempat Ketiga Intervarsity Young Motivator Competition (IMAC) 2019

PENGGIAT BAHASA

Pelbagai aktiviti dianjurkan bagi memantapkan penguasaan bahasa dalam kalangan warga USIM. USIM amat menggalakkan warganya menguasai pelbagai bahasa termasuk Bahasa Melayu, Bahasa Arab, Bahasa Inggeris dan sebagainya. Pelbagai pendekatan digunakan bagi meningkatkan kemahiran berbahasa dalam kalangan warga USIM. Antaranya ialah penawaran Program Pengajian Bahasa di Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), menganjurkan seminar-seminar berkaitan bahasa dan aktiviti-aktiviti kokurikulum para pelajar yang berhubung dengan bidang bahasa.

Pn. Hariza Mohd Yusof

Pelantikan sebagai Ahli Jawatankuasa Preparatory Kursi Pengajian Melayu di Goethe University, Jerman oleh KPM antara pengiktirafan terbaik. Tujuan Kursi Pengajian Melayu ini ditubuhkan ialah membantu kerajaan dalam memperluas dan mengangkat wacana kebudayaan Melayu di peringkat antarabangsa. USIM komited dalam menyokong agenda kerajaan agar pengajian kebudayaan Malaysia dapat disebar luas ke persada antarabangsa. Pelantikan ini juga turut memberi peluang kepada USIM untuk mengadakan kolaborasi dengan universiti yang terkemuka di benua Eropah.

Kumpulan Modul Bacaan Pantas, Jabatan Perpustakaan

USIM mendapat Pingat Gangsa Projek Modul Bacaan Pantas sempena Karnival Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran K-Novasi di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Inovasi Modul Bacaan Pantas dapat menyokong Kempen Dekad Membaca Kebangsaan 2021-2030 yang bertujuan mewujudkan Malaysia sebagai sebuah negara berbudaya membaca dan menjadikan rakyat Malaysia sebagai bangsa berilmu bertaraf dunia.

Ahli kumpulan: Ahmad Yazid Ahmad@Abdul Rahman, Rozana Kamdani, Harianti Husain dan Hafizah Badri

USAHAWAN INOVATIF

Pemerkasaan mahasiswa dalam bidang keusahawanan adalah selaras dengan Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi 2016-2020 dalam usaha menambah baik ekosistem pendidikan tinggi yang menyokong pembangunan keusahawanan pelajar. USIM sentiasa memberi galakan kepada para mahasiswa untuk bergiat aktif dalam bidang keusahawanan agar bakat ini dapat dijadikan sebagai kerjaya pilihan setelah bergraduasi. Penglibatan dalam bidang ini dapat membantu mereka menyampaikan idea dan kreativiti untuk menghasilkan produk inovasi dan keusahawanan yang berpotensi dikembangkan ke peringkat yang lebih berdaya saing.

Pelajar Tahun Dua Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK)

- Johan Usahawan Inovasi Piala Menteri Pendidikan Malaysia 2019
- Produk keusahawanan berkaitan kemudahan perubatan pesakit
- Ahli Kumpulan: Nur Farah Afiqah Mohmad Lehan, Nurin Izzati Abdul Wahid, Intan Ku Khalilah Mohd Saiful Segar dan Siti Aishah Amir Yusdi

SUKARELAWAN TERBILANG

Kesukarelawanan merupakan aktiviti yang menerapkan nilai-nilai kemanusiaan yang tinggi dan memberi kebaikan kepada semua pihak yang terlibat. Nama USIM tidak asing lagi dalam arena kesukarelawanan sama ada di peringkat tempatan mahupun antarabangsa. GISO merupakan showcase aktiviti kesukarelawanan pelajar di USIM. Program ini berjaya melahirkan ramai sukarelawan terbilang dalam kalangan para pelajar USIM.

Kembara Anak Watan di Bumi Maori 26 Ogos hingga 10 September 2019 Wellington, New Zealand

Program GISO, "Kembara Anak Watan di Bumi Maori" dinobatkan sebagai penerima Anugerah Emas MAKUMA Kategori Program Mobiliti Luar Negara dan Program Kesukarelawanan Terbaik Peringkat Antarabangsa oleh Majlis Kaunseling dan Kerjaya Universiti-universiti Malaysia.

Agenda yang diketengahkan ialah memperkasakan mahasiswa berintegrasikan ilmu Naqli dan Aqli. USIM amat berbangga dengan pencapaian pasukan ini kerana turut mendapat pengiktirafan daripada kerajaan New Zealand menerusi Kementerian Alam Sekitar New Zealand. Ini kerana para peserta GISO terlibat dalam Program Perlindungan Alam Semula Jadi di Hutan Simpan negara tersebut.

Selain itu, penghargaan turut diterima daripada International Muslim Associates New Zealand bagi menyantuni masyarakat dan mempromosikan Islam di sana. Program ini telah mendapat sokongan padu daripada Pejabat Kedutaan Malaysia malahan terdapat penyertaan daripada pegawai kedutaan dalam program khidmat masyarakat di Wellington secara langsung.

PENERAJU SENI BERBUDAYA

"Pusat Kebudayaan berperanan dalam menerapkan program seni berbudaya di USIM dan tanah air. Secara tidak langsung, warga USIM terlibat secara aktif dalam pelbagai kegiatan seni kebudayaan yang dianjurkan. Penampilan istimewa para penggiat seni USIM menarik perhatian para juri dalam beberapa siri pertandingan. Bakat seni berbudaya dalam kalangan warga USIM perlu dicungkil dan diperkasa bagi memelihara keunikan dan keaslian warisan budaya bangsa.

Pementasan Teater

Kumpulan Teater ATRA Pusat Kebudayaan

- Festival Teater Negeri Sembilan 2019
- Naib Johan Keseluruhan
- Pelakon Pembantu Wanita Terbaik
- Sinografi Terbaik
- Penata Cahaya Terbaik
- Penata Audio Terbaik

Seni Taranum

Muhammad Umar Syazuli Mohd Tahir (Pelajar FPQS)
Kategori Lelaki

Siti Aisyah Baain (Pelajar FKP)
Kategori Perempuan

Naib Johan
Tilawah al-Quran Institusi Pengajian Tinggi Peringkat Serantau, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Brunei Darussalam

Nyanyian Melayu Asli dan Kontemporari

Zulkifli Baharuddin (Pelajar FKP)

Johan
Pertandingan Nyanyian Melayu Asli di Festival Kebudayaan Universiti Malaysia (FESTKUM)

Pelajar Pusat Tamhidi

Juara
Inter Asasi Nasyid Competition 2019, UiTM

JAGUH SUKAN

Penglibatan dalam aktiviti sukan amat digalakkan bagi melahirkan individu yang sihat dan cergas. USIM memberi peluang kepada warganya untuk mengembangkan bakat sukan ke tahap tinggi menerusi penyertaan dalam pelbagai kejohanan. Kecemerlangan para atlet USIM terserlah apabila merangkul pelbagai kejayaan dalam kejohanan yang dianjurkan di peringkat tempatan mahupun antarabangsa. Semangat kesukanan yang tinggi dalam kalangan atlet USIM mencipta beberapa siri kejayaan yang membanggakan.

MEMANAH
Awatif Afrina Mohd Asrul (KGI)

Emas
Kejohanan Memanah Terbuka dan Jemputan Antarabangsa 2019 Kelab Memanah Port Dickson (Elda Archery)

BOLING PADANG
Pn. Siti Nurbaya Ismail (Jabatan Bendahari)

Gangsa
One Belt One Road Bowls World (Invitation 2019)

TAEKWANDO
Mohammad Ammar Abdul Halim

Emas
Karnival Kejohanan Sukan MASUM 2019

CATUR – INDIVIDU PEREMPUAN
Dr. Norhidayah Azman (FST)

Emas
Karnival Sukan Kakitangan Akademik Institut Pengajian Tinggi 2019

PING PONG
Abdullah Aiman Sharuddin
Nur Shafiqah Mohd Rodzi

Emas
Sukan Institusi Pengajian Tinggi Islam Malaysia ke-19

BOLA TAMPAR LELAKI
Ihsan Mohamed Nilam
Muhammad Syakir Badrizaman
Muhammad Afiq Firdaus Mokhtar
Muhamad Amirul Hakimi Azman

Emas
Sukan Institusi Pengajian Tinggi Islam Malaysia ke-19

PASUKAN DEBAT

BAHASA ARAB

Kehebatan mahasiswa USIM dalam arena debat Bahasa Arab mendapat pengiktirafan tempatan mahupun dunia. Ini terbukti dengan beberapa kejayaan yang dikecapi oleh pasukan debat USIM sepanjang tahun 2019. Kebolehan membahas isu dan penguasaan bahasa yang baik menjadi antara faktor pencapaian mereka dalam arena perdebatan.

Pada Mac 2019, pasukan debat Bahasa Arab menjulang nama USIM di persada antarabangsa. Pasukan ini merangkul johan dalam Pertandingan Debat Bahasa Arab Universiti Antarabangsa (IUADC) di Doha, Qatar.

Pertandingan berprestij ini mengetengahkan pelbagai kategori perlawanan yang disertai lebih 100 buah pasukan dari seluruh dunia.

"Ini kejayaan yang manis bagi kami dan jurulatih En. Ahmad Norsyafwan Norwavi. Terima kasih kepada pengurusan USIM, BHEP serta rakan Kelab Debat USIM atas doa dan sokongan. Kami berjaya mengekalkan momentum persembahan dan fokus terbaik pada setiap perlawanan dari peringkat awal sehingga akhir," ujar Muhammad Muzakkir Ahmad Dali, penerima anugerah pendebat terbaik pertama keseluruhan di IUADC.

- Johan Pertandingan IUADC bagi Kategori Bukan Penutur Jati Bahasa Arab
- Pendebat Terbaik Pertama : Muhammad Muzakkir Ahmad Dali
- Pendebat Terbaik Kedua : Suwaibah Mustapha

Ahli kumpulan: Adam Fikry Bakru Rozi, Siti Hamidah Hashim, Muhammad Muzakkir Ahmad Dali, Suwaibah Mustapha

- Johan Festival SUKARABIC FEST di UIN Sunan Kalijaga Jogjakarta, Indonesia

Ahli kumpulan: Suwaibah Mustapha, Nur Ain Hannani, Mohd Syamim Morshid

• Naib Johan Penyertaan UNISI Arabic Debating Championship (UADC) di Indonesia

• Pendebat Terbaik : Nur Ain Hannani Hamid Afifah

Ahli kumpulan: Muhammad Syamim Md Morshid, Nadiah Nur Fadlillah, Nur Ain Hannani Hamid Afifah, Muslihah Zaharudin

USIM amat berbangga dengan pasukan debat Bahasa Arab atas kejayaan dan semangat daya saing yang mereka tonjolkan. Bakat dan kemahiran perdebatan dalam kalangan mahasiswa akan terus dicungkil dan diperkasakan. Secara tidak langsung, pembabitan dalam arena perdebatan dapat melahirkan mahasiswa berilmu dan berkepimpinan yang selari dengan hala tuju USIM dan kehendak pasaran.

Menurut jurulatih pasukan debat Bahasa Arab, Encik Ahmad Norsyafwan Norwavi, beliau amat memahami liku-liku dan cabaran yang harus dilalui dalam pertandingan debat Bahasa Arab.

Selain itu, kejayaan pasukan debat USIM turut dilakar di peringkat Nusantara menerusi dua pertandingan debat Bahasa Arab yang diadakan di Indonesia. Pencapaian yang dikecapi membuktikan pasukan debat Bahasa Arab USIM sangat berbakat dan berdaya saing walau di mana mereka bertanding.

"Tiada perkara yang mudah, tetapi kesukaran itulah yang menjadikan kejayaan atau kemenangan lebih bernilai dan bermakna. Tahun 2019 merupakan tahun yang ke-12 saya melatih pasukan debat Bahasa Arab USIM yang cabarannya tidak sama. Tugas melatih pelajar yang saya umpamakan seperti keluarga sendiri menjadikan saya tidak memilih untuk mengeluh. Bagi saya, 'kalau sekadar mengeluh, juara tidak akan dilahirkan'. "

En. Ahmad Norsyafwan Norwavi
Jurulatih Pasukan Debat Bahasa Arab

Pengurusan bakat yang bersistematik mampu melahirkan insan yang cemerlang dalam pelbagai kegiatan. USIM tekad memberi sokongan dan galakan yang terbaik dalam mengembangkan bakat warga USIM hingga meraih pengiktirafan ke persada antarabangsa. Dalam hal ini, persaingan secara sihat dalam aktiviti-aktiviti kebaikan amat dititikberatkan agar USIM sentiasa keterhadapan. Selaras dengan firman Allah SWT yang bermaksud:

"Dan setiap umat mempunyai kiblat yang dia menghadap kepadanya. Maka berlumba-lumbalah kamu dalam kebaikan. Di mana sahaja kamu berada pasti Allah akan mengumpulkan kamu semuanya. Sungguh, Allah Maha Kuasa atas segala sesuatu."

(Al-Baqarah 2:148)

TIGERS

MEMBERDAYA KELESTARIAN

KEWANGAN

Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu ingat halal membuat sesuka hati mengenai syiar-syiar agama Allah, dan mengenai bulan-bulan yang dihormati, dan mengenai binatang-binatang yang dihadiahkan (ke Makkah untuk korban), dan mengenai kalong-kalong binatang hadiah itu, dan mengenai orang-orang yang menuju ke Baitullah Al-Haraam, yang bertujuan mencari limpah kurnia dari Tuhan mereka (dengan jalan perniagaan) dan mencari keredaanNya (dengan mengerjakan ibadat Haji di Tanah Suci); dan apabila kamu telah selesai dari ihram maka bolehlah kamu berburu. Dan jangan sekali-kali kebencian kamu kepada suatu kaum kerana mereka pernah menghalangi kamu dari masjid Al-Haraam itu - mendorong kamu menceroboh. Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertaqwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksaNya (bagi sesiapa yang melanggar perintahNya).

Al-Maaidah 5:2

PENDAHULUAN

Kelestarian kewangan di USIM diberi penekanan bagi memastikan kemapanan kewangan dalam usaha mengurangkan kebergantungan kepada sumber kerajaan serta menggalakkan lebih banyak pihak menyumbang kepada kelestarian kewangan USIM.

Pelan Strategik USIM 2016-2025 menggariskan strategi bagi memacu penjanaan pendapatan dan kelestarian kewangan USIM. Antara strategi yang direncana adalah memperkasakan endowmen, wakaf, zakat, geran dan sumbangan; mempertingkatkan kecekapan kutipan yuran pengajian program-program utama akademik; membangunkan dan mempelbagaikan aktiviti pengkomersilan melalui pendidikan dan latihan, pengkomersilan idea, perkhidmatan khidmat nasihat dan perundingan melalui anak syarikat dan pengewangan aset dan melaksanakan usaha penjimatan yang berterusan.

PENCAPAIAN STRATEGI KELESTARIAN KEWANGAN

Berdasarkan Rajah 6.1 di sebelah, jumlah pencapaian kelestarian kewangan USIM untuk 2019 adalah sebanyak RM67,090,027.77 iaitu 83.86% daripada sasaran untuk tahun 2019. Hal ini dapat dicapai melalui hasil usaha setiap PTj di USIM memastikan strategi yang direncana terlaksana.

PENCAPAIAN (RM)
16,844,748.46

Strategi
Memperkasakan endowmen, wakaf, zakat, geran dan sumbangan

Pencapaian (RM)
36,088,365.00

Strategi
Mempertingkatkan kecekapan kutipan yuran pengajian program-program utama akademik

Pencapaian (RM)
16,006,733.47

Strategi
Membangunkan dan mempelbagaikan aktiviti pengkomersilan melalui pendidikan dan latihan, pengkomersilan idea, perkhidmatan khidmat nasihat dan perundingan melalui anak syarikat dan pengewangan aset

Pencapaian (RM)
(1,849,819.16)

Strategi
Melaksanakan usaha penjimatan yang berterusan

JUMLAH (RM)
67,090,027.77

Rajah 6.1 : Senarai Pencapaian Kewangan USIM

MEMPERKUKUH KEWANGAN KAMPUS

Dalam usaha memperkukuh kewangan kampus, salah satu usaha adalah menggalakkan PTj menjalankan aktiviti sewaan fasiliti yang terdapat di USIM untuk digunakan oleh pihak luar. Bermula tahun 2015, pihak pengurusan Universiti telah menyerahkan Dewan Tuanku Canselor (DTC) kepada pengurusan Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti (JPPF). Pada 2018, Dewan Kolej GENIUS Insan pula diserahkan bagi tujuan aktiviti penyewaan kepada agensi luar. Pada 2019, JPPF telah berjaya menjana sebanyak RM491,800.00 bagi sewaan DTC menerusi program yang dijalankan oleh agensi-agensi berikut:

1 **Agensi**
Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan

Nama Program
Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2018

2 **Agensi**
Kementerian Pendidikan Malaysia

Nama Program
Majlis Konvokesyen Institut Aminuddin Baki Kali Ke-20

3 **Agensi**
Kementerian Pendidikan Malaysia

Nama Program
Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) KPM Tahun 2018

4 **Agensi**
Kolej Mara Banting

Nama Program
Majlis Graduasi 2019

5 **Agensi**
Kolej Komuniti Hulu Selangor

Nama Program
Majlis Konvokesyen Kolej Komuniti

6 **Agensi**
Kementerian Pendidikan Malaysia

Nama Program
Majlis Konvokesyen Kolej Vokasional (1Malaysia)

Rajah 6.2 : Senarai Program Penjanaan Sewaan DTC

Hasil sewaan fasiliti DTC disalurkan kepada Universiti dan sebahagiannya digunakan untuk penyelenggaraan dewan, serta aktiviti tanggungjawab korporat JPPF kepada komuniti. Secara tidak langsung, JPPF juga dapat menjalinkan hubungan dan kerjasama erat bersama rakan agensi lain selain berjaya mempromosi USIM kepada masyarakat luar.

Selain janaan daripada sewaan dewan oleh JPPF, pendapatan daripada beberapa PTj lain juga menunjukkan hasil yang memberangsangkan seperti perolehan pendapatan yang dicapai oleh BHEP, PLiMJI, FPg dan Pusat Keusahawanan Universiti (PKUU). Pada 2019, BHEP menjana pendapatan sebanyak RM513,320.00 menerusi aktiviti kolej kediaman yang dianjurkan. Hasil perundingan oleh staf USIM yang dicatatkan di PLiMJI pula menunjukkan pencapaian sebanyak RM407,480.75. Bagi FPg pula, hasil perkhidmatan pergigian yang ditawarkan menjana pendapatan sebanyak RM323,563.50. Manakala hasil sewaan ruang niaga yang diuruskan oleh PKUU mencatatkan jumlah sebanyak RM148,406.63.

Berdasarkan rekod pencapaian penjanaan oleh PTj, jumlah ini akan meningkat seiring dengan kesedaran penjenamaan (brand awareness) yang mula dicipta dalam kalangan pelanggan atau pengguna perkhidmatan di USIM. Secara tidak langsung, hal ini dapat memperkukuh kewangan kampus.

FAKULTI PERGIGIAN

SALUR PERKHIDMATAN UNTUK KOMUNITI

Perkhidmatan klinikal pergigian merupakan salah satu cabang ataupun skop utama di FPg, USIM. Pada 2019, FPg berjaya menjana pendapatan sebanyak RM323,563.50. Perkhidmatan ini terdiri daripada pemeriksaan dan rawatan pergigian serta perundingan kesihatan pergigian yang ditawarkan kepada orang ramai khasnya komuniti yang berhampiran dengan FPg di Kampus Pandan Indah.

Rawatan pergigian yang disediakan terbahagi kepada tiga kategori iaitu:-

1. Rawatan pesakit luar (outpatient) oleh Pegawai Pergigian (Dental Officer)

2. Rawatan oleh Pakar Pergigian (Dental Specialist)

3. Rawatan oleh para pelajar fasa klinikal (tahun 3 hingga 5)

Perkhidmatan kepakaran pergigian merupakan penyumbang utama kepada hasil perkhidmatan pergigian yang dijana oleh fakulti ini. Rawatan kepakaran dan perundingan oleh Pakar Pergigian termasuklah rawatan ortodontik (braces), *implant, minor oral surgery, periodontik* (gusi), *crown and bridges*, pembuatan gigi palsu dan lain-lain lagi. Caj yang dikenakan adalah berpatutan dan jauh lebih murah berbanding perkhidmatan di klinik pergigian swasta yang lain. Inilah antara faktor utama yang membolehkan fakulti menerima bilangan pesakit yang agak ramai. Manakala rawatan pergigian yang disediakan oleh pelajar pula adalah percuma. Pesakit hanya dikenakan caj pendaftaran tahunan serta caj rawatan yang sangat minimum berbanding rawatan profesional yang diterima oleh mereka.

USIM sentiasa berusaha memperkasa kelestarian kewangannya. Lebih banyak promosi mengenai keunikan USIM yang boleh disebarluaskan kepada pihak luar dalam usaha meningkatkan penjanaan kewangan seperti infaq, waqaf dan zakat. Pelbagai kerjasama strategik dengan agensi luar boleh dijalankan bagi mencapai sasaran ini. Selain itu, PTj juga perlu lebih kreatif dalam usaha merealisasikan Strategi Kelestarian Kewangan seperti yang telah digariskan dalam Pelan Strategik USIM (2016-2025).

PETUNJUK

PRESTASI

PETUNJUK PRESTASI UTAMA DAN PENCAPAIAN USIM BAGI TAHUN 2019

Bil.	Petunjuk Prestasi Utama (KPI)	Sasaran	Pencapaian
1	Peratus graduan yang mendapat pekerjaan, menjadi usahawan, melanjutkan pengajian, meningkatkan kemahiran atau menunggu penempatan pada tahun konvokesyen.	80%	93%
2	Jumlah penerbitan dalam jurnal bagi setiap staf akademik di universiti	1	0.44
	Jumlah prosiding berindeks bagi setiap staf akademik di universiti.	0.5	0.10
3	Jumlah sitasi kumulatif bagi setiap staf akademik di universiti.	3.00	4.21
4	Bilangan bidang di universiti yang berada pada kedudukan 50 teratas berdasarkan *QS World University Rankings by Subject.*	Nil	Nil
5	Bilangan bidang di universiti yang berada pada kedudukan 51 – 200 teratas berdasarkan *QS World University Rankings by Subject.*	Nil	Nil
6	Jumlah penjanaan pendapatan sendiri berbanding jumlah perbelanjaan mengurus yang telah ditetapkan.	15%	21.68%
7	Peratus keciciran pelajar berdasarkan peringkat pengajian di universiti:		
	(i) Sarjana Muda	Nil	2.28%
	(ii) Sarjana	≤ 3%	2.38%
	(iii) PhD	≤ 3%	1.27%
8	Peratus pelajar yang berjaya menamatkan pengajian dalam masa yang ditetapkan (GoT) di universiti:		
	(i) Sarjana Muda	92%	93.49%
	(ii) Sarjana	80%	52.81%
	(iii) PhD	80%	45.26%
9	EPP 12: Menjuarai sebagai jenama pendidikan Malaysia di peringkat antarabangsa:		
	(i) bilangan pelajar antarabangsa; dan	800	79
	(ii) bilangan pelajar antarabangsa pascasiswazah		639

PRESTASI KEWANGAN

2019

KUMPULAN

Pendapatan Kumpulan pada tahun 2019 berjumlah RM270.79 juta berbanding RM267.22 juta pada tahun 2018, peningkatan sebanyak RM3.57 juta (1.33%). Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM174.93 (64.60%) merupakan Geran Kerajaan, RM32.51 (12.01%) adalah Geran Modal Dilunaskan, RM37.69 juta (13.92%) Yuran dan RM25.66 juta (9.47%) Pendapatan Lain.

	2015	2016	2017	2018	2019
	RM (Juta)	RM (Juta)	RM (Juta)	RM (Juta)	RM (Juta)
Geran Kerajaan	169.45	158.70	164.68	165.93	174.93
Geran Modal Dilunaskan	24.25	47.48	38.93	37.33	32.51
Yuran	38.42	42.44	32.28	34.96	37.69
Pendapatan Lain	24.94	33.75	30.00	29.00	25.66
Jumlah	**257.06**	**282.37**	**265.89**	**267.22**	**270.79**

Jadual 1 : Perbandingan Komponen Pendapatan 2015-2019



Rajah 1: Perbandingan Komponen Pendapatan 2015-2019

	2015	2016	2017	2018	2019
	RM (Juta)	RM (Juta)	RM (Juta)	RM (Juta)	RM (Juta)
Emolumen	120.53	109.16	118.76	126.84	133.31
Perkhidmatan dan Bekalan	87.37	118.39	104.93	113.45	112.82
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	12.26	16.48	17.10	12.13	10.21
Lain-Lain Perbelanjaan	22.52	24.52	23.51	33.74	24.01
Jumlah	**242.68**	**268.55**	**264.30**	**286.16**	**280.35**

Jadual 2 : Perbandingan Komponen Perbelanjaan 2015-2019

Perbelanjaan Kumpulan pada tahun 2019 adalah sebanyak RM280.35 juta berbanding RM286.16 juta tahun 2018, penurunan sebanyak RM5.81 juta (2.03%). Perbelanjaan Emolumen meningkat kepada RM133.31 juta (47.55%) dan diikuti dengan penurunan perbelanjaan Perkhidmatan dan Bekalan berjumlah RM112.82 juta (40.24%).

Perbelanjaan Pemberian Dan Kenaan pula menurun kepada RM10.21 juta (3.64%). Jumlah keseluruhan perbelanjaan USIM ini termasuk perbelanjaan Susutnilai Dan Lain-Lain Perbelanjaan sebanyak RM24.01 juta (8.56%). Namun begitu, jumlah ini tidak termasuk perbelanjaan bagi Pembelian Aset Tetap dan Pembinaan Dalam Kemajuan.



Rajah 2 : Perbandingan Komponen Perbelanjaan 2015-2019

ASET DAN LIABILITI

Jumlah Aset Tetap Kumpulan pada tahun 2019 adalah sebanyak RM742.53 juta berbanding dengan RM734.24 juta pada tahun 2018, peningkatan sebanyak RM8.29 juta (1.13%). Ini disebabkan oleh peningkatan dalam Hartanah, Loji dan Peralatan serta peningkatan dalam Kerja Dalam Pembinaan. Jumlah Aset Semasa pada tahun 2019 pula adalah sebanyak RM153.68 juta berbanding dengan RM132.96 juta pada tahun 2018. Ini merupakan peningkatan sebanyak RM20.72 juta (15.58%).

	2015	2016	2017	2018	2019
	RM (Juta)	RM (Juta)	RM (Juta)	RM (Juta)	RM (Juta)
Jumlah Aset Tetap	484.01	480.32	485.73	734.24	742.53
Jumlah Aset Semasa	186.23	178.74	159.86	132.96	153.68

Jadual 3 : Perbandingan Aset Tetap Dan Aset Semasa 2015-2019



Rajah 3 : Perbandingan Aset Tetap Dan Aset Semasa 2015-2019

	2015	2016	2017	2018	2019
	RM (Juta)	RM (Juta)	RM (Juta)	RM (Juta)	RM (Juta)
Jumlah Aset Tetap	-	592.14	586.12	550.34	594.8
Jumlah Aset Semasa	603.39	17.84	17.49	16	11.97

Jadual 4 : Perbandingan Liabiliti Bukan Semasa Dan Liabiliti Semasa 2015-2019

Liabiliti Bukan Semasa Kumpulan pada tahun 2019 adalah sebanyak RM594.80 juta berbanding dengan RM550.34 juta pada tahun 2018, peningkatan sebanyak RM44.46 juta (8.08%).

Liabiliti Semasa pada tahun 2019 adalah sebanyak RM11.97 juta berbanding dengan RM16.00 juta pada tahun 2018 iaitu penurunan sebanyak RM4.03 juta (25.18%).



Rajah 4 : Perbandingan Liabiliti Semasa 2015-2019

KUMPULAN WANG MENGURUS

Pendapatan Mengurus tahun 2019 berjumlah RM212.95 juta berbanding RM204.37 juta dalam tahun 2018, peningkatan sebanyak RM8.58 juta (4.20%). Geran Mengurus tahun 2019 yang diterima berjumlah RM174.93 juta, merupakan peningkatan sebanyak RM9.00 juta (5.42%) berbanding RM165.93 juta dalam tahun 2018. Yuran Pengajian menyumbang sebanyak RM27.50 juta daripada pendapatan USIM berbanding RM27.24 juta dalam tahun 2018 di mana ia merupakan peningkatan sebanyak RM0.26 juta (0.95%). Lain-Lain Pendapatan mencatat RM10.52 juta berbanding RM11.20 juta dalam tahun 2018, penurunan sebanyak RM0.68 juta (6.07%).

	2018	2019
	RM (Juta)	RM (Juta)
Geran Kerajaan	165.93	174.93
Yuran	27.24	27.50
Pendapatan Lain	11.20	10.52
Jumlah	**204.37**	**212.95**

Jadual 5 : Perbandingan Komponen Pendapatan Mengurus 2018-2019



Rajah 5 : Perbandingan Komponen Pendapatan Mengurus 2018-2019

	2018	2019
	RM (Juta)	RM (Juta)
Emolumen	123.62	130.42
Perkhidmatan dan Bekalan	82.01	82.94
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	7.69	6.82
Lain-Lain Perbelanjaan	6.96	3.16
Jumlah	**220.28**	**223.34**

Jadual 6 : Perbandingan Komponen Perbelanjaan Mengurus 2018-2019

Perbelanjaan Mengurus USIM 2019 berjumlah RM223.34 juta berbanding RM220.28 juta dalam tahun 2018, peningkatan sebanyak RM3.06 juta (1.39%). Emolumen tahun 2019 berjumlah RM130.42 juta berbanding RM123.62 juta dalam tahun 2018, peningkatan sebanyak RM6.80 juta (5.50%). Perbelanjaan Perkhidmatan Dan Bekalan tahun 2019 berjumlah RM82.94 juta berbanding RM82.01 juta dalam tahun 2018, peningkatan sebanyak RM0.93 juta (1.13%). Perbelanjaan Pemberian dan Kenaan Tetap tahun 2019 berjumlah RM6.82 juta berbanding RM7.69 juta dalam tahun 2018, penurunan sebanyak RM0.87 juta (11.31%). Lain – lain Perbelanjaan USIM termasuk perbelanjaan Susutnilai dan Lain-Lain Perbelanjaan berjumlah RM3.16 juta berbanding RM6.96 juta dalam tahun 2018, penurunan sebanyak RM3.80 juta (54.60%). Namun begitu, jumlah ini tidak termasuk perbelanjaan bagi Pembelian Aset Tetap dan Pembinaan Dalam Kemajuan.



Rajah 6 : Perbandingan Komponen Perbelanjaan Mengurus 2018-2019

LAPORAN RINGKASAN KEDUDUKAN KEWANGAN DAN PRESTASI 2019

Penyata Pendapatan dan Pendapatan Komprehensif Lain	2015	2016	2017	2018	2019
	RM	RM	RM	RM	RM
Jumlah Pendapatan	257,057,761	282,385,881	265,894,663	267,223,079	**270,781,717**
Jumlah Perbelanjaan	243,728,611	268,545,675	264,298,172	286,165,547	**280,351,162**
Lebihan / (Kurangan) Pendapatan Sebelum Cukai	13,329,150	13,840,206	1,596,491	(18,942,468)	**(9,569,445)**

Penyata Kedudukan Kewangan	2015	2016	2017	2018	2019
	RM	RM	RM	RM	RM
Aset Bukan Semasa	484,014,107	480,315,380	485,734,450	734,235,852	**742,530,700**
Aset Semasa	186,227,137	178,736,144	159,857,033	132,964,088	**153,680,446**
Liabiliti Bukan Semasa	-	592,143,486	586,121,201	550,343,923	**594,796,355**
Liabiliti Semasa	603,387,412	17,842,415	17,485,256	15,997,372	**11,974,613**

	2015	2016	2017	2018	2019
	RM	RM	RM	RM	RM
Nisbah Kewangan					
Aset Semasa/Liabiliti Semasa	0.31	10.02	9.14	8.31	**12.83**
Aset Mudah Cair/Liabiliti Semasa	0.27	8.64	7.23	6.57	**10.39**
Jumlah Liabiliti / Jumlah Aset	0.90	0.93	0.93	0.65	**0.68**
Modal Digunakan /Jumlah Liabiliti	2.21%	2.27%	0.26%	-3.34%	**-1.58%**
Modal Digunakan /Aset Tetap	1.99%	2.10%	0.25%	-2.18%	**-1.07%**

LAPORAN

KETUA AUDIT NEGARA

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

KETUA AUDIT NEGARA MALAYSIA

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Universiti Sains Islam Malaysia yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019 Universiti Sains Islam Malaysia dan Kumpulan dan Penyata Pendapatan dan Pendapatan Komprehensif Lain, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai Universiti Sains Islam Malaysia dan Kumpulan bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 1 hingga 29, telah diaudit oleh wakil saya.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Universiti Sains Islam Malaysia dan Kumpulan pada 31 Disember 2019 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971.

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Universiti Sains Islam Malaysia dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah Universiti Sains Islam Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Universiti Sains Islam Malaysia dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Universiti Sains Islam Malaysia dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Universiti Sains Islam Malaysia dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Universiti Sains Islam Malaysia dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Universiti Sains Islam Malaysia dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Universiti Sains Islam Malaysia dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Universiti Sains Islam Malaysia dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Universiti Sains Islam Malaysia dan Kumpulan.

c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah.

d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Universiti Sains Islam Malaysia atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Universiti Sains Islam Malaysia dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit.

e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan Penyata Kewangan Universiti Sains Islam Malaysia dan Kumpulan memberi gambaran yang saksama.

f. Mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, saya juga melaporkan syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya, telah dinyatakan di Nota 6 dalam penyata kewangan.

Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengarah Universiti Sains Islam Malaysia berdasarkan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.

(DATIN SITI ZALEHA BINTI BAKAR)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA

PUTRAJAYA
24 SEPTEMBER 2020

PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

Kami, **Profesor Dato' Dr. Siddiq Bin Hj. Fadzil** dan **Profesor Dr. Mohamed Ridza Bin Wahiddin** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah **UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan **UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA** dan Kumpulan pada 31 Disember 2019 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi Pihak Lembaga,

Nama : Profesor Dato' Dr. Siddiq Bin Hj. Fadzil

Gelaran : Pengerusi Lembaga Pengarah

Tarikh : 30 APR 2020

Bagi Pihak Lembaga,

Nama : Profesor Dr. Mohamed Ridza Bin Wahiddin

Gelaran : Naib Canselor

Tarikh : 30 APR 2020

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA
YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

Saya, **Dato' Haji Mohd Abd Rasid Bin Mohd Fadzil**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **Universiti Sains Islam Malaysia**, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan atas kehendak-kehendaknya Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui)
oleh penama di atas di Bandar Baru Bangi,)
Selangor pada)

.....

Di hadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAH
B 509
HAJI KASSIM
BIN LEMAN
01/07/2018-31/12/2020
MALAYSIA
C 1-2, Bangi Gateway
Persiaran Pekeliling
43650 Bandar Baru Bangi
Selangor

.....
PESURUHJAYA SUMPAH

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2019

	NOTA	KUMPULAN 2019 RM	KUMPULAN 2018 RM Dinyatakan semula	UNIVERSITI 2019 RM	UNIVERSITI 2018 RM Dinyatakan semula
ASET BUKAN SEMASA					
Hartanah, Loji Dan Peralatan	4	644,366,961	660,261,474	644,018,252	659,813,804
Pembinaan Dalam Kemajuan	5	98,163,739	73,974,378	98,163,739	73,974,378
Pelaburan Dalam Anak Syarikat	6	-	-	-	2,000,000
JUMLAH ASET BUKAN SEMASA		742,530,700	734,235,852	742,181,991	735,788,182
ASET SEMASA					
Inventori	7	219,817	146,022	-	-
Penghutang Pelajar	8	4,687,217	5,606,235	4,687,217	5,606,235
Pelbagai Penghutang	9	18,979,200	13,142,843	21,963,108	16,142,616
Deposit Dan Bayaran Terdahulu	10	5,393,391	8,945,009	5,033,163	8,675,418
Simpanan Tetap	11	111,139,760	88,501,868	111,139,760	88,501,868
Tunai Di Tangan Dan Di Bank	12	13,261,061	16,622,111	11,854,835	16,362,708
JUMLAH ASET SEMASA		153,680,446	132,964,088	154,678,083	135,288,845
JUMLAH ASET		896,211,146	867,199,940	896,860,074	871,077,027
DIBIAYAI OLEH					
EKUITI					
Kumpulan Wang Mengurus	13	30,264,443	41,046,190	28,264,443	41,046,190
Kumpulan Wang Amanah	14	13,492,423	13,727,727	13,492,423	13,727,727
Kumpulan Wang Pembangunan	15	(5,478,033)	(5,478,033)	(5,478,033)	(5,478,033)
Kumpulan Wang Pinjaman	16	2,082,463	2,027,591	2,082,463	2,027,591
Kumpulan Wang Asrama	17	716,224	1,104,279	716,224	1,104,279
Kumpulan Wang Pendapatan	18	203,691	95,033	203,691	95,033
Kumpulan Wang Wakaf	19	355	283,921	355	283,921
Kumpulan Wang Aset	20	381,147	381,147	381,147	381,147
Lebihan Penilaian Semula	21	251,971,732	251,971,732	251,971,732	251,971,732
Kurangan Terkumpul Anak Syarikat	22	(4,194,267)	(4,300,942)	-	-
JUMLAH EKUITI		289,440,178	300,858,645	291,634,445	305,159,587
LIABILITI BUKAN SEMASA					
Pajakan Kewangan	23	341,054	381,562	341,054	341,111
Manfaat Pekerja Jangka Panjang	24	1,894,929	1,729,614	1,894,929	1,729,614
Pendapatan Tertunda	25	592,560,372	548,232,747	592,560,372	548,232,747
JUMLAH LIABILITI BUKAN SEMASA		594,796,355	550,343,923	594,796,355	550,303,472
LIABILITI SEMASA					
Pajakan Kewangan	23	4,170	15,478	56	53
Manfaat Pekerja Jangka Pendek	26	1,889,775	2,030,412	1,889,775	2,030,412
Pemiutang	27	10,079,364	13,951,249	8,539,443	13,583,503
Peruntukan Cukai		1,304	233	-	-
JUMLAH LIABILITI SEMASA		11,974,613	15,997,372	10,429,274	15,613,968
JUMLAH LIABILITI		606,770,968	566,341,295	605,225,629	565,917,440
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI		896,211,146	867,199,940	896,860,074	871,077,027

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
PENYATA PENDAPATAN DAN PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

	NOTA	KUMPULAN 2019 RM	KUMPULAN 2018 RM Dinyatakan semula	UNIVERSITI 2019 RM	UNIVERSITI 2018 RM Dinyatakan semula
PENDAPATAN					
Geran Pemberian Kerajaan		174,927,131	165,931,500	174,927,131	165,931,500
Geran Modal Dilunaskan	28	32,505,428	37,332,240	32,505,428	37,332,240
Yuran		37,685,791	34,958,878	36,088,365	34,958,878
Pendapatan Lain	29	25,663,367	29,000,461	23,143,206	26,205,106
JUMLAH PENDAPATAN		270,781,717	267,223,079	266,664,130	264,427,724
PERBELANJAAN					
Emolumen	30	133,313,375	126,842,084	132,013,776	125,279,769
Perkhidmatan Dan Bekalan	31	112,823,880	113,451,256	111,659,241	112,127,595
Pemberian Dan Kenaan Bayaran	32	10,207,196	12,132,715	8,860,505	11,335,424
Susut Nilai Hartanah, Loji dan Peralatan	4	23,420,788	25,152,660	23,321,274	25,063,673
Hapuskira Hartanah, Loji dan Peralatan		11,401	2,217	6,140	2,217
Rugi Rosotnilai		-	-	2,000,000	-
Hutang Lapuk		384,732	431,891	384,732	389,636
Hutang Ragu	33	189,790	2,662,613	95,654	2,447,821
Kurangan Penilaian Semula Hartanah		-	5,478,033	-	5,478,033
Manfaat Pekerja		-	12,078	-	12,078
JUMLAH PERBELANJAAN		280,351,162	286,165,547	278,341,322	282,136,246
(KURANGAN) PENDAPATAN SEBELUM CUKAI		(9,569,445)	(18,942,468)	(11,677,192)	(17,708,522)
CUKAI		1,071	3,261	-	-
(KURANGAN) PENDAPATAN SELEPAS CUKAI		(9,570,516)	(18,945,729)	(11,677,192)	(17,708,522)
PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN SELEPAS DITOLAK CUKAI					
Item Yang Tidak Akan Dikelaskan Semula Ke Keuntungan Atau Kerugian Selepas Itu					
Lebihan Bersih Daripada Penilaian Semula Hartanah	21	-	251,971,732	-	251,971,732
		(9,570,516)	233,026,003	(11,677,192)	234,263,210

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

KUMPULAN

	Kumpulan Wang Mengurus	Kumpulan Wang Amanah	Kumpulan Wang Pembangunan	Kumpulan Wang Pinjaman	Kumpulan Wang Asrama	Kumpulan Wang Pendapatan	Kumpulan Wang Wakaf	Kumpulan Wang Aset	Lebihan Penilaian Semula	Kurangan Terkumpul Anak Syarikat	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM		RM	RM			RM
2019											
Baki pada 1 Januari 2019	41,046,190	13,727,727	(5,478,033)	2,027,591	1,104,279	95,033	283,921	381,147	251,971,732	(4,300,942)	300,858,645
Perubahan dalam tahun semasa	(381,637)	(1,182,393)	-	-	-	-	(283,921)	-	-	-	(1,847,951)
Lebihan/(Kurangan) Tahun Semasa	(10,400,110)	947,089	-	54,872	(388,055)	108,658	355	-	-	106,675	(9,570,516)
Pada 31 Disember 2019	30,264,443	13,492,423	(5,478,033)	2,082,463	716,224	203,691	355	381,147	251,971,732	(4,194,267)	289,440,178
2018											
Baki pada 1 Januari 2018	34,414,937	6,401,890	-	1,637,479	2,185,427	-	-	381,147	-	(3,063,736)	41,957,144
Perubahan dalam tahun semasa	22,545,861	3,002,548	-	327,088	-	-	-	-	-	-	25,875,497
Lebihan/(Kurangan) Tahun Semasa	(15,914,608)	4,323,289	(5,478,033)	63,024	(1,081,148)	95,033	283,921	-	251,971,732	(1,237,206)	233,026,004
Baki pada 31 Disember 2018	41,046,190	13,727,727	(5,478,033)	2,027,591	1,104,279	95,033	283,921	381,147	251,971,732	(4,300,942)	300,858,645

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

UNIVERSITI

	Kumpulan Wang Mengurus	Kumpulan Wang Amanah	Kumpulan Wang Pembangunan	Kumpulan Wang Pinjaman	Kumpulan Wang Asrama	Kumpulan Wang Pendapatan	Kumpulan Wang Wakaf	Kumpulan Wang Aset	Lebihan Penilaian Semula	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM		RM	RM		RM
2019										
Baki pada 1 Januari 2019	41,046,190	13,727,727	(5,478,033)	2,027,591	1,104,279	95,033	283,921	381,147	251,971,732	305,159,587
Perubahan dalam tahun semasa	(381,637)	(1,182,393)	-	-	-	-	(283,921)	-	-	(1,847,951)
Lebihan/(Kurangan) Tahun Semasa	(12,400,110)	947,089	-	54,872	(388,055)	108,658	355	-	-	(11,677,191)
Pada 31 Disember 2019	28,264,443	13,492,423	(5,478,033)	2,082,463	716,224	203,691	355	381,147	251,971,732	291,634,445
2018										
Baki pada 1 Januari 2018	34,414,937	6,401,890	-	1,637,479	2,185,427	-	-	381,147	-	45,020,880
Perubahan dalam tahun semasa	22,545,861	3,002,548	-	327,088	-	-	-	-	251,971,732	277,847,229
Lebihan/(Kurangan) Tahun Semasa	(15,914,608)	4,323,289	(5,478,033)	63,024	(1,081,148)	95,033	283,921	-	-	(17,708,522)
Baki pada 31 Disember 2018	41,046,190	13,727,727	(5,478,033)	2,027,591	1,104,279	95,033	283,921	381,147	251,971,732	305,159,587

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2019 RM	2018 RM Dinyatakan semula	2,019 RM	2018 RM Dinyatakan semula
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI				
LEBIHAN PENDAPATAN SEBELUM CUKAI	(9,569,445)	(18,942,468)	(11,677,192)	(17,708,522)
Pelarasan bagi perkara yang tidak melibatkan pergerakan dana :				
Susutnilai Hartanah Loji dan Peralatan	23,420,788	25,152,660	23,321,274	25,063,673
Hapuskira Hartanah Loji dan Peralatan	11,401	2,217	6,140	2,217
Rugi Rosotnilai	-	-	2,000,000	-
Peruntukan Hutang Ragu	189,790	2,662,613	95,654	2,447,821
Hutang Lapuk	384,732	431,891	384,732	389,636
Pelarasan Pendapatan Tertunda	10,444,721	(26,583,956)	10,444,721	(26,583,956)
Pelarasan Susutnilai	-	25,808,849	-	25,808,849
Peruntukan/(Pelarasan) Manfaat Pekerja	24,678	(137,639)	24,678	(137,639)
Faedah Diterima	(3,868,967)	(4,425,116)	(3,866,913)	(4,424,085)
Faedah Dibayar	7,382	5,803	-	-
Kurangan Penilaian Semula Hartanah	-	5,478,033	-	5,478,033
Kurangan Pendapatan sebelum perubahan Modal Kerja	21,045,080	9,452,887	20,733,094	10,336,027
Perubahan Modal Kerja :				
(Tambahan)/Kurangan Penghutang & Pelbagai Penghutang	(5,503,432)	(1,664,572)	(5,319,634)	(3,634,841)
(Tambahan)/Kurangan Deposit dan Bayaran Terdahulu	3,551,617	3,889,977	3,642,255	4,159,568
Tambahan/(Kurangan) Pemiutang	(3,871,885)	(1,445,221)	(5,044,060)	(647,170)
Tunai dijana daripada operasi :	15,221,380	10,233,071	14,011,655	10,213,584
Faedah Dibayar	(7,382)	(5,803)	-	-
Cukai Dibayar	-	(3,261)	-	-
Tunai Bersih Daripada Aktiviti Operasi	15,213,998	10,224,007	14,011,655	10,213,584
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN				
Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan	(7,619,106)	(4,900,968)	(7,531,862)	(4,748,788)
Penjualan daripada Pelupusan Aset	81,430	-	-	-
Perbelanjaan Pembinaan Dalam Kemajuan	(24,189,361)	(23,531,520)	(24,189,361)	(23,531,520)
Perbelanjaan Geran Tertunda	(32,505,428)	(37,332,240)	(32,505,428)	(37,332,240)
Faedah Diterima	3,806,742	4,718,990	3,804,688	4,717,960
Tunai Bersih Dari Aktiviti Pelaburan	(60,425,723)	(61,045,738)	(60,421,963)	(60,894,588)

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2019 RM	2018 RM Dinyatakan semula	2019 RM	2018 RM Dinyatakan semula
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN				
Terimaan Geran Tertunda	66,388,332	29,491,394	66,388,332	29,491,394
Terimaan Bayaran Balik Pinjaman Kakitangan	-	176,651	-	176,651
Perbelanjaan daripada Pelbagai Tabung dan Akaun Amanah	(1,847,950)	(110,000)	(1,847,951)	(110,000)
Bayaran Balik Sewa Beli	(51,815)	(15,475)	(54)	(50)
Tunai Bersih Dari Aktiviti Pembiayaan	**64,488,567**	**29,542,570**	**64,540,327**	**29,557,995**
LEBIHAN/(KURANGAN) BERSIH TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI	19,276,842	(21,279,161)	18,130,019	(21,123,009)
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN	105,123,979	126,403,140	104,864,576	125,987,585
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	**124,400,821**	**105,123,979**	**122,994,595**	**104,864,576**
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI TERMASUK :-				
Wang Di Tangan Dan Baki Di Bank	13,261,061	16,622,111	11,854,835	16,362,708
Simpanan Tetap	111,139,760	88,501,868	111,139,760	88,501,868
	124,400,821	**105,123,979**	**122,994,595**	**104,864,576**

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2019

1. MAKLUMAT UMUM

a. Penubuhan

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) pada asalnya merupakan Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) yang telah ditubuhkan di bawah Peruntukan (1) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan telah diwartakan pada 13 Mac 1998 dan mula beroperasi pada tahun 2000.

b. Pertukaran Status

KUIM telah dinaiktaraf dan diwartakan kepada sebuah Universiti dikenali sebagai Universiti Sains Islam Malaysia berkuat kuasa pada 1 Februari 2007.

c. Aktiviti Utama

USIM merupakan sebuah institusi pengajian tinggi awam yang ditubuhkan bertujuan:-

i. untuk mempelopori dan memartabatkan pendidikan Sains Islam ke arus perdana pendidikan Negara

ii. melahirkan ilmuwan berpendidikan sepadu yang menggabungkan ilmu Sains dan Islam untuk menerajui pembangunan negara ke arah ekonomi berinovasi;

iii. meneroka dan mengembalikan kegemilangan keilmuan Islam yang terbilang sesuai dengan persekitaran, ilmu dan teknologi terkini; dan

iv. menerokai segala ilmu dalam bidang yang berkaitan dengan sains, teknologi dan pengurusan sumber alam melalui penyelidikan multi-disiplin.

d. Mata Wang Fungsian

i. Penyata kewangan Universiti dan Kumpulan dibentangkan dalam mata wang fungsian, yang mana merupakan mata wang persekitaran ekonomi utama di mana entiti beroperasi.

ii. Mata wang fungsian Universiti adalah Ringgit Malaysia ("RM"), di mana aktiviti utama jualan dan pembelian adalah dalam RM, dan dana daripada aktiviti pembiayaan dijana dalam RM.

iii. Bagi tujuan penyata kewangan disatukan, penyata kewangan Universiti dan Kumpulan dicatatkan dalam RM, yang mana merupakan mata wang fungsian Universiti, dan mata wang pembentangan untuk penyata kewangan disatukan.

e. Penyata Kewangan Universiti bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti pada 30 April 2020.

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING

a. ASAS PERAKAUNAN

Bermula tahun 2016, Penyata Kewangan Disatukan Kumpulan dan Universiti telah disediakan selaras dengan *Malaysian Private Entities Reporting Standards* (MPERS) yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) dengan pengubahsuan dibuat mengikut kesesuaian peruntukan yang telah ditetapkan oleh Akta dan Undang-undang Kerajaan yang berkaitan. Penyata Kewangan Universiti ini telah disediakan berdasarkan konvensyen kos sejarah.

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2019

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (sambungan)

b. ASAS PENYATUAN

Penyata Kewangan Disatukan disediakan merangkumi semua Kumpulan Wang dan anak syarikat. Semua transaksi antara Kumpulan telah dihapuskan semasa penyatuan.

c. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

i. Hartanah, Loji dan Peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susutnilai terkumpul kecuali tanah pajakan dan bangunan dan ubahsuai bangunan.

ii. Hartanah, Loji dan Peralatan yang memenuhi kriteria-kriteria hartanah, loji dan peralatan dari segi kos jangka hayat melebihi satu tahun akan dipermodalkan. Hartanah, loji dan peralatan yang tidak memenuhi kriteria hartanah, loji dan peralatan akan diambil kira sebagai perbelanjaan tahun semasa.

iii. Pembelian barangan bernilai RM3,000 dan ke atas diambil kira sebagai Harta Modal, manakala barangan bernilai di bawah RM3,000 diambil kira sebagai Inventori. Pengiktirafan Kenderaan sebagai aset mengambil kira perbelanjaan terlibat iaitu cukai jalan dan insuran.

iv. Buku-buku Perpustakaan tidak dipermodalkan dan direkodkan di dalam Daftar Buku-buku Perpustakaan.

v. Pembelian perabot dikategorikan sebagai Inventori tanpa mengambilkira nilai pembelian berkuatkuasa 1 April 2010.

vi. Peningkatan penilaian semula yang timbul daripada penilaian semula diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain dan terkumpul dalam ekuiti dibawah tajuk lebihan penilaian semula hartanah, kecuali apabila peningkatan diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian setakat yang ia membalikkan pengurangan penilaian semula aset yang sama sebelum ini diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Pengurangan penilaian semula yang timbul daripada penilaian semula diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian, kecuali apabila penurunan diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain setakat mana baki kredit yang sedia ada dalam lebihan penilaian semula hartanah berkenaan dengan aset itu. Penurunan yang diiktiraf dalam pendapatan komprehensif yang lain mengurangkan amaun yang terkumpul dalam dalam ekuiti di bawah tajuk lebihan penilaian semula hartanah.

d. SUSUT NILAI

Susutnilai bagi Hartanah, Loji dan Peralatan dikira berasaskan kaedah garis lurus ke atas anggaran jangka hayat Hartanah, Loji dan Peralatan. Susutnilai penuh dikenakan dalam tahun perolehan atau pembelian dan tiada susutnilai dikenakan dalam tahun penjualan. Tanah pegangan bebas tidak disusutnilaikan.

Polisi untuk kadar susutnilai tahunan Hartanah, Loji dan Peralatan telah ditetapkan seperti berikut:

Bangunan dan Ubahsuai Bangunan	2%
Infrastruktur	5%
Alat Perhubungan	5%
Kenderaan dan Jentera	20%
Komputer, Rangkaian dan Perisian	20%
Mesin dan Alat Pejabat	20%
Aset Asrama, Perabot dan Pemasangan	20%
Aset Perubatan	20%

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2019

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (sambungan)

d. SUSUT NILAI (sambungan)

Alat Bantuan Mengajar dan Pandang Dengar	20%
Alat Kelengkapan, Sukan dan Kebudayaan	20%
Alat Keselamatan	20%
Tanah Pajakan	Mengikut Tempoh Pajakan

e. ROSOTNILAI ASET

Hartanah, Loji dan Peralatan yang mempunyai jangka hayat yang panjang akan dinilai sekiranya terdapat tanda-tanda rosotnilai. Kerugian rosotnilai dikira apabila amaun pembawa aset melebihi amaun bolehpulih aset. Amaun bolehpulih aset ialah nilai saksama aset ditolak kos penjualan dan digunakan, mana-mana yang lebih tinggi. Kerugian daripada rosotnilai aset akan dicaj ke penyata pendapatan.

f. PEMBINAAN DALAM KEMAJUAN

Pembinaan Dalam Kemajuan adalah kerja-kerja yang melibatkan projek pembinaan bangunan dan infrastruktur yang masih belum disempurnakan pada akhir tahun kewangan. Jumlah yang diambil kira adalah kos yang terlibat berdasarkan kepada bayaran kemajuan. Kos pembinaan akan dipermodalkan apabila Sijil Perakuan Siap Kerja dikeluarkan. Sebarang bayaran tambahan akan dicajkan ke aset berkenaan dalam tahun berkenaan.

g. PERUNTUKAN HUTANG RAGU

Peruntukan hutang ragu semua penghutang diuji bagi setiap penghutang secara individu jika terdapat sebarang petunjuk rosot nilai. Penghutang individu yang tiada kerugian rosot nilai akan dikumpulkan bersama penghutang lain mengikut kelas berdasarkan ciri-ciri risiko dan mengikut tempoh luput mereka yang lepas. Rosot nilai terkumpul dianggarkan untuk satu kumpulan berdasarkan pengalaman nisbah kumpulan setiap kelas, mengambil kira keadaan pasaran semasa.

Peruntukan hutang ragu pelajar akan diuji mengikut peringkat pengajian. Bagi peringkat pengajian Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor falsafah, peruntukan akan diuji sekiranya hutang pelajar melebihi empat (4) tahun bermula dari tarikh pelajar mendaftarkan diri. Bagi kelas penghutang lain selain dinyatakan di atas, semua penghutang akan diuji sekiranya tempoh hutang melebihi dua (2) tahun.

h. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

Tunai dan kesetaraan tunai adalah merangkumi wang tunai di tangan dan baki di bank serta simpanan tetap yang tidak dicagarkan untuk sebarang tujuan.

i. MANFAAT PEKERJA

i. Manfaat Pekerja Jangka Pendek

Upah, gaji, bonus dan sumbangan keselamatan sosial dikira sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh staf. Universiti juga telah mengakaunkan bayaran pampasan bagi staf kontrak yang akan tamat pada tahun berikutnya sebagai liabiliti manfaat pekerja jangka pendek.

ii. Pelan Caruman Tetap

Universiti membuat caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Tetap Pekerja (KWSP) bagi staf yang memilih faedah KWSP atau Kumpulan Wang Amanah Pencen Kerajaan bagi staf yang telah diletakkan di dalam skim pencen dan sumbangan tersebut diambilkira sebagai perbelanjaan di

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (sambungan)

iii. **Manfaat Pekerja Jangka Panjang**

Bermula tahun 2016, Universiti telah mengakaunkan bayaran pampasan staf kontrak yang akan tamat selepas tahun berikutnya sebagai liabiliti manfaat pekerja jangka panjang. Polisi Universiti untuk Manfaat Pekerja Jangka Panjang adalah mengambil kira semua kakitangan Universiti yang berumur 55 tahun ke atas iaitu umur bersara wajib.

j. PENGIKTIRAFAN PENDAPATAN

i. Geran Pemberian Kerajaan untuk perbelanjaan Mengurus diambil kira dalam Penyata Pendapatan.

ii. Geran Pemberian Kerajaan untuk penyelidikan dan projek pembangunan diiktiraf sebagai Geran Tertunda dan akan dilunaskan mengikut belanja susut nilai projek yang telah disiapkan dan aset yang dibeli serta belanja operasi projek yang tidak dimodalkan.

iii. Pendapatan dari Yuran, Simpanan Tetap dan lain-lain pendapatan dianggap sebagai pendapatan Universiti. Pendapatan daripada Simpanan Tetap dikira mengikut asas akruan. Pendapatan daripada yuran pengajian pelajar adalah diiktiraf keseluruhannya apabila pendaftaran dibuka pada tahun berkenaan.

iv. Pemberian untuk Pinjaman Komputer dan Pinjaman Kenderaan diakaunkan terus ke dalam akaun berkenaan dan diiktiraf berasaskan asas tunai.

k. CUKAI PENDAPATAN

Universiti adalah dikecualikan dari cukai pendapatan atas pendapatannya di bawah perenggan 13 Jadual 6, Bahagian 1, Akta Cukai Pendapatan 1967 kecuali bagi pendapatan dividen.

l. SYARIKAT SUBSIDIARI

Syarikat Subsidiari adalah syarikat di mana Universiti memegang separuh atau lebih daripada saham berbayar atau menguasai separuh komposisi Lembaga Pengarah atau separuh daripada kuasa mengundi. Pelaburan dalam syarikat subsidiari akan dihapuskan semasa penyatuan penyata kewangan.

m. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Objektif pengurusan risiko kewangan Kumpulan dan Universiti adalah untuk memastikan pendedahan terhadap pelbagai risiko seperti risiko kredit, risiko kadar faedah dan risiko kecairan serta aliran tunai diurus dan dikawal bagi memaksimumkan pulangan dan mengekalkan keutuhan Universiti. Universiti bertanggungjawab untuk menangani risiko tersebut dengan memastikan penyediaan polisi dan prosedur yang baik serta sistem kawalan dalaman yang berkesan.

i. **Risiko Kredit**

Risiko Kredit wujud apabila terdapat kemungkinan kerugian kewangan akibat daripada kegagalan mematuhi kontrak atau transaksi dibuat secara kredit. Risiko kredit dikawal dengan menetapkan polisi, membuat penilaian serta pemantauan yang berkesan terutamanya terhadap penghutang.

ii. **Risiko Kadar Faedah**

Universiti tidak terdedah kepada risiko kadar faedah memandangkan tiada sebarang pinjaman atau aset yang menanggung faedah. Pelaburan dalam aset kewangan adalah bersifat jangka

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2019

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (sambungan)

m. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (sambungan)

iii. Risiko Kecairan dan Aliran Tunai

Universiti memastikan bahawa aliran tunai yang sedia ada memadai untuk memenuhi tuntutan perbelanjaan dan liabiliti di luar jangka diurus dengan sebaik-baiknya.

n. Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST)

Pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan berkuatkuasa pada 1 April 2015. Sebagai Universiti Awam yang menyediakan perkhidmatan pendidikan, skop pembekalan Universiti adalah pembekalan dikecualikan dan boleh dirujuk dalam Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pembekalan Dikecualikan) 2014 P.U(A) 271.

Bermula 1 Jun 2018, Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) adalah pada kadar sifar (0%) untuk semua pembekalan dan berkuat kuasa sehingga 31 Ogos 2018.

Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) diperkenalkan semula bagi menggantikan GST bermula 1 September 2018.

o. ASET KEWANGAN

Aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Kumpulan dan Universiti menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada awal pengiktirafan, aset kewangan adalah diukur pada harga urusniaga, termasuk kos urusniaga untuk aset kewangan tidak diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, melainkan perjanjian membentuk, pada kesan, sebuah urusniaga pembiayaan bagi pihak bertimbal kepada pengaturan.

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada tiga kategori: aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, aset kewangan merupakan instrumen hutang diukur pada kos dilunaskan, dan aset kewangan merupakan instrumen ekuiti diukur pada kos ditolak rosotnilai.

i. Aset Kewangan Diukur pada Nilai Saksama menerusi Keuntungan atau Kerugian

Aset kewangan adalah dikelaskan sebagai nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian apabila aset kewangan adalah dalam skop Seksyen 12 MPERS atau jika aset kewangan diniagakan secara awam atau nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti tanpa kos atau usaha yang tidak wajar.

Perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

Jika ukuran pasti bagi nilai saksama tidak lagi boleh didapati untuk instrumen ekuiti yang tidak diniagakan secara awam tetapi diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, nilai saksamanya pada tarikh akhir instrumen yang boleh dinilai dengan pasti dianggap sebagai kos instrumen, dan ia diukur pada amaun kos ini ditolak rosotnilai sehingga ukuran pasti nilai saksama boleh didapati.

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (sambungan)

o. ASET KEWANGAN (sambungan)

ii. Aset Kewangan merupakan Instrumen Hutang Diukur pada Kos Dilunaskan

Selepas pengiktirafan awal, instrumen hutang diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif. Instrumen hutang yang dikelaskan sebagai aset semasa diukur pada amaun tunai yang tidak didiskaunkan atau pertimbangan lain yang dijangka boleh diterima.

Kaedah faedah efektif adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan aset kewangan dan untuk memperuntukan pendapatan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar faedah efektif adalah kadar diskaun anggaran penerimaan tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat aset kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan amaun bawaan aset kewangan.

iii. Aset Kewangan merupakan Instrumen Ekuiti Diukur pada Kos Ditolak Rosotnilai

Instrumen ekuiti yang tidak diniagakan secara awam dan dimana nilai saksama tidak boleh diukur dengan pasti tanpa kos atau usaha yang tidak wajar, dan kontrak yang berhubung kepada instrumen tersebut, jika dilaksanakan, akan menyebabkan penghantaran instrumen tersebut, diukur pada kos ditolak rosotnilai.

iv. Rosotnilai Aset Kewangan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Kumpulan dan Universiti menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan yang diukur pada kos atau kos dilunaskan, telah dirosotnilai.

Bukti objektif boleh termasuk:

- kesukaran kewangan yang ketara oleh penerbit atau obligor.
- pelanggaran kontrak.
- pemberi pinjaman memberikan kepada peminjam sebuah konsesi bahawa pemberi pinjaman tidak akan dipertimbangkan.
- ia menjadi kemungkinan bahawa peminjam akan bankrap atau penyusunan semula kewangan lain.
- data yang boleh diperhatikan dapat menunjukkan bahawa terdapat penurunan yang boleh diukur dalam anggaran aliran tunai masa depan daripada aset kewangan sejak pengiktirafan awal aset.

Bagi kategori tertentu aset kewangan, seperti penghutang dagangan, jika ia ditentukan bahawa tiada bukti objektif rosotnilai wujud bagi aset kewangan dinilai individu, sama ada penting atau tidak, aset termasuk dalam kumpulan yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa dan dinilai secara kolektif untuk rosotnilai.

Kerugian rosotnilai, berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, diukur sebagai perbezaan di antara amaun bawaan aset dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah efektif aset asal.

Jika terdapat bukti objektif bahawa kerugian rosotnilai telah dilibatkan ke atas aset kewangan diukur pada kos ditolak rosotnilai, amaun kerugian rosotnilai diukur sebagai perbezaan di antara amaun bawaan aset dan anggaran amaun terbaik yang mana Kumpulan dan Universiti akan diterima bagi aset jika ia dijual pada tarikh pelaporan.

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2019

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (sambungan)

o. ASET KEWANGAN (sambungan)

iv. Rosotnilai Aset Kewangan (sambungan)

Amaun bawaan aset kewangan dikurangkan secara langsung, kecuali amaun bawaan penghutang dagangan yang dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun. Sebarang kerugian rosotnilai diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dengan serta-merta. Jika, dalam tempoh kemudiannya, sebarang amaun kerugian rosotnilai menurun, kerugian rosotnilai yang diiktiraf sebelumnya dibalikkan secara langsung, kecuali bagi amaun yang berkaitan dengan penghutang dagangan yang dibalikkan untuk dimasukkan semula amaun yang sebelum ini diperuntukan dalam akaun elaun. Pembalikkan ini diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dengan serta-merta.

v. Penyahiktirafan Aset Kewangan

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak kontrak untuk aliran tunai daripada aset kewangan tersebut tamat tempoh, atau diselesai, atau Kumpulan dan Universiti memindahkan risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan yang ketara kepada pihak lain.

vi. Penyahiktirafan Aset Kewangan (sambungan)

Pada penyahiktirafan aset kewangan secara keseluruhannya, perbezaan di antara amaun bawaan dan jumlah pertimbangan diterima dan sebarang keuntungan atau kerugian kumulatif adalah diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dalam tempoh pemindahan.

p. LIABILITI DAN EKUITI

Pengkelasan Liabiliti dan Ekuiti

Liabiliti kewangan dan instrumen ekuiti adalah dikelaskan selaras dengan ciri-ciri dalam pengaturan kontrak, bukan sekadar bentuk undang-undang, dan selaras dengan definisi liabiliti kewangan dan instrumen ekuiti.

i. Liabiliti Kewangan

Pada awal pengiktirafan, liabiliti kewangan adalah diukur pada harga urusniaga, termasuk kos urusniaga untuk liabiliti kewangan tidak diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, melainkan perjanjian membentuk, pada kesan, sebuah urusniaga pembiayaan bagi Universiti kepada pengaturan.

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada tiga kategori: liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, liabiliti kewangan diukur pada kos dilunaskan, atau komitmen pinjaman diukur pada kos ditolak rosotnilai.

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (sambungan)

p. LIABILITI DAN EKUITI (sambungan)

ii. Liabiliti Diukur pada Nilai Saksama menerusi Keuntungan atau Kerugian

